

Samudera



TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY • BIL 02-2007 • ISSN 0127-6700



Navy



PEMBANGUNAN ASET TLDM SEJAK MERDEKA

**10 KAPAL TENTERA LAUT ASING
Bersama Menyambut Kemerdekaan**

**FREEDOM OF ENTRY TO THE CITY
TLDM mencatat sejarah di Kota Kinabalu**

**TLDM TERIMA LOCENG ASAL
HMS MALAYA**



ISSN 0127-6700



9 770127 670004

<http://www.navy.mil.my>

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com

50

CB90

Bot CB90

merupakan aset TLDM yang digunakan untuk mengawalkan kawasan operasi maritim di perairan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) dan Timur Sabah. Keupayaan Bot CB90 sangat dikagumi dalam membuat rondaan.

Pembangunan Aset TLDM Sejak Merdeka

50 tahun Merdeka menyaksikan peningkatan yang memberangsangkan dalam TLDM dari segi pembangunan aset dan keupayaan dengan perolehan pelbagai aset baru dan moden untuk mempertahankan kedaulatan negara.



6



11

Projek Kapal Selam: Penyambungan SCORPENE II

TLDM menempa sejarah sekali lagi apabila proses penyambungan dua bahagian utama kapal selam kedua berjaya dilakukan. Peristiwa bersejarah ini turut disaksikan oleh PTL, YBhg Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali.



12 Freedom of Entry to the City

MAWILLA 2 mencatat sejarah tersendiri apabila mengadakan upacara tradisi Tentera Laut; Freedom of Entry to the City penuh gilang-gemilang. Upacara ini berjaya menarik lebih 5000 pengunjung yang terdiri dari pelancong dari dalam dan luar negeri.



Loceng HMS MALAYA

SM Victoria mengembalikan loceng asal Kapal HMS MALAYA kepada TLDM. Timbalan PTL, Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar telah menerima loceng tersebut bagi pihak TLDM.

45

Kemerdekaan negara Ke-50 tahun menyaksikan peningkatan TLDM dari segi perolehan aset yang moden dan canggih serta perkembangan struktur organisasi yang pesat. TLDM terus mencipta sejarah dan menjadi organisasi yang dihormati dan dikagumi.



KANDUNGAN

9 MAJLIS PELANCARAN KAPSUL MASA

Dibuka Pada Ulang Tahun TLDM Ke-100

10 SEMBAH HORMAT DIRAJA

Wakil Pelbagai Negara Kagum Keperihatinan Seorang Sultan

14 KOIR SUARA WARISAN TLDM

Merakytakan Seni, Suntik Semangat Patrotik

16 SUPER LYNX Rumah Kedua Roslan

Sehari Dalam Hidup PM Skuadron 501

18 PUSAT KEPIMPINAN TLDM

Mengatur Gerak Dan Merealisasikan Visi Dan Misi Penubuhannya

20 THE NAVY PLAN

Pengukuran Prestasi Dan Pengurusan Anggota

23 BAKAT

Lawatan Ke Hospital Kunak

26 PSIKOLOGI & KAUNSELING

Military Culture: Satu Analisis Psikologi Silang Budaya

31 LAWATAN

KD KEDAH Jelajahi Shanghai Dan Vladivostok

36 ARMADA

TLDM Dan Pertahanan Samudera Malaysia

39 DALAM KENANGAN

KD REJANG - Tinggal Menjadi Kenangan Silam

41 SUKAN

KLD TUNAS SAMUDERA Dalam *The Tall Ships Races 2007* Di Laut Baltik

46 MALACCA STRAITS

Cooperation Between States In The Straits Of Malacca: A Strategic And Innovative Partnership

49 LAWATAN TENTERA LAUT ASING

TLDM Rai PM Dan Warga 10 Kapal Tentera Laut Asing Sempena Kemerdekaan

53 GALLEY SAMUDERA

Mee MK III - Ilham Sonar Bangkit Selera

Dari Meja Ketua Editor



AHOY!

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera..

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah kerana dengan rahmatNya maka Majalah SAMUDERA Bil 2-2007 berjaya dikeluarkan. Saya juga mengucapkan salam pengenalan kepada semua pembaca setia Majalah SAMUDERA. Jika keluaran pertama menyaksikan pertukaran Penaung Sidang Redaksi, keluaran kali ini pula menyaksikan pertukaran Ketua Editor. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg Laksamana Pertama Dato' Amzah bin Sulaiman di atas sumbangan yang telah diberikan kepada Sidang Redaksi. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pucuk Pimpinan Tertinggi TLDM di atas pelantikan saya sebagai Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi seterusnya sebagai Ketua Editor Majalah SAMUDERA. InsyaAllah, dengan komitmen penuh Sidang Redaksi, Majalah SAMUDERA akan terus maju dan mencapai tahap kualiti yang dapat memuaskan hati semua 'pelanggan'.

Majalah SAMUDERA Bil 2-2007 mengutarakan pelbagai isu yang menarik untuk tatapan pembaca setia majalah ini. Bermula dengan ruangan Fokus yang bertajuk Perkembangan Aset TLDM Sejak Merdeka, penulis menghuraikan dengan terperinci tentang pembangunan aset TLDM seawal penubuhannya. Ia menunjukkan peningkatan TLDM dari segi pembangunan aset dan keupayaan dalam menjaga dan mempertahankan kedaulatan perairan Negara. Ruangan Peristiwa menyajikan 2 tajuk menarik iaitu Freedom of Entry to the City - TLDM mencatat sejarah di Kota Kinabalu dan KEDAH Jelajahi Shanghai dan Vladivostok. TLDM mencatat sejarah apabila berjaya melaksanakan upacara tradisi tentera laut iaitu upacara Freedom of Entry to the City. Upacara cetusan idea Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Dato' Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin mendapat kerjasama sepenuhnya dari Datuk Bandar Kota Kinabalu dan berjaya menarik lebih 5000 pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negeri menyaksikannya. Sempena perayaan Merdeka Ke-50 Negara, Panglima Tentera Laut telah meraikan Pegawai Memerintah dan warga 10 buah kapal Tentera Laut Amerika Syarikat, Jepun, New Zealand dan Perancis dalam satu majlis resepsi di Pusat Hidrografi Nasional. Liputan penuh mengenai majlis ini dimuatkan dalam ruangan Lawatan Tentera Laut Asing.

Lawatan DYMM Al-Sultan Kelantan ke Pangkalan TLDM Lumut dan Sembah Hormat Ke Atas DYMM Sultan Selangor oleh Pegawai Tertinggi Tentera Laut negara asing dipaparkan dalam ruangan Lawatan Diraja. Kesudian DYMM Al-Sultan Kelantan mencemar duli ke Pangkalan TLDM sangat dihargai oleh semua warga TLDM manakala kesudian DYMM Sultan Selangor menerima sembah hormat pegawai pegawai Tertinggi Tentera Laut negara asing sangat dikagumi. Tidak dilupakan ruangan Sukan yang menceritakan pengalaman KLD TUNAS SAMUDERA dalam The Tall Ship Races 2007 di Laut Baltik. Penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA telah mendapat anugerah dan pengiktirafan dari pengelola pertandingan sebagai *Sailor Come from a Far*. Kejayaan mereka telah membuktikan bahawa pelayar TLDM juga setanding dengan pelayar antarabangsa. Kejayaan ini di harap dapat menyuntik semangat rakyat Malaysia untuk terus mencuba sesuatu aktiviti yang mencabar dan membuktikan keupayaan kita di peringkat antarabangsa. Satu lagi sejarah yang dilakarkan TLDM dalam tahun 2007 ialah penerimaan loceng asal HMS MALAYA. Upacara penyerahan telah dilakukan oleh Pengetua Sekolah Menengah Victoria, Kuala Lumpur kepada Timbalan Panglima Tentera Laut (TPTL). Dalam ucapan beliau, TPTL telah merakamkan penghargaan kepada pihak sekolah atas penjagaan yang baik ke atas loceng asal tersebut.

Dalam ruangan Psikologi dan Kaunseling pula, tajuk *Military Culture: Satu Analisis Psikologi Silang Budaya* mengupas semua isu faktor yang menyumbang kepada *Military Culture*. Pusat Kepimpinan TLDM merupakan topik yang dibincangkan dalam ruangan Kepimpinan. Penulis menghuraikan tentang visi dan misi penubuhan unit ini yang masih baru dalam TLDM. Kewujudan MAWILLA 3 bagai "Sang Helang" pula dimuatkan dalam ruangan Profil Unit. MAWILLA 3 yang mula beroperasi pada Okt 07 dilihat sebagai salah satu peningkatan dan perkembangan TLDM yang dapat membantu memperkukuhkan keselamatan perairan Negara.

Artikel lain yang turut dimuatkan dalam keluaran kali ini ialah penyambungan kapal selam TLDM; Scorpene II dalam ruangan Projek Kapal Selam, Eksesais THALAY LAUT 16/2007 di antara TLDM dengan Tentera Laut Thailand dalam ruangan Latihan Bersama, penembakan misil jenis EXOCET MM38 dalam Ruangan Latihan dan banyak lagi. Harapan dari Sidang Redaksi agar semua paparan bagi keluaran kali ini memberi manfaat yang boleh dikongsi bersama.

Sekian, Salam Hormat dari krew Majalah Samudera.

SEDIA BERKORBAN

Samudera



PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Hj Jaafar

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Dato' Jamil bin Osman

EDITOR

Kept Mohd Zahari bin Hj Jamian TLDM

Kdr Mohd Jalal bin Karis TLDM

Lt Kdr Yusnita bte Zakaria TLDM

Lt Mazliza bte Maaris TLDM

WARTAWAN

BM KNA Rosdi bin Muhammad

BM PBS Kamarul Zaman bin Masery

WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

LK RGR Normahaily bte Mohd Noor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhammad Ashraf bin Mahmud TLDM

WAKIL MAWILLA 2

LtM Ahmad Syamil bin Anis Shaidi TLDM

WAKIL MAWILLA 3

Lt Kamaru Zaman b Hasim TLDM

WAKIL KDSI

Lt Nurshuhada bte Abdul Rahman TLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

PR Markas Pendidikan dan Latihan

PR KD Sultan Ismail

REKABENTUK

D'FA Print Sdn. Bhd.

No.16 Jalan P10/21

Selaman Light Industrial Park,
43650, Bandar Baru Bangi,

Samudera diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. Samudera mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada :

Pengarang Samudera,
Bahagian Rancang
dan Operasi,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.

Tel : 03 - 2071 3218 / 3072 / 3074
Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677
E-mel : editorsamudera@yahoo.com
<http://www.navy.mil.my>

PERBARISAN HARI TLDM KE-73



PEMBANGUNAN ASET TLDM SEJAK MERDEKA

Oleh: Kdr Mohd Jalal bin Karis TLDM – PS 1 Strategi, Mk TL

Menjelang Merdeka dan Era 60-an. Kewujudan sesuatu entiti seharusnya bermula dari sesuatu. Begitu juga dengan TLDM. Ia adalah sejarah peninggalan kolonial yang kemudiannya dipermantapkan sendiri oleh anak watan. British telah menyerahkan satu pasukan tentera laut yang terdiri daripada beberapa kapal dan pangkalan apabila negara mencapai kemerdekaan. Ia terdiri dari beberapa kapal penyapu periuk api, kapal penyelenggaraan dan baik pulih (KD MALAYA), kapal pendarat bersenjata (KD PELANDOK), kapal penyapu periuk api (KD PENYU) dan 7 buah motorbot pertahanan laut (*seaward defence launch*) serta sebuah pangkalan operasi dan latihan KD MALAYA Woodlands. Pada tahun 1961, British telah menyerahkan lagi 5 buah kapal penyapu periuk api kepada TLDM.

Demi menjaga kedaulatan perairan Sabah dan Sarawak, Pangkalan TLDM Labuan telah ditubuhkan pada tahun 1965. Ia merangkumi KD SRI REJANG di Sarawak dan KD SRI TAWAU di Sabah. Kewujudan pangkalan ini telah membantu dalam membendung kegiatan pengganas komunis dan konfrantasi di waktu itu.



Keupayaan tempur TLDM telah diperkasakan dengan perolehan bot peronda laju (FPB) pada pertengahan tahun 60-an. Ia telah meningkatkan keupayaan peperangan permukaan dan bawah air TLDM. Bot ini dilengkapi dengan torpedo SS12 dan meriam 20mm. Ia mempunyai kelebihan dari segi kelajuan iaitu 50 knots dan merupakan di antara aset yang terancang di zamannya serta digeruni pihak lawan.

Dari tahun 1963 hingga 1967, sejumlah 3 skuadron yang mempunyai 21 buah kapal peronda (PC) telah diperolehi untuk meronda pesisir pantai hingga ke sempadan perairan negara serta menguatkuasakan undang-undang maritim negara. Ia merupakan *workhorse* yang *reliable* sehingga ia diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada tahun 2005 hingga 2006.

TLDM telah menerokai bidang hidrografi dan oseanografi dengan pentauliahkan KD PERANTAU, bekas kapal penyapu periuk api British dan penubuhan Cawangan Hidrografi di Bahagian Turus Tentera Laut dalam tahun 1969. Sejak dari itu bermulalah peranan TLDM dalam menentukan keselamatan pelayaran di perairan negara melalui pengeluaran carta laut.

Era 70-an

Era 70-an merupakan satu jangka masa yang menyaksikan kerancangan pembangunan TLDM dari aspek aset dan infrastruktur. TLDM telah memperolehi kapal frigat KD RAHMAT yang ditauliahkan pada Ogos 1971 dan KD HANG TUAH pada Julai 1977. Kapal-kapal ini berupaya untuk memberi bantuan penembakan meriam (*Naval Gunfire Support* - NGS), peperangan permukaan dan anti-kapal selam serta *surveillance*. Ia juga digunakan untuk latihan pegawai dan anggota muda melalui program pelayaran merentas lautan lepas.

KD DUYONG telah ditauliahkan di dalam TLDM pada Januari 1971. Ia merupakan sebuah *diving tender* sebagai platform kerja-kerja selaman. Kapal ini telah ditamatkan tauliahnya dan KD DUYONG sekarang merupakan Pusat Selam TLDM yang melatih penyelam TLDM dan beberapa negara asing. Kepakaran penyelam TLDM telah diiktiraf antara yang terbaik di rantau ini.

Kapal pembina laju misil FAC (M) 1 telah dibeli dari Perancis pada awal 70-an (Disember 1972 – Mac 1973) bagi menggantikan kapal FPB yang telah usang. Ia dilengkapi dengan peluru berpandu Exocet MM38 dan peralatan peperangan elektronik

yang canggih di masa itu. Ia mempunyai kelajuan yang tinggi dan sesuai untuk misi hit and run.

Sebagai persediaan untuk menggantikan Pangkalan TLDM Woodlands di Singapura, Pangkalan TLDM Lumut mula dibina pada Julai 1974 dan siap pada tahun 1982. Ia menyediakan semua kemudahan untuk operasi, logistik, latihan, utiliti dan perumahan untuk warga TLDM.

Pangkalan TLDM Tanjung Gelang Kuantan telah mula dibina pada Ogos 1973. Ia menjadi pangkalan kepada kapal-kapal peronda (PC) dan peronda samudera (OPV) untuk mengawasi kepentingan maritim negara di Laut China Selatan.

Sustainability TLDM untuk melaksanakan sesuatu operasi telah dipertingkatkan dengan perolehan *Landing Ship Tank* (LST) mulai tahun 1971 hingga 1976. Selain dari memberi bantuan logistik, kapal ini juga telah digunakan untuk pendaratan anggota dan peralatan. Kapal-kapal seperti KD SRI LANGKAWI, SRI BANGGI dan RAJA JAROM merupakan perintis kepada keupayaan amfibi TLDM dan ATM.

Industri pertahanan tempatan juga memainkan peranan penting dalam peningkatan keupayaan TLDM. Enam buah kapal pembina



laju meriam FAC (G) buatan Limbungan Hong-Leong Lurssen di Butterworth telah ditauliahkan dari Mac 1976 hingga Mac 1977. Ia telah mempertingkatkan keupayaan rondaan, peperangan permukaan dan anti-udara TLDM.

Keselamatan pelayaran amat penting untuk TLDM dan pengguna-pengguna lain. Dalam usaha untuk menentukan keselamatan pelayaran negara, kapal hidrografi KD MUTIARA buatan tempatan telah ditauliahkan pada Januari 1978 untuk membantu KD PERANTAU dalam kerja-kerja pengukuran dan pemetaan di laut.

Kapal pembina laju misil FAC (M) 2 telah ditauliahkan pada November 1978. Kapal yang dibeli dari Sweden ini mempunyai keupayaan yang sama dengan kapal FAC (M)1.

Era 80-an

Pada tahun 1981 Pasukan Khas Laut (PASKAL) telah ditubuhkan. Ia merupakan satu pasukan elit untuk melaksanakan operasi khas luar pantai, pelantar minyak dan peperangan bawah air. Kini penugasan pasukan ini telah diperluas untuk menangani ancaman keganasan dan tugas-tugas khas yang lain.

Kapal-kapal *Multi-purpose Command Support Ship* (MPCSS) iaitu KD SRI INDERASAKTI buatan Jerman yang ditauliahkan pada November 1980 dan KD MAHAWANGSA buatan Korea yang ditauliahkan pada Mei 1983. Kapal-kapal ini diperolehi TLDM untuk menggantikan kapal-kapal LST yang telah dan bakal ditamatkan perkhidmatannya. Kapal ini berfungsi sebagai kapal bantuan logistik dan pengangkut bagi meningkatkan keupayaan TLDM untuk beroperasi melangkaui jangka waktu operasi biasa.

Ditauliah pada Oktober 1984, 4 buah kapal *Mine Counter Measure Vessel* (MCMV) buatan Italy telah menggantikan kapal-kapal kelas-Ton peninggalan British. Perolehan kapal MCMV tersebut telah memantapkan lagi keupayaan peperangan ranjau TLDM.

Malaysia telah mengistiharkan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) yang berkeluasan lebih kurang 600,000 kilometer persegi di Laut China

Selatan pada April 1980 di mana sempadannya menjangkau 200 batu nautika. Justeru, kapal-kapal ronda samudera (OPV) diperlukan untuk menguatkuasakan undang-undang maritim di zon berkenaan. Dua buah kapal OPV iaitu KD MUSYTARI yang dibina di Korea Selatan telah ditauliahkan pada Julai 1984 dan KD MARIKH yang dibina di Limbungan MSE Pasir Gudang telah ditauliahkan pada Januari 1985. Selain dari rondaan ZEE, kapal-kapal ini juga berupaya untuk memberi bantuan NGS terhad dengan meriam 100mm dan bantuan logistik terhad kepada kapal ronda PC. Kedua-dua kapal ini telah diserahkan kepada APMM pada tahun 2006.

TLDM telah diperkasakan lagi dengan perolehan kapal-kapal jenis Korvet FS 1500 buatan Jerman yang ditauliahkan pada Ogos 1984. Ia dilengkapi dengan misil MM38 Exocet, perkakasan anti-kapal permukaan dan kapal selam, peperangan elektronik serta berupaya membawa helikopter.

Sejajar dengan keperluan penjanaan dan latihan taktik maritim, Pusat Taktik Maritim (PUSTAKMAR) telah ditubuhkan pada Februari 1985. Penggunaan komputer menjimatkan kos latihan dan hasil latihan diaplikasikan di kapal.

Malaysia ialah sebuah negara maritim sejak zaman Kesultanan Melaka lagi. Walau bagaimanapun, tradisi dan kegemilangan maritim tersebut semakin pupus. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mengembalikan kesedaran maritim di kalangan generasi muda negara dengan melatih mereka di atas KLD TUNAS SAMUDERA yang dikendalikan oleh warga TLDM. Kapal ini ditauliahkan pada Oktober 1989.

Era 90-an

TLDM telah mencapai satu lagi keupayaan baru dengan pentauliah Cawangan Udara TLDM KD RAJAWALI pada Mei 1990. Ia dilengkapi dengan helikopter Westland HAS Mk 1 WASP buatan Britain yang mampu melakukan pelbagai misi udara. Seterusnya, helikopter tersebut telah digantikan dengan helikopter

Fennec dan Super Lynx yang mempunyai keupayaan yang lebih baik. Cawangan Udara kini telah menjadi Markas Udara TLDM.

Dari tahun 1997 hingga 1999, TLDM telah menerima beberapa aset baru yang terdiri dari kapal korvet mini kelas-LAKSAMANA dan frigat kelas-JEBAT. Kedua-dua kelas kapal ini mempunyai pelbagai keupayaan peperangan maritim seperti peperangan permukaan, anti-udara, bawah permukaan dan peperangan elektronik.

Millenium Baru (2000 – 2007)

Penyerahan kapal-kapal PC dan OPV kepada APMM telah mengurangkan bilangan kapal TLDM. Sebagai ganti, Kerajaan telah meluluskan pembinaan *Next Generation Patrol Vessel* (NGPV) secara berperingkat mulai tahun 2000. TLDM telah menerima 2 buah kapal NGPV pada tahun 2004 dan 2005. Kapal-kapal ini mempunyai pelbagai keupayaan peperangan maritim. Kapal-kapal berikutnya akan dilengkapi dengan perkakasan dan persenjataan mengikut keperluan TLDM.

Menyedari kepentingan kapal selam dalam strategi pertahanan, Kerajaan telah meluluskan perolehan 2 buah kapal selam untuk meningkatkan keupayaan strategik ATM. Kedua-dua kapal selam TLDM sedang dalam pembinaan di Perancis dan Sepanyol dan dijangka beroperasi dalam TLDM menjelang tahun 2009.

Sehingga tahun 1982, latihan perajurit muda TLDM telah dijalankan di Pangkalan TLDM Woodlands Singapura. Apabila KD PELANDOK, kini Pusat Pendidikan dan Latihan TLDM (NETC) dibuka di Lumut, latihan perajurit muda telah dijalankan di situ. Berikutan dengan perkembangan pesat TLDM, NECT telah dijadikan pusat latihan lanjutan sementara latihan asas dijalankan di Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) Tanjung Pengelih Johor yang mula beroperasi pada Disember 1997. Kini ia dikenali sebagai KD SULTAN ISMAIL (KDSI) apabila ditauliahkan pada Februari 2005.

Cawangan Hidrografi TLDM telah ditubuhkan pada tahun 1969 di Bahagian



HMS MALAYA



Turus Tentera Laut dengan sebuah bekas kapal penyapu periuk api yang dinamakan KD PERANTAU sebagai kapal ukur pertama. Seajar dengan tugas cawangan yang bertambah, beberapa buah kapal diperoleh dan keupayaan cawangan dikembangkan kepada bidang oseanografi. Kini cawangan tersebut telah dipindahkan ke KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH di Pulau Indah Kelang pada tahun 2006 dengan dikenali sebagai Pusat Hidrografi Negara. Ia di sasarkan untuk menjadi pusat kecemerlangan hidrografi dan oseanografi serantau yang bertanggungjawab menghasilkan carta laut, pengumpulan dan pemprosesan data hidrografi dan oseanografi serta keselamatan pelayaran di perairan negara.

Pangkalan TLDM Labuan yang kecil tidak mampu untuk memenuhi keperluan TLDM yang bertambah dari segi aset dan keanggotaan. Justeru, pangkalan utama yang baru diperlukan di Sabah. Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK) mula dibina pada tahun 1999 dan dioperasikan mulai tahun 2006. Ia bakal menempatkan kapal selam yang akan mula beroperasi pada tahun 2009 nanti.

Markas Wilayah Laut 3 (MWL 3) Langkawi mula dibina pada tahun 1999 dan mula beroperasi pada Mei 2007. Ia berfungsi sebagai markas yang bertanggungjawab terhadap keselamatan Selat Melaka dari ancaman yang datang dari Lautan Hindi dan Andaman.

Masa Hadapan

TLDM telah merancang perolehan beberapa buah frigat baru yang bertujuan untuk memantapkan flotilla serang TLDM di samping memenuhi keperluan platform yang mampu menangani pelbagai dimensi peperangan.

Kapal-kapal korvet dan MCMV pula telah dirancang untuk dipanjangkan jangka hayatnya melalui program pemodenan agar ia boleh diguna pakai lebih lama dalam TLDM.

TLDM juga dijangka akan mengoperasikan kapal *Multi Role Support Ship* (MRSS) yang dibiayai oleh Markas ATM. Dengan adanya kapal ini, ATM dijangka akan memantapkan keupayaan peperangan amfibi dan bantuan logistik angkatan perang bersama ATM.

Sebuah pangkalan baru juga dirancang untuk dibina di

Sarawak. Ia bertujuan untuk memantapkan pengawasan perairan Sarawak.

Keupayaan peperangan elektronik TLDM juga akan diperkasakan dengan penubuhan *Naval Electronic Warfare 11* TLDM juga dijangka merancang untuk memperoleh kapal-kapal *Littoral Combatant* (LCS) untuk mengukuhkan keupayaan pertahanan pesisir pantai.

Penutup

Dari sebuah angkatan laut yang kerdil tinggalkan penjajah, TLDM telah berkembang pesat sebagai sebuah angkatan laut yang kredibel yang mampu mempertahankan kedaulatan perairan Negara. Sesungguhnya kemerdekaan telah menjadi pemangkin kepada kepesatan pembangunan negara dan ATM merupakan tunjang yang mengekalkan kemerdekaan tersebut. Sedia Berkorban. **S**



EX-LANGKAWI



EX-RAHMAT



KD LEKIU



Kapsul Masa merupakan suatu bekas untuk menyimpan bahan-bahan dan maklumat bersejarah untuk tatapan dan maklumat generasi kita akan datang. Kapsul ini ditanam atau ditempatkan di lokasi yang strategik supaya sentiasa diingati.
- Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali, Panglima Tentera Laut



MAJLIS PELANCARAN KAPSUL MASA TLDM Catat Sejarah

Oleh: Lt Shamsul Amery bin Zainuddin TLDM (Bahagian Pengurusan Strategik)

Majlis Pelancaran Kapsul Masa TLDM dan Pangkalan TLDM Lumut telah berjaya disempurnakan pada 27 April 2007 sempena Ulang Tahun TLDM Ke-73. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg Laksamana Tan Sri Ramli Mohamed Ali dan telah disaksikan oleh panglima-panglima, pegawai-pegawai kanan dan warga TLDM.

Bahan-bahan yang terkandung di dalam Kapsul Masa TLDM dan Kapsul Masa Pangkalan TLDM Lumut membolehkan generasi *Navy People* akan datang mengimbas pengwujudan, kecemerlangan dan keunikan TLDM dan juga Pangkalan TLDM Lumut.

Kapsul Masa Pangkalan TLDM Lumut akan dibuka pada 20 Januari 2030 sempena Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan Pangkalan TLDM Lumut manakala, Kapsul Masa TLDM akan dibuka pada 27 April 2034 sempena Ulang Tahun TLDM Ke-100.



Kedua-dua Kapsul Masa ini disimpan di dalam tugu yang dibina khas di hadapan pintu masuk Galeri Panglima Tentera Laut di KD PELANDOK sebagai tanda peringatan kepada *Navy People* dan juga pengunjung. Kapsul yang berukuran 2 kaki tinggi dengan jejari 12 sm ini diperbuat daripada batu granit yang kedap udara. Kesemua dokumen yang disimpan di dalam kapsul ini telah diawet menggunakan beberapa kaedah seperti pengkapsulan (*encapsulation*), penggunaan kertas *hand made acid free* dan juga penggunaan bahan kimia untuk meneutralkan keasidan kertas. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah dengan nasihat Arkib Negara Malaysia agar dokumen yang disimpan dapat bertahan lebih lama.

Di dalam ucapan perasmian, PTL memaklumkan bahawa di dalam Kapsul Masa TLDM ada tersimpan perutusan beliau kepada PTL di tahun 2034. Selain itu, terdapat juga dokumen-dokumen seperti Perutusan Ulung PTL Ke-14, pernyataan misi dan visi TLDM masa kini, gambar dan senarai kapal TLDM terkini, gambar Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) Ke-41 serta beberapa dokumen lain yang berharga.

Manakala di dalam Kapsul Masa Pangkalan TLDM Lumut terdapat dokumen seperti sejarah penubuhan Pangkalan TLDM Lumut, *blue print* pangkalan, gambar-gambar pangkalan dan juga gambar aktiviti pangkalan.

TLDM merupakan perkhidmatan pertama di kalangan Angkatan Tentera Malaysia yang telah melancarkan kapsul masa. Ini merupakan salah satu inisiatif TLDM bagi mengekalkan maklumat-maklumat yang berguna bagi tatapan generasi TLDM akan datang. Dengan adanya Kapsul Masa ini, diharapkan agar generasi *Navy People* terkemudian akan lebih menghargai kewujudan, kecemerlangan dan keunikan TLDM masa kini.

Sebagai simbol pelancaran, PTL telah memukul gong dan memulakan *Hour Glass* sebagai tanda bermulanya saat penyimpanan kedua-dua kapsul tersebut. Kedua-dua kapsul kemudiannya telah diserahkan oleh TPTL kepada PTL untuk disimpan.

Di akhir majlis, PTL telah menurunkan tandatangan pada plak Kapsul Masa sebagai tanda peringatan. Kunci bagi kedua-dua kapsul tersebut disimpan oleh PTL sehingga tiba masa untuk kapsul tersebut dibuka nanti. **S**



SEMBAH HORMAT KE ATAS DYMM SULTAN SELANGOR

Wakil Pelbagai Negara Kagum Keperihatinan Seorang Sultan

Oleh : Kdr Ahmad Ramli bin Kardi PSSTLDM
Gambar : Kdr Ahmad Ramli bin Kardi PSSTLDM



DYMM Sultan Selangor diperkenalkan kepada Rear Admiral Richard Wren (Commander Strike Group Five) dan Rear Admiral Yasushi Matsushita (Commander Training Squadron)



DYMM Sultan Selangor berkenan memberikan cenderahati kepada Rear Admiral Richard Wren semasa mengadap Baginda di Istana Alam Shah

Pada 29 Ogos 07 DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan menerima sembah hormat oleh pegawai tertinggi tentera laut pelbagai negara di Istana Alam Shah. Mereka merupakan wakil negara masing-masing untuk bersama-sama menyertai dan memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-50. Mereka terdiri dari Rear Admiral Richard Wren USN Commander Strike Group 5 dari Tentera Laut Amerika Syarikat, Rear Admiral Yasushi Matsushita Commander Training Squadron dari Tentera Laut Jepun dan Pegawai-pegawai Memerintah USS KITTY HAWK, USS COWPENS, USS MUSTIN, USS CURTIS WILBUR, JDS KASIMA, JDS SHIMAYUKI, JDS SAWAGIRI, HMNZS TE KAHA serta Penasihat Pertahanan Amerika Syarikat, Jepun, Perancis dan New Zealand. Bekas Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Dato' Sri Anwar bin Hj Mohd Nor dan Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi Markas Tentera Laut Laksamana Pertama Dato' Jamil bin Osman turut hadir dalam upacara tersebut.

DYMM Sultan Selangor selaku Kepten Kehormat Tentera Laut Diraja Malaysia telah berkenan beramah mesra



DYMM Sultan Selangor diperkenalkan kepada penasihat pertahanan New Zealand

dan menyampaikan cenderahati kepada mereka. Pegawai-pegawai tertinggi dan Pegawai Memerintah berkenaan telah menyuarakan rasa bangga mereka kerana diberikan penghormatan sedemikian oleh seorang Sultan yang meminati dunia kepelautan. Mereka juga gembira dapat

menyambut Hari Kemerdekaan Ke-50 bersama-sama rakyat Malaysia dan berharap keamanan dan kemakmuran negara berkekalan. **S**

PERMODENAN ASET TLDM: PENYAMBUNGAN SCORPENE II

Oleh : Lt Dya Siti Salina Johari PSSTLDM

Foto : Lt Haslinda Rahim TLDM

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sekali lagi menempa sejarah apabila proses penyambungan dua bahagian utama badan kapal selam kedua telah dilakukan di Limbungan Navantia, Cartagena, Sepanyol pada 24 Julai 07.

Upacara bersejarah itu telah disempurnakan secara simbolik oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali.

Pencantuman ini dianggap penting kerana ia menandakan kejayaan kapal selam tersebut melepasi fasa kritikal pembinaannya di mana semua sistem utama dan peralatan besar sudah dimasukkan ke dalamnya.

Pemasangan rangkaian kabel, wayar dan paip juga selesai dilaksanakan sebelum proses penyambungan bermula.

Dengan berlangsungnya upacara penyambungan kapal selam SCORPENE tersebut menunjukkan bahawa pelaksanaan dan pembinaan projek kapal selam berjalan lancar mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kapal selam SCORPENE kedua ini dijangka diserahkan kepada TLDM pada tahun 2009.

Upacara penyambungan ini juga disifatkan unik kerana badannya hanya dipotong semula 30 hingga 40 tahun akan datang setelah kapal selam berkenaan tamat perkhidmatan dan dilucutkan tauliah.


Malaysia telah menempah 2 kapal selam jenis Scorpene pada tahun 2002 melalui pemeteraian kontrak dengan syarikat Armaris dari Perancis. Bahagian hadapan bagi kedua-dua kapal selam dibina oleh DCN Shipyard International di Cherbourg, Perancis manakala belakangnya oleh Navantia di Cartagena.

Proses penyambungan kapal selam pertama telah dilaksanakan pada 14 Mac lalu di Cherbourg.

Kapal selam tersebut juga bakal menjalani pemeriksaan di pelabuhan sebelum ianya diuji di laut.

Kapal selam jenis SCORPENE ini merupakan aset strategik TLDM yang pertama di Malaysia. Perolehan ini akan memberi dimensi baru kepada kemampuan TLDM dalam mewujudkan angkatan laut yang lebih kredibel dan berwibawa. Ianya turut memberi impak yang besar dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas demi menjaga keamanan perairan maritim serta kedaulatan negara.

Turut hadir pada majlis penyambungan kapal selam kedua Negara ialah Panglima Armada Cartagena, Laksamana Madya Manuel Otero, Pengerusi Navantia, Juan Pedro Gomez Jaen, Ketua Projek Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam TLDM, Laksamana Pertama Mohammad Rosland Omar dan Pegawai Memerintah Depot Logistik Wilayah 2, Kepten Mohd Nazri bin Mansor TLDM. **S**



Bahagian belakang kapal selam Scorpene 2 di Limbungan Navantia, Cartagena berjaya disambung. Simbolik upacara penyambungan kapal selam itu telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali.

Freedom of Entry to the City - TLDM Mencatat Sejarah di Kota Kinabalu

Oleh: Aboy PR FOC RMN Email: shamelly@myjaring.net



Laksamana Muda Dato' Ahmad Kamarulzaman menerima Watikah dari Datuk Bandar Kota Kinabalu



Orang ramai melawat kapal TLDM

Upacara bersejarah ini adalah hasil daripada kerjasama padu di antara TLDM, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Lembaga Pelancongan Sabah. Tujuan upacara ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran masyarakat mengenai hasrat menjadikan Kota Kinabalu sebagai sebuah Bandaraya Maritim melalui pendekatan yang lebih mesra, secara langsung dapat membantu meningkatkan pembangunan sektor pelancongan negeri Sabah dan menyumbang kepada usaha kerajaan untuk merealisasikan Tahun Melawat Malaysia 2007. TLDM juga telah memilih tarikh 28 April 2007 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun TLDM yang ke-73.



Sejarah sekali lagi berjaya dilakar di dalam diari Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) apabila Upacara *Freedom of Entry to the City* berjaya dilaksanakan dengan gilang gemilang dan penuh warna-warni di Bandaraya Kota Kinabalu hasil kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Markas Wilayah Laut 2 dan Lembaga Pelancongan Sabah. Upacara yang merupakan tradisi Tentera Laut ini telahpun dipraktikkan semenjak *medieval times* atau Zaman Pertengahan, di mana apabila Tentera Laut memasuki sesebuah bandaraya buat kali pertama, mereka akan meminta kebenaran daripada Datuk Bandar untuk berarak memasuki bandar. Tradisi ini melibatkan perarakan Tentera Laut dengan pasukan bersenjata lengkap dengan pedang terhunus, lagu patriotik dimainkan, panji-panji megah berkibaran dan bayonet dipasang kemas. Acara yang begitu simbolik ini melambangkan permulaan jalinan persahabatan di antara Bandaraya Kota Kinabalu dengan TLDM dan jaminan TLDM untuk menjaga dan mempertahankan keselamatan Bandaraya Kota Kinabalu dan warganya.



Upacara bersejarah tersebut berjaya menarik lebih 5000 pengunjung dan pelancong dari dalam dan luar negeri. Pelbagai aktiviti-aktiviti menarik seperti acara menandatangani Watikah Kebenaran Masuk Bandar di antara Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Iliyas Bin Ibrahim dengan Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Dato' Ahmad Kamarulzaman Bin Hj Ahmad Badaruddin, perarakan masuk bandar, lintas hormat dua buah helikopter TLDM, persembahan kawad senyap Pasukan Simpanan Tentera Laut Tawau (PSTL TAWAU), demonstrasi Bot CB 90 serta regatta dan *boat ride* yang diadakan sepanjang hari. Bagi orang ramai yang mengimpikan untuk menaiki kapal TLDM, dua buah kapal TLDM iaitu KD PAHANG dan KD

LAKSAMANA MUHAMMAD AMIN telah dibuka untuk lawatan orang ramai. Satu pameran kesedaran maritim juga telah diadakan di tapak pameran yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta seperti Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Telekom Malaysia (TM) dan juga Universiti Malaysia Sabah (UMS). Apa yang lebih menarik, pengunjung yang hadir boleh berinteraksi secara langsung dengan krew KLD TUNAS SAMUDERA yang sedang dalam pelayaran untuk mengelilingi dunia. Pada sebelah petangnya pula, aktiviti diteruskan dengan persembahan tarian dan konsert mini

yang dipersembahkan oleh bintang Akademi Fantasia kelahiran Negeri Sabah, Felix dan beberapa finalis Rancangan Kota Kinabalu Idol.

Acara *Freedom of Entry to the City* kini akan dijadikan sebagai acara tahunan dan akan dimasukkan ke dalam Kalendar Tahunan Pelancongan Sabah. Dipercayai, upacara yang akan diadakan pada tahun hadapan pasti akan menarik lebih ramai pengunjung untuk hadir menyaksikan aktiviti yang akan diadakan.

Acara yang penuh gemilang ini di akhiri dengan upacara *Sunset Ceremony* iaitu upacara menurunkan panji-panji yang dipraktikkan di dalam TLDM dan disusuli dengan persembahan bunga api yang berwarna-warni sebagai penutup tirai hari bersejarah yang penuh gemilang ini. Secara keseluruhannya, acara yang diadakan ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu untuk meningkatkan kesedaran budaya maritim di kalangan masyarakat umum sekaligus membuka pandangan serta perspektif warga negeri Sabah khasnya bahawa TLDM telah pun bertapak di negeri ini dan memainkan peranan dari aspek menjamin keselamatan maritim dan kesejahteraan rakyat Negeri Di Bawah Bayu.

S





KOIR SUARA WARISAN TLDM

Merakatkan Seni. Suntik Semangat Patriotik

Oleh: Lt Kdr Noorlida Rahaman TLDM
Foto: Cawangan PR FOC

KUMPULAN Koir Suara Warisan TLDM (KOSWATLDM) kini boleh tersenyum bangga dengan peningkatan populariti yang begitu mendadak. Bakat versatil yang ditonjolkan telah melonjakkan nama kumpulan ini sekaligus berjaya menzahirkan impak yang hebat TLDM kepada masyarakat luar.

Kumpulan suara harmoni yang terdiri daripada 30 anggota pelbagai cawangan berpangkalan di Lumut, Perak ini semakin rancak mengatur strategi untuk bersama-sama merakatkan seni kebangsaan di samping menyuntik semangat patriotisme melalui lagu-lagu bernafas patriotik kepada semua lapisan masyarakat.

Kemampuan mereka menghiburkan penonton sememangnya diperakui. Mereka tampil cemerlang setiap kali mengadakan persembahan.

Mengupas sejarah penubuhan KOSWATLDM, kumpulan ini sudah lama bertapak di bawah naungan Markas Armada TLDM namun pergerakan dalam 'senyap' menyembunyikan kewujudan mereka di mata umum. Tawaran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur untuk TLDM menyertai pertandingan koir di peringkat kebangsaan pada tahun 2001 telah membuka ruang kepada KOSWATLDM untuk mengorak langkah.

Meskipun masih mentah dalam genre ini, namun kumpulan ini berjaya mendapat tempat keempat daripada lapan pasukan seluruh Malaysia di Pertandingan Akhir Koir Bulan Bahasa dan Sastera Negara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Lain-lain pasukan yang bertanding di peringkat akhir ialah Kumpulan Koir Bendahari Negeri Sabah, Koir DBP Sarawak, Koir Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, Koir Sabah Electricity Sdn. Bhd, Koir Majlis Guru Muzik Melaka, Koir Jabatan Perangkaan Malaysia dan Koir Warisan dari Batu Pahat, Johor.

Menurut Ketua Kumpulan KOSWATLDM, Laskar Kanan RGR Normahally Mohd Nor, kumpulan ini bukan sahaja sering mengadakan persembahan di dalam perkhidmatan TLDM dan ATM, malah turut mendapat jemputan dari agensi luar.

"Saya tidak sangka kami boleh pergi sejauh ini. Maklumlah, kami bukan profesional dan masih baru dalam bidang ini."

"Tapi Alhamdulillah, berbekal pengalaman dan sedikit pengetahuan tentang muzik, saya bawa kumpulan ini bertatih dari bawah dan apa yang lebih menggembirakan, pihak atasan telah membuka ruang untuk kami melebarkan sayap dan menambah ilmu dengan memberi peluang mengikuti kursus vokal selama dua minggu pada Julai lalu.

"Bukan mudah hendak melatih anggota yang tiada asas dalam bidang muzik. Koir bukan sekadar menyanyi tetapi ia menggabungkan empat suara iaitu 'Soprano', 'Alto', 'Tenor' dan 'Bass' yang bila digabungkan akan menjadi harmoni. Di situ kita nampak 'wama' suara."

"Pada awalnya saya kerap menghadapi masalah untuk pembahagian suara. Anggota yang telah diberi 'bahagian suara' sepatutnya tahu memainkan peranan masing-masing."

"Apa yang berlaku, anggota sering lupa 'part' masing-masing," ujarnya.

Menyedari kelemahan tersebut katanya, mereka dilatih mengenali nota dan simbol muzik. Dari situ, mereka mampu menyanyi mengikut nota serta tempo sesuatu lagu dengan tepat.

"Bukan mudah hendak menyatukan keempat-empat suara menjadi satu suara harmoni, berlapis-lapis dan beralun-alun."

"Semasa latihan, anggota dilatih tentang cara dan teknik vokal untuk menghasilkan nyanyian yang baik dan berkualiti. Latihan dibuat secara sendiri dan berkumpulan."

Ironinya, ramai yang beranggapan koir merupakan sebuah persembahan nyanyian secara



beramai-ramai sedangkan banyak perkara sukar terpaksa diharungi anggota-anggotanya.

"Siapa kata koir ini mudah? Bagi saya, bidang nyanyian dan seni suara adalah suatu yang universal dan sesiapa yang benar-benar menghayati bidang ini sahaja akan tahu seni yang tersembunyi di sebalik pengeluaran suara secara harmoni," katanya lagi.

Memang sukar. Melihat nota muzik seakan sayur 'taugeh' ini sahaja sudah membuat pandangan penulis berpinar.

"Susah bukan? Anggota saya pada awalnya juga beranggapan begitu. Banyak 'benda' terpaksa diteroka dalam bidang ini bukan sekadar menyanyi."

"Selain apa yang saya terangkan tadi, anggota KOSWATLDM juga sentiasa mendalami teknik vokal, terutamanya penggunaan tanda dinamik, khususnya untuk menyusuri mood sesebuah lagu."

Walau bagaimanapun katanya, sejak ditubuhkan pada 2001, kumpulan ini sering bertukar anggota.

"Sejak mula ditubuhkan, anggota kumpulan ini sering bertukar. Setakat ini cuma enam anggota lama masih kekal, yang lain merupakan anggota baru," katanya.

Masalah seperti kekerapan pertukaran anggota memang tidak dinafikan sebagai faktor kenapa banyak jemputan terpaksa ditolak.

"Kerap bertukar anggota sebenarnya menjadi masalah besar kepada saya terutama apabila keperluan mendesak. Masa untuk latihan tidak panjang dan masalah timbul apabila penganjur yang menetapkan lagu mengikut tema majlis," katanya sambil menunjukkan senarai lagu-lagu yang sering dibawa ke majlis-majlis yang turut dihadiri tetamu kenamaan.

"Kadang-kadang kami terpaksa menolak jemputan yang datang di saat-saat akhir. Maklumlah, kami membawa imej TLDM. Kami mahu berikan yang terbaik untuk menjaga imej tersebut," tegasnya.

Menurutnya lagi, anggota mampu menguasai teknik-teknik vokal sekurang-kurangnya dalam masa tiga bulan. Itupun kalau diberi sepenuh tumpuan.

"Namun apabila mereka mula menguasai apa yang dipelajari, tiba-tiba bertukar keluar, saya



Cabaran utama ialah melatih anggota baru apabila anggota yang terlatih bertukar keluar - LK RGR Normahaily

terpaksa melatih anggota baru."

"Ini menjejaskan jadual latihan apabila terpaksa kembali kepada asas. Ia berlaku berulang-ulang setiap kali pengambilan anggota baru," katanya kesal.

"Walau bagaimanapun, saya bersyukur kerana mempunyai anggota yang benar-benar berminat dan berbakat di bidang ini. Walaupun terpaksa berkorban masa dan tenaga, mereka tetap melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna."

Kumpulan ini sering mempersembahkan lagu-lagu bernafas patriotik dan berentak march selain lagu-lagu komersil, tradisional, pop, balada dan jazz.

Sejak mula ditubuhkan hingga kini, KOSWATLDM banyak mendapat jemputan daripada agensi luar untuk persembahan seperti majlis Malam Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) pada tahun 2002, Anugerah Kualiti Menteri Pertahanan, Perasmian Kejohanan Kanu Kebangsaan di Putrajaya, majlis Perarakan dan Perhimpunan Sempena Hari Kemerdekaan Peringkat Daerah Kuala Kangsar, Perasmian Kompleks Orang Ramai Taman Sri Wang Sungai Petani Kedah, Perasmian Agrofest Peringkat Negeri Perak dan banyak lagi.

Kumpulan ini juga pernah merakamkan suara di Studio Rentak 50 Angkasapuri Kuala Lumpur untuk lagu tema Markas Bantuan TLDM, Markas Angkatan Bersama (MAB), Kejohanan Mini Olimpik TLDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) dan Armada. Lagu tersebut merupakan hasil ciptaan

anggota TLDM sendiri.

Menariknya, KOSWATLDM terus bertahan sehingga ke hari ini meskipun terpaksa membahagikan masa dengan tugas yang lebih utama.

"Sebagai anggota tentera, kami tetap mementingkan tugas. Sebab itu, waktu latihan saya jadualkan di sebelah petang supaya tidak mengganggu tugas teras."

"Saya tegaskan kepada anggota bahawa koir adalah tugas sampingan, jangan abaikan tanggungjawab yang lebih utama dan jangan ambil kesempatan."

Disiplin dan komitmen padu setiap anggota KOSWATLDM menjadi faktor kekuatan kumpulan ini.

"Aspek yang sangat dititikberatkan ialah tahap disiplin anggota. Sebagai ketua kumpulan, saya sentiasa memastikan semua anggota menepati masa setiap kali latihan diadakan, tidak menimbulkan sebarang masalah baik semasa latihan atau persembahan serta sentiasa memberi komitmen yang baik dalam apa jua keadaan," tegasnya.

"Secara keseluruhan, saya tidak menghadapi banyak masalah dengan anggota KOSWATLDM yang telah dibentuk kerana mereka mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan pandai menyesuaikan diri," katanya.

Kepercayaan pihak atasan pula menyuntik semangat mereka untuk meneroka bidang ini dengan lebih serius. Menurutnya, pujian demi pujian yang diterima dianggap sebagai satu cabaran untuk meningkatkan lagi mutu persembahan dan reputasi kumpulan.

"Pujian tersebut kami anggap sebagai satu 'amaran' untuk lebih berwaspada di masa akan datang, tak boleh terlalu *excited*, takut kami lupa diri," katanya tersenyum.

Apa yang pasti, KOSWATLDM mengutamakan kesederhanaan dan secara perlahan-lahan akan berusaha menjadikan kumpulan ini sebagai satu daya tarikan kepada masyarakat luar supaya mempunyai semangat kebangsaan melalui suntikan lagu-lagu bernafas patriotik. **S**



Koir Suara Warisan TLDM membuat persembahan semasa pelancaran Kejohanan Kanu MASAK 2006



SUPER LYNX

Rumah Kedua Roslan

Oleh: Aboy PR FOC RMN Email: shamelly@myjaring.net

Tidak ramai berpeluang melihat dunia dari udara. Tidak hairan mengapa Komander Roslan Mohd Yunus TLDM menganggap Super LYNX sebagai rumah kedua beliau.

"Kalau sehari tak terbang boleh demam dibuatnya!" Ujarnya sambil ketawa.

Sebagai Juruterbang, beliau telah berjaya melakar rekod penerbangan selama 3800 jam. Beliau yang juga Pegawai Memerintah Skuadron 501 berkata, selama 26 tahun berkhidmat dalam TLDM, pelbagai kisah suka duka diharungi sebagai Juruterbang.

"Pengalaman yang paling tak dapat saya lupakan ialah semasa terbang dengan Ecurel dari Lumut ke Tanjung Pengelih pada 31 Mac 2004. Masa tu saya bawa Tan Sri Ramlan yang pada ketika itu Panglima Armada. Tan Sri nak pergi melawat kapal di Pulau Aur".

"Yang merisaukan saya semasa penerbangan tersebut, Ecurel terbang rendah, betul-betul atas pokok!" Katanya sambil membayangkan saat-saat getir ketika itu.

"Saya masih ingat Tan Sri berkata pada saya, 'saya boleh baca sign board di jalanraya'. Saya bertambah risau kerana selain bawa VIP, saya juga khuatir tentang pesawat yang mula kekurangan minyak".

"Saya tak boleh patah balik, apa-apapun saya mesti teruskan penerbangan dan Alhamdulillah...kami tiba ke lokasi dengan selamat," ujarnya sambil menarik nafas panjang.

Menurut Roslan lagi, peristiwa 'ekor' pesawat FENNEC patah semasa penerbangan balik dari Sitiawan ke Pangkalan TLDM Lumut masih berlegar-legar di kotak ingatannya. "Masa tu saya bersama pilot Komander Shukri. Pada mulanya kami periksa di dalam gelap, nampak tiada apa yang meragukan. Tetapi apabila tiba di KD RAJAWALI dan membuat pemeriksaan penuh, baru kami tau keadaan sebenar. Memang teruk!" Katanya lagi.

"Walau bagaimanapun, saya menganggap semua itu sebagai cabaran dan tak pernah patah semangat. Sehari dalam kehidupan Roslan agak menarik. Mengayuh basikal dari Sitiawan ke Pangkalan TLDM Lumut memang rutin beliau seawal pagi".

"Untuk *fitness*," katanya sambil tersenyum.

"Kalau hujan, tidak laaa...tapi memang saya amalkan sejak dulu. Saya senang begitu, badan pun *maintain*".

"Setiba di pejabat dan sebelum memulakan tugas, saya mandi terlebih dahulu supaya badan saya kembali segar selepas berkayuh pagi tadi.

"Perkara pertama saya mesti baca kawat sebelum menghadiri

taklimat pagi. Kemudiannya saya akan lihat apa sahaja yang ada di atas meja. Saya akan selesaikan mana-mana kerja supaya tidak tertangguh". Menurut Roslan, sekiranya pada hari tersebut ada penerbangan, beliau akan terlibat dengan taklimat penerbangan kira-kira satu jam sebelum penerbangan.

"Biasanya penerbangan mengambil masa satu atau satu setengah jam".

"Saya akan terbang bersama dua lagi anggota yang bertindak sebagai Kuartermaster Udara dan Pegawai Taktik Udara".

"Penerbangan tersebut terbahagi kepada dua, *General Flying Practice* (GFP) iaitu penerbangan di daratan dan *Instrument Flying Practice* (IFP), dilakukan di laut".

"Selesai penerbangan kami bertiga akan *debrief* bagi membincangkan apa yang berlaku semasa penerbangan jika sebarang permasalahan dan akan mengatasinya sebelum penerbangan".

Di sebelah petang, bapa kepada empat anak ini lebih senang bersukan atau melakukan sebarang aktiviti sihat sekiranya tidak terlibat dengan penerbangan selepas waktu pejabat.

"Sebagai Juruterbang, saya berpegang pada tiga prinsip. Pertama, saya mesti tau apa yang pesawat saya mampu buat, kedua, saya mesti tau sejauh mana keupayaan diri saya sebagai Juruterbang dan ketiga, saya mesti ikut gerak hati".

"Prinsip yang ketiga ini mungkin pelik sikit tapi bagi saya, ada masa-masa tertentu saya akan merasa tak sedap hati. Dalam keadaan ini, saya takkan meneruskan penerbangan, takut berlaku perkara tak diingini".

"Apapun, saya takkan berhenti terbang. Berada di udara menjadikan saya seorang wira," katanya lagi mengakhiri perbualan.

S





Penyusunan Dan Disiplin Angkatan Tentera

Di Medan Perang

Perkara di atas pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam berperangan Uhud di mana baginda digantikan tempatnya di bahagian tengah dengan Ka'ab bin Malik bin Abi Malik As-Sulami yang memakai pakaian perang baginda yang berwarna kuning dan baginda memakai pakaian perangnya. Pada hari itu Ka'ab telah mengalami sebanyak 11 luka.

Oleh : Mej Mohamad Zaki bin Kassim
PS 2 Agama MTL

Rasulullah SAW amat mengambil berat penyusunan dan disiplin angkatan tenteranya. Di medan perang, baginda akan memastikan kedudukan Angkatan Tentera Islam tersusun kemas dan rapi, tidak kucar-kacir dan haru biru. Baginda akan segera menegur jika ada tentera yang terkeluar saf atau melanggar disiplin. Abu Ayyub r.a. menceritakan ; "Kami berbaris pada hari perang Badar, lalu di antara kami ada seorang yang mara kedepan mendahului saf (barisan), apabila Rasulullah SAW melihatnya, maka baginda bersabda: "Bersamaku, bersamaku". Diceritakan juga semasa perang Badar, baginda sedang memeriksa saf pasukan Islam. Tiba-tiba Sawad bin Ghasiah berdiri terkeluar dari saf. Kejadian ini dilihat oleh Nabi dan Baginda mendekatinya. Dengan ranting yang ada di tangan baginda, lalu baginda betulkan kekeliruan Sawad. Setelah menyusun saf dengan kemas dan rapi, Rasulullah SAW kemudian memberi arahan-arahan dengan tegas berkenaan dengan operasi pertempuran. Baginda memberitahu pasukan tentera agar tidak memulakan berperangan sebelum diperintahkan. Baginda menekankan soal disiplin dan penguasaan dalam setiap pergerakan sewaktu menghadapi berperangan. Semua anggota tentera diarahkan untuk mematuhi setiap arahan dan melaksanakannya dengan penuh keupayaan. Dengan organisasi, penguasaan dan disiplin setiap anggota, Rasulullah menguasai inisiatif dalam taktik berperangan dan operasi di medan perang dan dengan ini baginda memenangi setiap berperangan.

Bentuk Penyusunan Angkatan Tentera Rasulullah SAW

Rasulullah SAW menyusun tentera berdasarkan sistem al-Saff (berbaris). Sistem al-Saff ini disebutkan oleh Allah SWT didalam Al-Quran surah As-Saff ayat 4 ; "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya dalam saff yang teratur rapi seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh". Setiap saf mengandungi antara 10 hingga 1000 orang dan ini bergantung kepada jumlah tentera yang terlibat dalam satu-satu berperangan. Dalam berperangan Badar umpamanya jumlah tentera Islam ialah seramai 324 (atau 313) orang dan mereka ini telah dibahagikan kepada dua saf iaitu :

- Saf hadapan - Bersenjatakan tombak dan perisai.
- Saf belakang - Bersenjatakan panah dan perisai.

Setiap saf tentera ini didahului oleh seorang yang membawa bendera, jika pembawa bendera ini terbunuh maka orang lain pula yang akan menggantikan tempatnya. Pemimpin tentera Islam pada masa itu hanya seorang sahaja iaitu Rasulullah SAW sendiri. Ada riwayat menyebut bahawa Rasulullah SAW juga menggunakan sistem Al-Khamis iaitu membentuk saf angkatan tentera kepada lima kumpulan iaitu:

1. Muqaddimah, iaitu tentera di barisan hadapan sekali.
2. Mujannibah yumna, iaitu tentera sayap kanan yang dinamakan juga sebagai 'Al-Maimanah'
3. Mujannibah yusra, iaitu tentera sayap kiri yang dinamakan juga sebagai 'Al-Maisarah'
4. Qalbu, iaitu bahagian tengah tentera yang menjadi pusat kepada angkatan tentera di mana disinilah kedudukan Raisul-Jaysi, iaitu ketua atau panglima angkatan tentera.
5. Sa-qah, iaitu tentera di barisan belakang sekali.

Bagi setiap posisi daripada lima posisi angkatan tentera di atas dilantik seorang ketua dipanggil sahib. Pada hari berlakunya pertempuran, Amir atau panglima angkatan tentera akan digantikan tempatnya (di bahagian tengah itu) dengan seorang anggota tentera yang akan memakai alat kelengkapan perangnya (terdiri dari pedang, tombak, baju besi dan sebagainya) dan dia (yakni Amir) pula akan memakai alat kelengkap perang anggota tersebut. Ini bertujuan untuk mengelirukan pihak musuh dan menjaga keselamatan Amir yang sudah tentunya akan menjadi sasaran paling utama musuh di tengah medan perang.

Perkara di atas pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam berperangan Uhud dimana baginda digantikan tempatnya dibahagian tengah dengan Ka'ab bin Malik bin Abi Malik As-Sulami yang memakai pakaian perang baginda yang berwarna kuning dan baginda memakai pakaian perangnya. Pada hari itu Ka'ab telah mengalami sebanyak 11 luka.

Rujukan buku:

1. Jihad Peperangan Rasulullah. Ahmad Adnan Fadzil.
Pustaka: Suhadah. S



Pusat ini menjadi institusi ilmu kepimpinan bertaraf dunia dan menjadi rujukan kepada agensi-agensi lain dalam negara.....



PUSAT KEPIMPINAN TLDM :

MENGATUR GERAK MEREALISASIKAN VISI DAN MISI PENUBUHANNYA

OLEH:
Lt Kdr Abu Yazid bin Hj Abu Bakar TLDM MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
Pegawai Staf Psikologi, Pusat Kepimpinan TLDM

Walaupun telah ditubuhkan lebih dua tahun lalu, operasi Pusat Kepimpinan TLDM yang telah dilancarkan pada 22 Mac 05 tidak diketahui secara meluas oleh kebanyakan warga TLDM. Lebih menjengkelkan, ada segelintir warga TLDM langsung tidak mengetahui tentang kewujudan Pusat ini, di mana lokasinya serta apa fungsi dan peranannya walaupun sehingga kini, telah tiga orang pegawai kanan TLDM diper Jawatkan selaku Pengarah Pusat ini. Namun, mulai awal tahun 2007, senario ini dijangka berubah atas kewujudan tiga faktor pendorong yang sangat dominan. Pertama, langkah memperkasakan teras kepimpinan dalam diri setiap warga TLDM yang merupakan salah satu agenda utama Panglima Tentera Laut (sepertimana dinyatakan dalam perintah ulung beliau) menyebabkan fungsi, peranan dan tanggungjawab Pusat ini menjadi sangat relevan dan kritikal. Kedua, sokongan serta komitmen pihak pengurusan tertinggi TLDM yang diterjemahkan melalui pelbagai tindakan antaranya memper Jawatkan keanggotaan (pegawai dan anggota lain-lain pangkat) yang wajar bagi Pusat ini berfungsi sebagai sebuah unit, mengiktiraf kewujudan Pusat ini sebagai sebuah unit di bawah naungan Markas Pendidikan dan Latihan TLDM, dan mendaftarkan projek pembangunan prasarana Pusat ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) dengan diberi keutamaan tertinggi, telah mendorong keseluruhan warga Pusat ini di bawah teraju kepimpinan Komander Jamel bin Abd Rahman TLDM untuk bersama-sama menggembelng tenaga memberikan sumbangan bermakna bagi membalas kepercayaan pihak pengurusan tertinggi TLDM ini. Ketiga, hakikat kewujudan sebelum ini yang seolah-olah "melukut di tepi gantang" telah menjadi pembakar semangat keseluruhan warga Pusat ini untuk membuktikan bahawa matlamat serta asas penubuhan yang telah digariskan barisan kepimpinan TLDM lebih dua tahun yang lalu bukanlah sesuatu yang terlalu sukar dan mustahil untuk direalisasikan.

Justeru, selaras dengan misi penubuhan yang inginkan Pusat ini menjadi institusi ilmu kepimpinan bertaraf dunia dan menjadi rujukan kepada agensi-agensi lain dalam negara, langkah untuk memasarkan nama dan produk Pusat ini telah dimulakan dan secara berterusan diusahakan bersama oleh semua warga Pusat ini. Setakat artikel ini ditulis, Pusat ini telah mengorak langkah awal dengan menjalankan program jati diri dengan Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Batu Pahat, serta aktiviti kesedaran remaja bermasalah di bawah kariah Masjid Kampung Dato' Seri Kamaruddin, Seri Manjung. Usaha-usaha sebegini dilaksanakan bertujuan memperkenalkan serta menonjolkan keupayaan yang dimiliki Pusat ini kepada masyarakat setempat agar persepsi bahawa hanya *Outward Bound School* (OBS), Lumut sahaja





yang berkemampuan mengendalikan program-program jati diri, kepimpinan, bina semangat dan aktiviti-aktiviti seumpamanya dapat diubah. Hasil maklumbalas lisan yang diterima setakat ini menunjukkan wujudnya perubahan persepsi tersebut dan diyakini Pusat ini mulai diberi perhatian oleh agensi-agensi, badan-badan berkanun dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di persekitaran daerah Lumut, Manjung dan Sitiawan.

Selain daripada itu, Pusat ini turut mensasarkan strategi untuk memastikan kewujudannya dirasai di kalangan warga TLDM sendiri. Justeru, para pegawai dan warga kejurulatihan Pusat ini secara aktif telah memenuhi undangan menjadi penceramah jemputan atau fasilitator dalam program-program anjuran unit dan formasi di persekitaran Pangkalan TLDM Lumut. Sehingga kini, bantuan telah diberikan bagi menjayakan program motivasi KD DUYONG, program induksi ahli baru Wisma Bintara, seminar motivasi Markas Armada dan beberapa program lain yang masih dalam perancangan. Di samping itu, program 'Executive Talk' bertajuk "Integriti dan Kepimpinan" buat julung kalinya telah dilaksanakan pada 7 Mei 07 bersempena Hari TLDM Ke-73 di KD SULTAN IDRIS I, yang melibatkan hampir 400 orang pegawai dan anggota lain-lain pangkat. Usaha ini diharap mampu mempromosi kewujudan Pusat ini yang masih belum disedari sepenuhnya oleh warga TLDM sendiri, dan akan diperluas ke peringkat Markas-Markas Wilayah Laut pada masa hadapan.

Namun, sebagai satu-satunya unit yang dipertanggungjawab memperkasakan nilai-nilai kepimpinan warga TLDM di semua peringkat, hasrat ini tidak akan tercapai sekiranya tiada sebarang langkah diambil untuk membangunkan modul latihan kepimpinan yang mantap dan berkesan. Justeru, berpandukan model yang diperolehi melalui pembacaan, proses percambahan fikiran dan carian atas talian (internet), beberapa kursus kepimpinan asas (*self-leadership*) untuk kumpulan pegawai dan bintara, serta satu kursus pengurusan tekanan bagi warga armada telah berjaya dilaksanakan sendiri oleh pegawai dan jurulatih Pusat ini. Bagi kursus di peringkat pertengahan (*managerial leadership*) dan atasan (*strategic leadership*) pula, komitmen telah diterima daripada Bahagian Sumber Manusia (Pembangunan) agar modul-modul yang dirancang di bawah kedua-dua peringkat dapat dijalankan secara *outsourcing* mulai bulan Julai 07. Pendekatan ini dirasakan perlu kerana keupayaan serta pengalaman yang dimiliki pegawai serta jurulatih sedia ada belum memadai bagi mereka menangani pengisian program serta kumpulan sasar kedua-dua peringkat tersebut.

Di samping itu, Pusat ini secara berterusan melatih serta menerapkan nilai-nilai kepimpinan di kalangan anggota lain-lain pangkat peringkat pertengahan melalui pelaksanaan modul kepimpinan Laskar Kanan 'Q' (2 minggu) dan Bintara Muda 'Q' (3 minggu). Setakat artikel ini ditulis, Pusat ini telah mengendalikan lima siri kelas Laskar Kanan 'Q' bagi 16 jenis kepakaran dan empat siri kelas Bintara Muda 'Q' untuk 11 jenis kepakaran. Walaupun pelaksanaan kedua-dua modul ini adalah merupakan warisan Sekolah Pengurusan dan Kepimpinan, Fakulti Bekalan dan Pengurusan, KD PELANDOK yang telah dibubarkan apabila Pusat ini dilancarkan, komitmen yang diberikan oleh warga kejurulatihan Pusat ini dalam mengendalikannya masih tetap utuh dan tidak berbelah bahagi. Namun, hasil percambahan fikiran yang diadakan, kata sepakat telah dicapai bahawa pengisian kedua-dua modul sedia ada dinilai terlalu bercorak *exam-oriented* dan teoritik. Kecuali pendekatan aktiviti ujian medan, aktiviti-aktiviti lain seperti lawatan sambil belajar dan pelayaran bersama kapal layar STS PUTERI MAHSURI diadakan sekali-sekala dan secara tidak terancang, sehinggakan tidak dapat dilaksanakan untuk semua siri kelas. Sehubungan itu, pada masa hadapan, Pusat ini merancang mempelbagaikan aktiviti luar kelas kerana diyakini ciri-ciri kemahiran memimpin (yang merupakan *soft skills*) akan lebih terserlah melalui penekanan aktiviti praktikal berbanding teori. Sebagai permulaan, berakhir enam bulan pertama tahun 2007, Pusat ini telah melaksanakan satu sesi lawatan sambil belajar ke Pusat Serenti Perlop, Sungai Siput, dua sesi pelayaran bersama kapal layar STS PUTERI MAHSURI, satu program jalan lasak waktu malam, dan tiga aktiviti pengurusan acara (dua pertandingan sukan dan satu aktiviti tahlil). Di samping itu, bersempena Hari TLDM ke-73, Pusat ini telah melaksanakan program jiwa murni "Sehari Bersama Anak-Anak Yatim Kg. Sungai Kayu Ara, Chenderong Balai, Teluk Intan"

pada 28 April 2007. Semua aktiviti ini dilaksanakan dengan penglibatan menyeluruh para pelatih bermatlamatkan objektif menyerlahkan ciri-ciri kepimpinan sendiri (*self-leadership trait*) setiap individu pelatih secara semulajadi (*natural*). "Journey of a thousand mile begins with the very first step". Langkah pertama ke arah merealisasikan matlamat penubuhan Pusat Kepimpinan TLDM telah dimulakan. Perjalanan untuk memantapkan Pusat ini pada masa hadapan masih jauh, namun dengan keazaman bersepadu keseluruhan warga Pusat ini di bawah teraju kepimpinan Pengarahnya yang ketiga, Komander Jamel bin Abd Rahman TLDM, dan dengan sokongan padu pelbagai pihak dalam organisasi besar TLDM, cita-cita dan impian tersebut pasti mampu direalisasikan suatu hari nanti. Sambil menanti impian memiliki prasarana lengkap setanding institusi-institusi latihan kepimpinan tempatan dan antarabangsa yang telah diperakui tercapai, warga Pusat ini sedang berusaha keras mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan memperkemas kemahiran kejurulatihan dalam bidang kepimpinan melalui kehadiran dalam siri-siri kursus/latihan dalaman dan luaran yang berkaitan. Dalam masa yang sama, usaha mewujudkan Kertas Cadangan Perjawatan (KCP) masa hadapan Pusat ini sedang dijalankan bagi merealisasikan kewujudan struktur organisasinya secara sah. Di samping itu, bagi memenuhi hasrat Panglima Tentera Laut untuk menangani cabaran aspek kepimpinan yang lemah dalam organisasi TLDM, pelaksanaan kursus-kursus pendek, program dan aktiviti luar bagi tahun 2008 sedang dirancang secara teliti bagi memastikan matlamat memperkasakan nilai-nilai kepimpinan dalam diri setiap warga *Navy People* akan terus dicapai dengan baik dan berkesan. Semoga segala usaha yang telah digembleng berdasarkan segala perancangan yang telah digariskan bakal berhasil, insya Allah. **S**



THE NAVY PLAN

PENGUKURAN PRESTASI PENGURUSAN ANGGOTA

•BK STN(L) Hasbullah Bin Hj Ahmad •Bahagian Pengurusan Strategik, MK TL



Sesi penerangan the Navy Plan kepada warga TLDM

Menjadi Tentera Laut berkualiti merupakan visi Tentera Laut Diraja Malaysia. Visi ini dipasangkan dengan misi iaitu, "Menyedia dan Mengatur Gerak Angkatan Laut Untuk Melindungi Kepentingan Maritim Malaysia Semasa Aman dan Memastikan Kemenangan Semasa Perang" merupakan kata-kata keramat yang perlu difahami oleh semua Navy People.

The Navy Plan direlaksasikan oleh pengurusan atasan khasnya untuk mengukur prestasi pengurusan. Pelan ini digunakan sebagai alat pengurusan strategik dan komunikasi oleh pengurusan atasan kepada keseluruhan Navy People. Pelan ini menggariskan objektif-objektif strategik dan pengukuran terhadap sasaran-sasaran penting bagi mencapai visi dan misi TLDM.

Pelan ini merupakan suatu pelan yang menyeluruh, yang mencakupi kehendak stakeholder atau pihak berkepentingan, proses pewajaran, pembelajaran dan perkembangan serta sumber. Objektif Strategik serta sasaran yang persetujui oleh pengurusan atasan adalah untuk memastikan bahawa TLDM berupaya melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat Malaysia dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien.

The Navy People seharusnya mengetahui hala tuju yang ingin ditujui oleh Panglima Tentera Laut. Beliau inginkan supaya TLDM berada di landasan yang betul, melaksanakan amanah rakyat dengan jujur dan beretika, dapat melaksanakan kerja secara berpasukan, menepati masa dan sentiasa cemerlang di dalam apa jua bidang yang kita kerjakan.

Kita, Navy People, seharusnya memainkan peranan masing-masing untuk mencapai visi

dan misi yang dicitakan. Segala perancangan yang dilaksanakan mestilah dipandang secara positif dan berusaha meneroka perubahan ke arah penghasilan kerja yang lebih bermutu. Usaha yang perlu dilaksanakan ialah menyumbang idea yang bernas, melaksanakan pembaikan secara berterusan dan mengemukakan inovasi disamping tidak melakukan tindakan negatif yang boleh menjejaskan kredibiliti

anggota itu sendiri.

Selaras dengan usaha untuk memberi perkhidmatan melebihi kepuasan pelanggan, Objektif Strategik "Menyediakan Bantuan Materiel yang Efektif" seharusnya dipikul oleh semua anggota yang memberi perkhidmatan. Ini termasuklah anggota yang menjaga barangan keperluan seperti alat tulis, kelengkapan pejabat, pakaian, perabot, alat ganti, barangan makanan, minyak dan pelincir.

Dalam melaksanakan kerja harian, kita seharusnya menyediakan keperluan kewangan yang mencukupi dan melakukan perolehan secara telus. Kuantiti perolehan adalah untuk keperluan yang khusus dan tidak membazir. Kita juga seharusnya dan sentiasa menentukan bahawa harta kerajaan yang disimpan adalah mencukupi, dikeluarkan mengikut keperluan pelanggan, dalam keadaan baik, pada masa yang ditetapkan oleh pelanggan dan seterusnya diakaunkan dengan betul.

Pada masa yang ditetapkan, stok yang disimpan perlulah dibuat pelarasan. Ini akan menentukan bahawa pegangan adalah sama dengan jumlah didalam akaun. Tindakan untuk melupuskan barang yang usang dan rosak juga perlu mengikut jadual supaya akan memudahkan perakaunan di pejabat mahupun tindakan pelupusan yang jika ditangguhkan, akan memerlukan ruang

penyimpanan yang luas serta memerlukan ramai anggota, masa yang panjang, banyak tenaga dan kenderaan semasa melaksanakan tindakan pelupusan.

Selaras dengan kempen kerajaan iaitu 'reuse, recycle and reduce', usaha perlu dilakukan untuk menambah baik proses melupuskan barangan usang dengan melaksanakan penggunaan semula, kitaran semula serta pengurangan. Ini dapat dilaksanakan dengan membaiki kerosakan jika boleh, menghadiahkan kepada golongan yang miskin dan daif atau menggunakan semula barangan tersebut untuk kegunaan lain seperti menggunakan tayar terbuang untuk mengindahkan kawasan atau pun dijadikan tukan tiruan.

Memandangkan terdapat banyak depot yang telah dipersijilkan dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000, maka aduan pelanggan perlulah ditangani dengan seberapa segera dan jika perlu tindakan pencegahan perlulah diambil bagi menentukan perkhidmatan yang dijanjikan dapat diberi dengan cemerlang. Selain itu, pengurusan kontrak juga perlu dilaksanakan dengan betul bagi menentukan pengguna disediakan keperluan kontrak mengikut masa yang ditetapkan, pesanan dilaksanakan mengikut masa yang dijanjikan dan barang yang dijanjikan diterima mengikut peruntukan kontrak.

Sememangnya apa yang diperkatakan adalah umpama 'berat mata memandang tetapi lebih berat lagi jika memikunya'. Untuk melaksanakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna memerlukan komitmen yang jitu serta kerjasama dari semua. Akan tetapi, kita seharusnya meletakkan azam untuk 'memberi perkhidmatan kepada pengguna melebihi jangkaan keperluannya'. Ini akan membezakan Tentera Laut yang biasa dengan Tentera Laut Yang Berkualiti.... S



EDISI
2007

SeMaKin HaNgat!

BONANZA KASUMA

KHIDMAT ANSURAN
PERNAMA
KASUMA

Dengan Hadiah-Hadiah Yang Lebih Mengancam

RM 1,000,000



8 Satria NEO

(2 Buah setiap cabutan)

12 Yamaha NOUVO S

(3 Buah setiap cabutan)



20 TV Warna 34"

(5 Buah setiap cabutan)



40 Peti Sejuk 2 Pintu

(10 Buah setiap cabutan)



40 TV Warna 21"

(10 Buah setiap cabutan)



80 Mesin Basuh 8kg

(20 Buah setiap cabutan)

Cabutan 4 Kali Setahun!

Berbelanja dengan bijak di PERNAMA sekarang juga dengan Skim KASUMA kerana kami tahu apa yang anda inginkan!



PERNAMA

Setia Bersama Anda

www.pernama.com

Lawatan Ke Bawah

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra Dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid

KE PANGKALAN TLDM LUMUT, PERAK



KDYMM Al-Sultan dan DYMM Raja Perempuan beserta rombongan bergambar bersama Pegawai Kanan TLDM beserta Isteri

Kerajaan Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid telah berkenan mencemar duli berangkat untuk lawatan ke Pangkalan TLDM Lumut, Perak pada 2 hingga 4 Sep 2007 baru-baru ini. Rombongan ini turut disertai oleh Yang Amat Mulia Tengku Bendahara dan Yang Amat Mulia Tengku Temenggong. Keberangkatan tiba KDYMM Al-Sultan dan DYMM Raja Perempuan beserta rombongan ke Pangkalan telah disambut oleh YBhg Tan Sri Ramlan Mohamed Ali, Panglima Tentera Laut dan isteri, Puan Sri Noor Asmah binti Shahrman. Turut sama menyambut keberangkatan KDYMM Al-Sultan dan DYMM Raja Perempuan ialah Timbalan Panglima Tentera Laut dan isteri beserta Panglima Bantuan dan Isteri.

Ketibaan Baginda Sultan dan Raja Perempuan telah disambut dengan penuh adat ketenteraan didahului dengan Pemeriksaan Kawalan Kehormat di KD PELANDOK. Sepanjang tiga hari di Pangkalan, berbagai aktiviti dan acara lawatan telah diatur bagi meraikan kunjungan rombongan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah acara menembak, lawatan ke Galeri Panglima Tentera Laut, PASKAL, KA WASPADA dan KD JEBAT. Terdahulu, KDYMM Al-Sultan turut berkenan mendengar taklimat

operasi yang diadakan di PUSTAKMAR.

Dalam acara berasingan, DYMM Raja Perempuan berkesempatan melawat ke Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK) dan beramah mesra dengan anak-anak istimewa dan ibu bapa mereka. Selain itu, berbagai acara yang diatur oleh ahli BAKAT (L) Lumut sempena kedatangan DYMM Raja Perempuan. Di antara acara yang diatur ialah lawatan ke Pameran Kraftangan yang dihasilkan oleh ahli BAKAT (L) Lumut dan persembahan kebudayaan. Sepanjang lawatan, DYMM Raja Perempuan telah diiringi oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi Bakat (L) Puan Sri Noor Asmah bt Shahrman.

S



KDYMM Al-Sultan dan DYMM Raja Perempuan berehat di Jugra sejurus ketibaan



KDYMM Al-Sultan berkenaan menyampaikan cenderahati kepada PTL



PTL mengiring KDYMM Al-Sultan melawat ke Galeri Panglima



BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA

KE HOSPITAL KUNAK

Oleh : Lt Kdr Norazah binti Abdullah @ Adnan TLDM
Foto : KD SRI SEMPORNA

Buat pertama kalinya, Hospital Kunak dipilih untuk lawatan kebajikan oleh Badan Amal dan Kebajikan Angkatan Tentera, BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA pada 4 Mei 07 sempena sambutan Hari TLDM ke 73 dan Hari Ibu yang berlangsung pada bulan Mei. Seramai 12 orang ahli BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA mengikuti lawatan kebajikan ini dan diketuai oleh Pengerusi BAKAT (L) Semporna, Puan Norita binti Zainun.

Sempena lawatan ini, selain beramah mesra dengan pesakit dan kakitangan hospital, sedikit cenderahati berupa alat kelengkapan diri diberikan kepada setiap pesakit sebagai tanda keprihatinan BAKAT (L) Semporna kepada masyarakat setempat. Rombongan BAKAT juga di bawa melawat ke sekitar kawasan hospital untuk melihat kemudahan

rawatan yang disediakan.

Pengerusi BAKAT (L) Semporna, Puan Norita berkata, sebelum ini lawatan cuma dilakukan di sekitar Semporna sahaja, memandangkan Hospital Kunak baru dibuka dan berdekatan, peluang diambil untuk beramah mesra dengan masyarakat setempat dan kakitangan hospital selain menyumbangkan sedikit cenderahati kepada pesakit yang berada di wad.

"Kerjasama dari pihak pengurusan Hospital Kunak dalam menjayakan program lawatan ini amatlah dihargai dan diharap ianya dapat dilaksanakan lagi di masa akan datang," katanya lagi.

BAKAT (L) juga mengunjungi balu anggota KD SRI SEMPORNA yang meninggal akibat kemalangan jalan raya semasa bertugas yang kini tinggal di Merotai Tawau. Sempena kunjungan ini sedikit sumbangan berupa barangan kegunaan hari, alat tulis dan sedikit wang tunai diserahkan kepada balu berkenaan.

Puan Juriah binti Lagata, balu kepada Allahyarham 821786 LK 1 PPP (PKL) Hidin bin Alwi melahirkan perasaan amat terharu dengan keprihatinan BAKAT (L) Semporna dalam menjaga kebajikan bekas anggotanya. Sumbangan yang diberi diharap dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung memandangkan beliau masih tidak mempunyai pekerjaan tetap dan terpaksa menyara 3 anak yang masih bersekolah. Selain itu beliau menumpang di rumah ibubapanya di Kampung Merotai.

"Saya juga berasa amat bersyukur kerana BAKAT (L) Semporna dan Warga TLDM tidak pernah mengabaikan keluarga saya dan tidak putus-putus memberi pertolongan dan sumbangan untuk meringankan beban semenjak arwah suami kembali ke rahmatullah," katanya lagi sambil berlinangan airmata. **S**



Puan Norita menyampaikan sumbangan kepada seorang pesakit



KEWUJUDAN MAWILLA 3

bagai "Sang Helang"

Oleh : Lt Kamaru Zaman bin Hasim TLDM

Foto : PR MAWILLA 3



Markas Wilayah Laut 3, menjadi satu mercu tanda kewujudan mutiara utara di dalam organisasi TLDM. Malaysia akan dapat memperkukuhkan lagi Keselamatan perairan utara Selat Melaka yang menghadap ke Lautan Hindi akan diperkukuhkandengan kewujudan MAWILLA 3. Lautan Hindi merupakan sektor penting dan strategik memandangkan ia adalah pintu masuk bagi kapal-kapal dagang di sebelah utara Selat Melaka.

Kewujudan MAWILLA 3 boleh dianggap sebagai titik permulaan pengawasan dan pengawalan yang berterusan bagi menjamin keamanan dan ketenteraman di utara perairan Selat Melaka. Penubuhan pangkalan baru TLDM di Langkawi merupakan salah satu pertimbangan strategik pertahanan negara yang memerlukan penempatan Armada TLDM yang seimbang dan lengkap dari segi elemen tempur, bantuan logistik dan infrastruktur. Pangkalan baru TLDM ini ditubuhkan selaras dengan rancangan pembangunan angkatan untuk melaksanakan operasi maritim yang efisien dan efektif. Dalam pada itu, kepentingan penggunaan Selat Melaka sebagai laluan maritim antarabangsa perlu dijaga dan dipertahankan dari segala ancaman maritim terutamanya dari Lautan Hindi dan Laut Andaman.

Kedudukan Pulau Langkawi juga secara semula jadi memberi kesan penting dari segi geo-politik dan geo-strategik negara dan serantau. Kepentingan lokasinya lebih mendesak dengan senario keselamatan pada masa ini yang menjurus kepada dunia uni-polar yang tidak menentu. Dengan pertimbangan tersebut, kerajaan telah mengenal pasti satu kawasan di Tanjung Gerak, Langkawi berkeluasan 32 hektar atau 76 ekar di bawah RMK – 7. Seterusnya projek ini telah direalisasikan pada tahun 2000 dengan kerja-kerja penyediaan tanah. Kerja-kerja pembinaan pangkalan mengikut pakej telah bermula pada 20 Jun 03. Pembinaan Pakej 1 Fasa 2 yang merangkumi Bangunan Pentadbiran, Bangunan PSS TLDM, Bangunan Depot Logistik Wilayah 3, Bangunan Kediaman Laskar

Bujang, Komplek Kenderaan dan Rumah Pengawal telah siap pada 7 Jul 06. Pangkalan ini diterajui oleh Panglima Wilayah Laut 3 (PANGWILLA 3) yang diletakkan di bawah pemerintahan Panglima Armada. PANGWILLA 3 mempunyai kawalan pemerintahan terus terhadap unit-unit di bawah naungan.

MAWILLA 3 berperanan sebagai sebuah pangkalan hadapan TLDM untuk menyokong aktiviti operasi maritim terutama di kawasan utara Selat Melaka. Kemudahan jeti sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2008 manakala projek perumahan keluarga dijangka bermula dalam masa terdekat.

Dengan beroperasi MAWILLA 3 kelak, ianya berperanan bagi mengawal dan memantau perairan Malaysia di Selat Melaka umpama Sang Helang yang memantau, menyerang dan menangkap mangsa. Selain dari itu akan bekerjasama dengan agensi keselamatan yang lain dalam menentukan keselamatan dan kedaulatan perairan negara. **S**



KD KEDAH Bersama ADUN Karambunai

Oleh : Kdr Chan Peng Cheong TLDM

Foto : Lt Wan Mohd Aizat bin Wan Ariffin TLDM



Laungan Kemerdekaan dengan penuh semangat

Teluk Sepangar, Sabah 26 Ogos. Satu rombongan berkenderaan telah datang ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu di Teluk Sepangar bagi upacara penyerahan Jalur Gemilang dan bendera negeri Sabah sempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-50. Rombongan ini disertai oleh 15 buah kereta beserta berpuluh motorsikal yang diketuai oleh ADUN Karambunai, Yang Berhormat Hajjah Jainab binti Datuk Sri Haji Ahmad Ayid.

Tujuan rombongan ini adalah bagi memeriahkan lagi minggu kemerdekaan di kawasan Dewan Undangan Negeri Karambunai disamping menyemarakkan semangat kemerdekaan di kalangan penduduk setempat. Penyerahan bendera ini telah disempurnakan dengan jaya dan penuh semangat patriotik di atas kapal terancang milik TLDM iaitu Kapal Diraja (KD) KEDAH. ADUN Karambunai dan rombongan telah disambut meriah oleh Pegawai Memerintah KD KEDAH, Kdr Chan Peng Cheong TLDM dan seluruh warga kapal. Upacara telah berlangsung selama 30 minit dan diikuti dengan sorakan dan laungan merdeka oleh kesemua para hadirin.

Simboliknya upacara penyerahan bendera ini dilakukan di atas kapal adalah memandangkan sinonimnya TLDM dengan bendera TLDM. Bendera di dalam TLDM sememangnya memainkan peranan yang amat penting terutama di laut dan pangkalan. Bendera seringkali digunakan bagi menyampaikan maklumat, tanda pengenalan bagi sesebuah kapal, tanda kehadiran orang kenamaan dan juga sebagai isyarat amaran mengikut tradisi tentera laut. Selain itu, pengibaran Panji-panji TLDM oleh kapal dan pangkalan TLDM yang bertauliah bermula dari jam 8 pagi sehingga matahari terbenam merupakan satu

penghormatan ke atas sesebuah kapal dan pangkalan disamping ianya menjadi salah satu istiadat penting di dalam TLDM.

Penerimaan jalur gemilang dan bendera Sabah daripada ADUN Karambunai merupakan satu penghormatan kepada Pangkalan TLDM Kota Kinabalu amnya dan KD KEDAH khasnya memandangkan upacara ini adalah julung kali diadakan di atas kapal. Bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini, KD KEDAH telah berhimpit di Pangkalan Awam Kota Kinabalu untuk lawatan orang ramai bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang pada 31 Ogos.



Pegawai Memerintah KD KEDAH Kdr Chan Peng Cheong bersama Y.B. Hajjah Jainab binti Datuk Sri Haji Ahmad Ayid





MILITARY CULTURE:

Satu Analisis Psikologi Silang Budaya

OLEH:
Lt Kdr Abu Yazid bin Hj Abu Bakar
TLDM MED Counseling (UKM)
BA Psychology (Michigan)
Pegawai Staf Psikologi,
Pusat Kepimpinan TLDM

PENDAHULUAN

Menurut pengertian masyarakat awam, budaya biasanya dikaitkan dengan aktiviti yang bercorak kesenian masyarakat manusia seperti tarian, nyanyian dan sebagainya. Bagi ahli sains sosial pula, kebudayaan tidak terbatas pada aktiviti tersebut sahaja tetapi lebih merupakan cara hidup manusia termasuk agama. Ahli sosiologi E.B Taylor mendefinisikan budaya sebagai "a complex whole which includes knowledge, belief, art, law, moral, customs and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society", manakala Kroeber, seorang ahli antropologi dan sosiologi, pula menyatakan bahawa budaya itu adalah hasil keluaran manusia yang wujud dalam sesuatu kumpulan seperti sikap, idea, tabiat, undang-undang dan moral yang diwujudkan oleh anggota masyarakat dalam aktiviti kehidupan seharian.

Budaya, sebagai satu entiti, terbentuk hasil gabungan pelbagai elemen sub-budaya. Keadaan ini berlaku apabila sesuatu masyarakat mempertahankan dan mengamalkan budaya mereka sendiri dalam lingkungan budaya yang lebih besar seperti sub-budaya dalam etnik, sub-budaya agama, dan sub-budaya dalam politik. Oleh kerana organisasi ketenteraan adalah secara dasarnya merupakan satu entiti 'masyarakat' yang unik, ia juga memiliki struktur budayanya tersendiri yang dikenali oleh para ilmuwan sebagai *military culture*. Kewujudan budaya di dalam profesionalisme ketenteraan bukanlah semata-mata didasarkan di atas prinsip-prinsip "mematuhi perintah tanpa soalan, membunuh atau dibunuh, mahupun tuntutan ketahanan fizikal yang tinggi" sahaja. Budaya di dalam profesionalisme ketenteraan sebenarnya merupakan satu penstrukturan gaya pengurusan khusus dan teliti di dalam usaha mencapai matlamat spesifik iaitu misi yang telah ditetapkan. Untuk mencapai matlamat, organisasi ketenteraan memerlukan gaya pemerintahan yang rasional, tegas, dinamik, serta mempunyai keupayaan bertindak dengan bijaksana di bawah tekanan; justeru, pembudayaan komuniti tentera banyak dipengaruhi oleh faktor corak pemerintahan yang dimiliki struktur organisasinya.

PERBINCANGAN

Organisasi ketenteraan merupakan satu struktur yang kompleks, unik dan *rigid*. Penstrukturan sesuatu organisasi (*organizational structure*) ditafsirkan sebagai satu konfigurasi formal di antara individu-individu atau kumpulan-kumpulan di dalam sesebuah organisasi berhubung pembahagian tugas, tanggungjawab dan *authority* (Galbraith 1987). Merujuk kepada tafsiran ini, organisasi ketenteraan yang bercorak *regimental* dan *rigid* dilihat mempunyai struktur hirarki 'tinggi' (*tall hierarchy*) dan terancang, di mana tingkatan saluran komunikasi adalah lebih pelbagai; justeru, kelompok pengurusan sesuatu bahagian mempunyai lebih ramai keanggotaan (Greenberg dan Baron 1997). Fenomena ini merupakan satu realiti di dalam dunia ketenteraan, di mana gaya pengurusan sesuatu unit/formasi dirancang agar struktur hirarki *authority* berbentuk piramid dicapai berdasarkan struktur semasa pangkat keseluruhan anggota. Gaya pengurusan sebegini mengutamakan pengagihan maklumat berbentuk arahan daripada peringkat atasan ke bawah (*top-down management*), di samping turut mementingkan jalur komunikasi yang lazimnya lebih cenderung ke arah satu hala. Hakikat inilah yang menjadikan organisasi ketenteraan dilihat agak unik dan lebih kompleks berbanding struktur kebanyakan organisasi lain.

Keunikan serta nilai-nilai *complexity* komuniti tentera, secara tidak langsung, telah turut menyerlahkan projeksi elemen-elemen budaya yang unik dan tersendiri dibandingkan dengan ciri-ciri kebudayaan masyarakat awam. Matsumoto (2000) mendefinisikan budaya sebagai satu sistem peraturan luaran dan dalaman yang dinamik merangkumi elemen-elemen sikap, nilai, kepercayaan, norma serta tingkahlaku, yang dibina oleh sekumpulan manusia bertujuan menjamin kelangsungan (*survival*) hidup mereka. Schein (1985) pula mendefinisikan budaya organisasi (*organizational culture*) sebagai kerangka kerja kognitif merangkumi sikap, nilai-nilai, norma-norma tingkahlaku dan ekspektasi yang dikongsi bersama di kalangan ahli-ahli sesebuah organisasi. Sejajar dengan kedua-dua definisi di atas, tidak dapat dinafikan wujud satu sistem kebudayaan di dalam struktur organisasi ketenteraan yang sering dirujuk



sebagai *military culture*. Lodi (1998) mentafsirkan *military culture* sebagai rangkuman aktiviti dan pemikiran yang dikongsi oleh sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan keperluan, tatacara hidup, tradisi dan undang-undang/peraturan, serta bekerja dengan satu fokus yang telah ditetapkan semasa aman ataupun perang. Kajian yang dijalankan oleh Beitz Jr. dan Hook (1988) mendapati sifat *military culture* yang dominan adalah berasaskan sistem *authority* berhirarki yang dipengaruhi oleh dua faktor penting iaitu karekter pemimpin kanan dan suasana persekitaran.

Gaya hidup yang mementingkan disiplin diri tinggi di samping kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan ketat, telah membudayakan personaliti individu-individu tentera dengan elemen-elemen unik seperti gaya berpakaian, pertuturan dan bertingkahtilaku. Ott (1989) telah menggariskan lima tatacara bagaimana nilai-nilai budaya di dalam sesuatu organisasi ketenteraan itu disebarkan kepada ahli-ahlinya, iaitu:

- Simbol** – Penggunaan objek-objek material bertujuan membuat projeksi tentang kekuatan atau kepentingan organisasi, di mana pelbagai unit atau formasi berbeza memiliki lambang, slogan dan panji-panji tersendiri bertujuan menunjukkan kepentingan tugas dan misi serta keunikan masing-masing.
- Cerita lisan berdasarkan sejarah** – Merupakan tatacara formal atau tidak formal bagi menyampaikan serta mengukuhkan nilai-nilai budaya organisasi sedia ada. Seringkali ungkapan-ungkapan seperti "Pada masa dahulu, kami,...." atau "Zaman kami dahulu,...." digunakan dalam usaha menerapkan nilai-nilai budaya ketenteraan terutama kepada anggota-anggota yang baru memasuki perkhidmatan.
- Gaya pertuturan seharian (*jargon*)** – Penggunaan bahasa seharian yang difahami oleh semua ahli berupaya membantu mengekalkan kesinambungan sesuatu budaya. Dalam konteks ini, penggunaan jargon merupakan suatu kebiasaan di dalam dunia ketenteraan, di mana terma-terma harian seperti AWOL, MIA, RTU serta istilah sebutan huruf-huruf alfabet (Alpha – Zulu) merupakan perkara-perkara yang dimaklumi oleh semua anggota tentera. Di dalam misalan lain pula, kesinambungan budaya tentera laut dikekalkan dengan penggunaan naval terms yang difahami oleh semua anggota tentera laut di seluruh dunia.
- Istiadat (*Ceremonies*)** – Pengukuhan nilai-nilai budaya sesuatu organisasi dicapai menerusi pelaksanaan upacara, istiadat, majlis ataupun sambutan sama ada rasmi ataupun tidak rasmi. Di dalam organisasi ketenteraan, pelaksanaan istiadat-istiadat, rasmi ataupun tidak rasmi, merupakan fenomena biasa di mana wujud upacara-upacara seperti makan beradat, pemakaian pangkat, menaikkan bendera dan sebagainya yang diteruskan bagi memastikan kesinambungan budaya tentera berkekalan.
- Pernyataan prinsip-prinsip** – Merupakan proses pendokumentasian nilai serta ciri-ciri kebudayaan secara bertulis bagi memastikan penyampaiannya kepada generasi akan datang berjalan dengan lancar. Mengambil contoh organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dokumen-dokumen rasmi yang menggariskan panduan terhadap pelbagai aspek dunia ketenteraan sering diguna pakai sebagai bahan rujukan kepada sebarang isu semasa, antaranya seperti Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT), Panduan Penulisan Perkhidmatan ATM [PPB (MAL) 100] dan pernyataan-pernyataan arah (Misi dan Visi) setiap cabang perkhidmatan darat, laut dan udara.

Adalah jelas bahawa *military culture* yang dimaksudkan merangkumi segala aspek penampilan diri, tingkahtilaku individu-individu anggota tentera itu sendiri serta corak pengurusan dan pentadbiran organisasi secara keseluruhannya. Oleh kerana kehidupan tentera itu sendiri merupakan satu 'budaya', interaksinya dengan aspek kebudayaan 'tulen' warganya yang datang dari pelbagai latarbelakang, turut mewujudkan pelbagai isu psikologi silang budaya yang boleh membantu ataupun membantutkan perkembangan masyarakat tentera itu sendiri. Antara yang telah dikenal pasti dan sering diperdebatkan oleh komuniti *military psychologists* di seluruh dunia adalah berpaksikan isu-isu berikut:

- Gender Prejudice** – persoalan tentang *gender inequality* berkaitan peluang kerjaya dan peranan serta tanggungjawab yang diberikan di antara lelaki dan wanita dalam tentera. Namun, hakikat ini sebenarnya dipengaruhi persepsi sosial yang membataskan keupayaan fizikal dan mental wanita (berbanding lelaki) untuk memenuhi tuntutan kerjaya ketenteraan yang memerlukan tahap kesiapsiagaan mental dan fizikal yang amat tinggi.

- Social Status Differences** – perdebatan tentang budaya ketenteraan yang dinilai secara tidak langsung mempromosi perbezaan status sosial yang diperkukuhkan dengan kehadiran pelbagai bangsa, jantina, umur, agama dan sistem nilai yang dimiliki ahli-ahlinya. Namun, dalam penstrukturan organisasi yang 'tinggi' hirarkinya serta amalan *rank order* yang dipraktikkan, perbezaan status dan taraf sosial yang dipertikaikan ini tidak dapat dielakkan sama sekali.

- Mental Health Effects** – budaya ketenteraan yang teguh berpegang kepada aspek kepatuhan dan disiplin diri menuntut keupayaan mental individu yang amat tinggi untuk menyerap tekanan dalam situasi sukar. Seringkali kegagalan dalam aspek ini mendorong individu terdedah kepada pelbagai fenomena kesihatan mental yang menjurus ke arah senario-senario pelanggaran disiplin seperti engkar perintah, dahagi, tinggal tugas dan sebagainya. Kajian saintifik juga mendapati kesan negatif budaya ketenteraan dalam konteks ini turut mendorong segelintir anggota tentera bertingkahtilaku secara abnormal dengan terlibat dalam gejala-gejala seperti penagihan dadah dan penyalahgunaan alkohol yang serius, berkelakuan ganas serta agresif, dan cenderung untuk membunuh diri sendiri.

Sehubungan itu, pelbagai cadangan telah diutarakan agar organisasi ketenteraan mula mengadaptasi pendekatan kemanusiaan untuk menangani isu-isu silang budaya tersebut, supaya keperluan menjayakan sesuatu misi dapat diseimbangkan dengan tahap kesejahteraan mental dan emosi anggota. Dan ternyata, cadangan ini mendapat sokongan menyeluruh di mana kebanyakan organisasi ketenteraan negara-negara maju mula memberi tumpuan kepada keperluan ini. Sebagai contoh, peningkatan statistik bunuh diri di kalangan veteran perang Amerika yang kembali dari Iraq, telah mendorong PENTAGON menilai semula polisi kesihatan mental bagi veteran perangnya setelah didesak oleh masyarakat umum (melalui kritikan ahli politik, protes dan demonstrasi jalanan).

KESIMPULAN

Mungkin ada pihak kurang bersetuju sekiranya masyarakat tentera dikatakan mempunyai budayanya tersendiri kerana mereka berpendapat elemen budaya yang dibawa oleh pelbagai lapisan etnik yang menganggotai angkatan tentera itu sendiri sebenarnya yang berperanan mewujudkan rencam budaya komuniti tersebut. Tanpa menolak kebenaran andaian ini, penulis berpendapat bahawa kombinasi warga tentera yang datang dari pelbagai latar budaya bukanlah satu-satunya faktor pencetus *military culture*, kerana penulis yakin bahawa penekanan berterusan terhadap gaya hidup yang mementingkan ciri-ciri disiplin dan kepatuhan kepada arahan pihak atasan turut menyumbang kepada pembentukan budaya ketenteraan atau *military culture* ini.

Adalah jelas bahawa komuniti tentera adalah satu masyarakat berbudaya tersendiri dan unik. Namun, tidak semua individu di dalam komuniti tentera itu sendiri betah bertahan dengan pendekatan budaya yang diamalkan; justeru, ramai yang memilih untuk menamatkan perkhidmatan secara awal dan mencari penyesuaian serta kerjaya baru di dalam masyarakat awam. Tetapi adakalanya proses peralihan tersebut harus memakan masa yang lama kerana elemen-elemen 'budaya sendiri' sebagai seorang bekas tentera telah kemas tersemat sehingga agak sukar dikikis. Di samping itu, tidak mustahil juga berlaku 'kejutan budaya' dalam proses peralihan ini kerana berlaku 'pertembungan' di antara elemen *military culture* yang dimiliki bekas tentera dengan budaya masyarakat awam yang cuba dimasukinya. Namun, dengan persediaan yang mencukupi dan pandangan serta persepsi yang sentiasa positif, seseorang individu bekas tentera itu pasti berjaya kerana segala pengalaman dan ilmu yang telah diperolehinya semasa di dalam perkhidmatan seharusnya menjadi bekal paling berharga untuk mengharungi tempoh peralihan ini. Oleh kerana peluang mengalami proses 'pembudayaan' gaya ketenteraan ini tidak diperolehi semua orang, penulis berpendapat ianya merupakan satu pengalaman yang benar-benar harus dihargai oleh individu-individu yang berkesempatan menempuhnya. **S**

2 WIRA - POPULARKAN TLDM DI MATA UMUM

Oleh: Aboy PR FOC RMN



PASUKAN Tatu Kawat Senyap dan Istiadat TLDM tidak perlu diperkenalkan lagi. Mereka sudah popular di kalangan umum melalui aksi-aksi menarik yang bersahaja dan pelbagai gerakan yang diatur begitu rapi, mampu menghiburkan dan memukau perhatian orang ramai.

Siapa di sebalik tabir yang berusaha membawa pasukan ini ke tahap itu? Bukan sesuatu yang mudah sebenarnya, dalam masa yang singkat, walaupun terpaksa menelan pelbagai dugaan dan halangan, pasukan ini telah berjaya menggamit tumpuan penonton di seluruh negara!

PW 1 PPP (GI) Abdullah Haji Talib dan PW 1 PPP (GI) Mohd Latif Hj Md Diah menjadi tonggak kejayaan Pasukan Kawat Senyap dan Istiadat TLDM. Mereka diberi kepercayaan menerajui pasukan tersebut berbekal pengalaman luas dan komitmen tinggi terhadap kerjaya. Mereka mampu membimbing pasukan yang menjadi kebanggaan TLDM itu tanpa dibantu sesiapa.



Menurut PW 1 Abdullah, beliau banyak terlibat dalam aktiviti yang melibatkan TLDM di peringkat negeri dan Kebangsaan seperti Pesta Sukan Air Lumut, Sukan Super Perak III di Stadium Indera Mulia Ipoh, Hari Kebangsaan peringkat Negeri Perak, Upacara Pengkebumian Kemangkatan Almarhum Sultan Salahuddin, Kemahkotaan DYMM Sultan Sarifuddin, Sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor serta Pembukaan Dewan Undangan Negeri Selangor selain Upacara Mengarak Panji-panji DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Hari Kemerdekaan, Hari Keputeraan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke-12 dan apa jua persembahan yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia bagi mewakili TLDM.

"Saya telah dikurniakan Pingat Ahli Mangku Negara (AMN) oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada tahun 2003," katanya sambil tersenyum bangga. Berasal dari Masjid Tanah, Melaka, PW 1 Abdullah telah mula berkhidmat di dalam TLDM pada 7 Jan 78 dan telah bersara pada 6 Jan 99 sebagai anggota tetap setelah berkhidmat selama 22 tahun. Oleh kerana minatnya yang mendalam terhadap Angkatan Tentera Malaysia amnya dan TLDM khususnya, beliau telah memasuki Pasukan Sukarela TLDM pada 1 Mei 2000 seterusnya diserap sebagai anggota kerahan sepenuh masa pada 1 Mei 01 dan diper Jawat sebagai Pegawai Waren Istiadat di Markas Bantuan TLDM. Seterusnya beliau ditukarkan ke PROTELA Lumut bagi membantu meletak anggota Istiadat TLDM ke tahap lebih tinggi.

"Walaupun bagaimanapun, pada tahun 2005 saya telah ditukarkan semula ke Markas Bantuan TLDM sebagai Pegawai Waren Istiadat. Sepanjang perkhidmatan sebagai anggota tetap, beliau telah berkhidmat di beberapa buah pangkalan dan kapal TLDM. Antaranya KD PELANDOK, KD SRI BANGGI, KD SRI JOHOR, Markas Armada TLDM, KD BAUNG,

Berek TLDM Woodlands, KD HANDALAN dan KD MALAYA.

"Ketika saya masih di PROTELA Lumut, saya pernah mencetuskan buah fikiran untuk menjayakan Perarakan Panji-panji KD PELANDOK dan KD MALAYA. Ianya berjaya dilaksanakan buat julung kalinya semasa sambutan Hari TLDM ke-70 di Stadium TLDM Lumut.

"Pada masa itu, DYMM Sultan Selangor telah mencemar duli untuk merasmikan dan menyaksikan perbarisan tersebut," katanya lagi sambil menunjukkan gambar-gambar perbarisan ketika itu.

PW 1 Mohd Latif Hj Md Diah juga merupakan jurulatih persenjataan yang berkebolehan membimbing Pasukan Tatu Kawat Senyap dan Istiadat TLDM. Beliau adalah satu-satunya anak didik Korea Selatan yang masih ada dalam TLDM bagi melatih pasukan tersebut. Kini beliau mampu memimpin dan menerajui pasukan yang mempunyai seramai 231 anggota.

"Seperti PW 1 Abdullah, saya juga turut terlibat melatih dan membawa pasukan Tatu Kawat Senyap untuk persembahan di peringkat negeri dan Kebangsaan. Saya amat bangga pasukan Tatu Kawat Senyap TLDM kini sudah mampu mempopularkan TLDM di mata umum. Kita sering terlibat dalam mempromosikan kerjaya bersama ATM seperti di Negeri Terengganu, Pahang, Pulau Pinang, LIMA Langkawi, Kembara Mahkota Johor, Tatu sempena Pemerintahan 40 tahun Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan di Dataran Seremban, Tatu ATM dan Polis serta Agensi-agensi Swasta," ujar PW 1 Latif.

Menceritakan sejarah awal penubuhan Pasukan Tatu Kawat Senyap TLDM, Latif berkata pasukan itu mula ditubuhkan pada 15 Julai 90 dengan keanggotaan pada masa itu hanya seramai 108 anggota dari pelbagai Cawangan Kelasi.

"Dulu kita dilatih secara intensif oleh dua jurulatih dari Korea Selatan selama tiga bulan. Kini banyak pergerakan telah kita ubah bagi menyesuaikan dengan suasana tempatan walaupun asasnya daripada mereka". Uniknyanya pasukan Tatu Kawat Senyap TLDM ujar Latif, mereka mempunyai dua tanggungjawab utama. Selain Kawat Senyap, mereka juga bertanggungjawab sebagai Pasukan Kawalan Kehormatan Utama. Itu adalah cabaran hebat bagi pasukan ini.

"Pada saya, mereka yang terlibat dalam bidang ini mestilah mempunyai mental dan fizikal yang kuat selain disiplin tinggi," katanya lagi.

Menurutnya, pengetahuan dan pengalaman sebagai jurulatih persenjataan amat membanggakan dan beliau telah ditugaskan untuk menyediakan kertas kerja bagi menjayakan Perbarisan Hari TLDM ke-70 iaitu Perarakan Panji-panji KD MALAYA dan KD PELANDOK bersama-sama PW 1 Abdullah.



Beliau yang berasal dari Merlimau, Melaka telah mula berkhidmat di dalam TLDM pada 1 Okt 85 dan diserapkan ke Cawangan Peperangan Paras Permukaan (PPP) setelah tamat menjalani latihan rekrut di Woodlands, Singapura.

Sepanjang berkhidmat selama 22 tahun katanya, beliau telah diper Jawatkan di beberapa buah kapal dan unit TLDM seperti KD PELANDOK, KD RAJA JAROM, Rejimen Keselamatan, KD MAHAWANGSA, PROTELA Lumut dan KD PERDANA.

Keikhlasan dan kesungguhan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab memang sukar ditandingi. Segala sumbangan dan bakti yang dihulurkan adalah atas rasa kesetiaan, keikhlasan dan sikap yang tidak mementingkan diri. Atas kesungguhan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab dalam semua aspek, mereka telah dipilih untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi tahun 2007. **S**



TINDAKAN PANTAS TLDM SELAMATKAN NYAWA PELANCONG

Oleh : Lt Kdr Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM
Foto : KD SRI SEMPORNA

Tindakan pantas anggota dari unit *Hyperbaric Chamber* Pangkalan TLDM Semporna memberikan rawatan telah berjaya menyelamatkan nyawa seorang pelancong wanita warganegara Amerika selepas dirujuk oleh hospital Semporna Penelope Cooper yang berasal dari Pennsylvannia (57 tahun) telah mengalami *Nuerological Decompression Sickness*. Wanita yang berkelayakan PADI *Dive Instructor* ini mengadu merasa pening (*dizzinees*), lemah serta kebas di semua sendi badan terutamanya bahagian pinggang ke bawah selepas melakukan penyelaman ke-3 di Pulau Kapalai pada 11 Jun 07 jam 5.00 pm.

Rawatan menggunakan *chamber* selama 4 jam 45 minit bermula jam 11.15 malam dan berakhir pada 12 Jun 07 jam 4.45 pagi. Pesakit telah pulih sepenuhnya dan kelihatan cergas meskipun kurang waktu tidur dan lapar. Beliau turut berterima kasih dan menghargai layanan serta profesionalisme yang ditunjukkan oleh anggota-anggota TLDM yang merawatnya.

Suaminya, Mr Wayne Cooper turut menyuarakan rasa terutang budi dan kagum dengan fasilitas dan kepakaran yang dimiliki TLDM di Semporna. Beliau dan isterinya pemilik dan mengendalikan sekolah latihan menyelam (*PADI Instructor*) di Texas Amerika. Syarikat dan sedang membawa rombongan seramai 16 orang penyelam (warga Amerika Syarikat) untuk menikmati keindahan dasar laut di perairan Pulau Sipadan. Ini merupakan kejadian pertama menimpa isterinya semenjak berkecimpung



dalam dunia penyelaman sejak 22 tahun yang lalu. Dengan apa yang telah dilalui, beliau lebih berkeyakinan dan merasa selamat melakukan penyelaman di perairan Sabah dengan adanya jaminan rawatan kepada penyelam luar negara seperti ini.

Kebanyakan pelancong asing kurang mengambil berat faktor keselamatan, faktor usia dan kesihatan apabila melakukan aktiviti penyelaman. Ini adalah kerana mereka ingin mengoptimalkan peluang dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelancong. Di samping itu, pihak resort atau agensi pelancongan tempatan terlalu mengutamakan keuntungan jangka pendek tanpa memberikan nasihat sewajarnya. Justeru, kes-kes sebegini kerap berulang. Seharusnya semua pihak yang terlibat yang mengendalikan aktiviti menyelam hendaklah mematuhi prosedur keselamatan dan lebih prihatin mengenai risiko *decompression sickness*.

"TLDM sentiasa memberi komitmen sewajarnya memberi kesedaran *safety awareness* kepada masyarakat tempatan dan pelancong asing berkaitan aktiviti penyelaman bagi mendukung perkembangan industri pelancongan di Sabah" ujar Leftenan Komander Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM, Pegawai Selam KD SRI SEMPORNA.

**KREW
PERTAMA**

KAPAL LAYAR DIRAJA (KLD) TUNAS SAMUDERA

CAPAI MISI PERTAMA PROJEK POLAND

Oleh : Lt Masliza Maaris TLDM
Foto : PR MK-TL

Pada 26 Ogos 07 krew pertama KLD TUNAS SAMUDERA telah selamat sampai ke tanah air setelah 164 hari berada di perantauan untuk mencapai misi penting Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khasnya dan negara amnya. Majlis menyambut kepulangan mereka di Lapangan Terbang KLIA, Sepang berlangsung dalam keadaan gembira dan meriah dengan kehadiran kesemua ahli keluarga krew pertama. Majlis menjemput kepulangan itu turut dihadiri oleh Asisten Ketua Staf Rancang dan Operasi, Markas Tentera Laut, Laksamana Pertama Dato' Jamil bin Osman dan pegawai – pegawai kanan TLDM.

KLD TUNAS SAMUDERA telah memulakan pelayaran dari Pelabuhan Kelang pada 12 Mac 07 yang lalu. Upacara perasmian pelepasan tersebut telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al Marhum Sultan Abdul Aziz Shah Alhaj, yang juga Kepten Kehormat TLDM.

Sepanjang pelayaran ke Laut Baltik untuk menyertai *Tall Ship Races* di Szczecin, Poland mereka telah merentasi Teluk Benggala, Laut Arab, Lautan Hindi, Laut Merah, Terusan Suez, Laut Mediteranean dan Selat Inggeris. Mereka telah mengalami pelbagai cabaran dan rintangan yang hebat. Cabaran dan rintangan ini merupakan pengalaman baru yang tak ternilai harganya kepada krew yang rata-ratanya terdiri dari pegawai-pegawai dan anggota yang masih muda. Pengalaman pahit dan manis mengharungi pelbagai lautan mendewasakan mereka mengenai ilmu kelautan yang tidak mudah diperolehi dalam masa yang singkat.

Dalam *Tall Ships Races*, KLD TUNAS SAMUDERA yang bertanding dalam Kategori A iaitu bagi kapal layar yang mempunyai tiang layar jenis 'yardarm', bersama beberapa kapal layar dari Eropah seperti Alexander von Humbolt dari Jerman, Chistian Radich (Norway), Europa dan Eendracht (Belanda), Lord Nelson (United Kingdom)



dan Georg Stage dari Denmark. Mereka telah mengharumkan nama negara dengan memenangi Anugerah Khas Penyertaan Paling Jauh atau "Seaman Arriving From A Far" dan tempat ketiga dalam "Baltic Song Contest". Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan bagi TLDM khasnya dan Malaysia amnya.

Seramai 46 orang krew pertama yang diketuai oleh Kepten Hj. Rusli bin. Hj. Idrus TLDM selaku Pegawai Memerintah termasuk seorang Pegawai Perubatan dan seorang Pegawai Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan 2 orang pegawai wanita telah berjaya mengharumi nama Malaysia semasa pertandingan *Tall Ships Races* di Poland bermula 5 Julai hingga 7 Ogos 2007 lalu. Persaingan pertama kali dengan 115 kapal layar Eropah dan Amerika Syarikat merupakan satu pertandingan yang amat



sengit, walaupun tidak mencipta kemenangan yang cemerlang KLD TUNAS SAMUDERA telah berjaya memikul tanggungjawab yang berat ini untuk menaikkan nama TLDM khususnya dan negara amnya. Apapun semua ini adalah sebahagian daripada rentetan suka duka dan pahit manis misi sulung pelayaran mengelilingi dunia KLD TUNAS SAMUDERA. **S**

KEDAH JELAJAHI SHANGHAI DAN VLADIVOSTOK

PENUH SANJUNGAN DAN PENGHORMATAN

Oleh : PM KD KEDAH

Foto : Lt M Mohd Shahrizan bin Zainal TLDM



Saat yang ditunggu-tunggu oleh seluruh warga KD KEDAH dan detik yang paling bermakna sudah tiba. Kapal memulakan pelayaran ke Shanghai China dan Vladivostok Rusia dengan misi menjalin hubungan yang erat dengan tentera laut kedua-dua negara tersebut serta menyambut perhubungan diplomatik antara Malaysia dan Rusia yang ke-40 tahun. Pelayaran ini telah menempa satu lagi sejarah buat KD KEDAH dan warganya.

Tanggal 25 Jul 07 KD KEDAH belayar meninggalkan Pangkalan Tentera Laut Kota Kinabalu untuk melaksanakan permulaan misi dengan tujuan untuk selamat ke destinasi menjadi harapan. Pelayaran yang baru bermula ini mesti diteruskan sehingga ke penghujungnya. Kapal telah menyeberangi Laut China Selatan, Selat Taiwan dan Laut Kuning. Pelayaran selama 7 hari ini menyaksikan buat pertama kalinya kapal dari jenis ini untuk sampai ke pelabuhan Yangzijiang Shanghai.

Kapal telah diiringi oleh kapal tentera laut negara tersebut sepanjang melalui Sungai Yang Ze. Seterusnya kapal telah memasuki sungai Huang Pu Jiang untuk menuju ke pelabuhan Yangzijiang. Setelah memasuki Sungai Huang Pu Jiang, tugas mengiringi kapal telah diambil alih oleh 4 buah bot Polis Marin supaya kapal selamat sampai tanpa halangan. Sungai yang dilalui oleh kapal iaitu Sungai Yang Ze dan Sungai Huang Pu Jiang terlalu sibuk dengan kapal keluar masuk di mana jarak selisih di antara satu sama lain terlalu dekat sehingga kurang dari 50 meter sahaja.

Seterusnya Pegawai Memerintah (PM) telah dijemput ke jeti untuk upacara *Welcome*



Ceremony dan sidang media bersama dengan pegawai kanan *Shanghai Naval Base* (SNB) dan pemberita. Seterusnya, PM telah melakukan kunjungan hormat ke atas Komander SNB iaitu *Vice Admiral* (VADM) Wang DeDing dan *Deputy Director-General of Foreign Affairs Office Shanghai Municipality* Mr Shao Huixiang. Kunjungan hormat telah dilakukan dengan penuh mesra dan muhibah sekali di antara kedua-dua pihak. Di samping itu, pertukaran cenderahati dan sidang media turut dilakukan selesai kedua-dua kunjungan hormat.

Di sebelah petang, PM bersama dengan 30 warga kapal telah dibawa untuk melakukan lawatan ke Pelabuhan Wusong.

Rombongan telah diiringi dengan kereta peronda dan diberi peluang untuk melawat kapal perang PLA(N) yang mengiringi kapal semasa memasuki Shanghai iaitu Yichang (541) dari jenis Jiangwei 2 kelas frigat. Seterusnya, majlis resepsi telah diadakan di Markas SNB yang dihoskan oleh Komander SNB sendiri iaitu VADM Wang DeDing dengan pancaragam mengalunkan muzik di samping kehadiran wartawan membuat liputan sepanjang majlis.

Hari kedua adalah lawatan ke tempat-tempat menarik di Shanghai untuk pegawai dan diiringi oleh Ketua Staf SNB dan Pegawai Perantaraan. Tempat-tempat yang dikunjungi adalah Menara Oriental

Kapal telah selamat merapat di Pelabuhan Yangzijiang, Shanghai pada 1 Ogos 07 jam 10.30 pagi. Kehadiran kapal di Shanghai disambut dengan meriah sekali di mana pelabuhan dihias cantik dengan bendera dan pancaragam People Liberation Army (Navy) memainkan lagu-lagu yang mengalunkan kedatangan kapal. Disamping itu, pegawai-pegawai kanan Shanghai Naval Base (SNB) yang diketuai oleh Ketua Stafnya dan pemberita turut menyambut KD KEDAH di pelabuhan.



Pearl, Urban Planning Center dan Yuyuen Garden. Sambutan yang diberi sangat mengagumkan dengan hamparan karpet merah, pancaragam dan diiringi oleh pegawai eksekutifnya. Ini menunjukkan perancangan rapi dan sambutan istimewa telah dilakukan terhadap rombongan kapal. Disamping itu, tempat-tempat lawatan tersebut amatlah menarik dengan kombinasi masa lampau, sekarang serta akan datang.tempat lawatan tersebut amatlah menarik dengan kombinasi masa lampau, sekarang serta akan datang.

Pada hari yang sama, kapal telah dibuka untuk lawatan kepada orang awam dari jam 9 pagi sehingga 12 tengahari. Hampir 1000 orang telah datang melawat ke kapal hanya dalam jangkamasa 3 jam tersebut. Pihak kapal difahamkan bahawa untuk melakukan lawatan ke kapal, mereka perlu memperolehi tiket dari PLA(N) dan sejumlah 6000 tiket telah diedarkan sebelum kapal tiba. Ini menunjukkan masyarakat Shanghai amat meminati dan menghormati tentera.

Majlis koktel di kapal bermula dari jam 7 sehingga 9 malam. Seramai 90 orang dijemput pada majlis tersebut yang terdiri dari pegawai PLA(N), pegawai dan staf Konsulat Jeneral MALAWAKIL Malaysia di Shanghai, Konsulat negara sahabat dan warga Malaysia di Shanghai. Tetamu kehormat pada malam koktel itu ialah VADM Wang DeDing sendiri. Beberapa aktiviti dilakukan semasa majlis koktel seperti persembahan kompang dan bunga manggar untuk menyambut tetamu

kehormat. Semasa tetamu menjamu selera, tetamu telah dihiburkan dengan pertunjukan silat, dikir barat dan tarian buluh di mana para tetamu turut sama menari tarian buluh. Secara keseluruhan, majlis koktel ini telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dirancang dan rata-rata tetamu amat berpuas hati dengan majlis koktel ini.

3 Ogos 07 merupakan hari terakhir kapal di Shanghai. Upacara perpisahan telah dilakukan di jeti di antara kedua-dua pihak sebelum kapal keluar pelabuhan pada jam 10 pagi. Pancaragam berkemundang dan lambaian oleh pegawai-pegawai PLA(N) mengiringi kapal semasa keluar pelabuhan dan dibalas dengan lambaian perpisahan dan laungan 'Gempur Wira' oleh warga kapal.

Pihak PLA(N) telah memberi penghormatan dan layanan yang sangat mengagumkan dan amat baik sepanjang lawatan kapal ke Shanghai. Pihak Pejabat Pos Shanghai telah mengeluarkan sampul surat kenang-kenangan sempena dengan lawatan KD KEDAH ke Shanghai. Sampul kenangan itu terlukis gambar KD KEDAH dibahagian hadapan sampul dan maklumat PM serta data kapal di bahagian belakang sampul. Sampul ini dijual kepada orang ramai dengan harga 7 yuen (RM 3.50) sekeping beserta setem. Pihak kapal juga dimaklumkan bahawa kehadiran kapal telah disiarkan di akhbar sebelum ketibaan kapal itu sendiri. Akhbar-akhbar China juga telah menyiarkan berita lawatan KD KEDAH ke

Shanghai di 3 akhbar iaitu 1 akhbar bahasa Inggeris dan 2 akhbar Mandarin.

Pelayaran seterusnya adalah ke Vladivostok, Rusia di mana jaraknya adalah 950 batu nautika. Lautan utama sepanjang pelayaran yang dilintasi ialah Laut China Timur, Selat Korea dan Laut Kuning. Kapal telah berada di Perairan Vladivostok pada pagi 7 Ogos dan menyusuri Sungai Bukhta sejauh 6 batu nautika sebelum merapat di Himpitan 33, Pelabuhan Cxema Wbaptobkn, Vladivostok Rusia pada jam 10.30 pagi sebagaimana yang telah dirancang. Cuaca di sini agak dingin dengan suhu 21°C. Warga kapal telah melakukan *manning the side* ketika kapal merapat dengan berpakaian istiadat No.1.

Sekali lagi kapal telah mencipta sejarah iaitu kapal dikehendaki merapat dengan cara *Mediterranean Berthing*. Kapal merapat secara membuntut ke jeti dan melabuhkan sauh di hadapan. Di atas jeti, sambutan oleh Tentera Laut Rusia amat meriah sekali, di mana lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan oleh Pancaragam Pusat Pangkalan Tentera Laut Vladivostok. Dua perbarisan askar laskar Tentera Laut Rusia dengan berpakaian istiadat lengkap dan wartawan telah sedia menunggu ketibaan kapal. Turut menyambut ketibaan kapal ialah wakil Panglima Tentera Laut, Laksamana Pertama Dato' Jamil bin Osman dan Headquarters Commander of Pacific Fleet, Rear Admiral Kian Yuri Vasilievick.



Majlis menyambut ketibaan kapal telah dilakukan dengan penuh penghormatan dan adat istiadat rakyat Vladivostok di mana, PM telah disambut oleh 4 gadis tempatan jelita berpakaian tradisi putih dan biru yang merupakan warna rasmi Vladivostok dan sedulang roti berserta garam simbol persahabatan di antara kedua-dua negara sambil berjalan megah di atas permaidani merah disulam cantik. Sidang media telah dilakukan di atas jeti bersama dengan wakil PTL dan PM selama hampir 30 minit. Seterusnya PM dan rombongan kapal telah melakukan kunjungan hormat ke atas *Deputy Commander In Chief of Pacific Fleet Vice Admiral Sergey Avramenko* dan Datuk Bandar Vladivostok, Madam Olga Kozeratskaya. Kunjungan hormat ini telah berlangsung dengan mesra dan baik sekali di mana kedua-dua pihak bertukar-tukar maklumat dan cenderahati. Seterusnya Ketua Staf *Commander of Pacific Fleet, Rear Admiral Kian Yuri Vasilievick* serta rombongan telah melakukan lawatan ke kapal. Lawatan telah dimulakan dengan perbincangan di pejabat PM, menonton video korporat KD KEDAH, lawatan sekitar kapal dan menjamu selera di Wisma Pegawai.

Pada jam 7 petang, kapal telah mengadakan majlis koktel sempena terjalannya 40 tahun hubungan diplomatik kedua negara. Majlis ini dihadiri oleh 70 orang terdiri dari pegawai Tentera Laut Rusia, konsulat negara sahabat, kenamaan-kenamaan tempatan dan ahli-ahli korporat Rusia. Tetamu kehormat majlis ialah Ketua Staf *Commander of Pacific Fleet, Rear Admiral Kian Yuri Vasilievick*. Majlis telah berlangsung sehingga jam 9 malam di mana para tetamu telah dijamu dengan makanan ala Malaysia. Di samping itu, mereka juga telah disajikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan bagi mempromosikan Tahun Melawat Malaysia seperti paluan kompang, bunga manggar, pertunjukan pencak silat,

dikir barat, persembahan tarian buluh dan tarian poco-poco oleh semua pegawai serta tetamu sebagai persembahan penutup. Secara keseluruhannya majlis koktel ini telah berjaya merapatkan hubungan silaturahmi di antara pihak kapal dan Rusia serta mempromosikan budaya Malaysia di bumi Rusia ini.

Aktiviti pertama yang dilakukan pada hari kedua ialah upacara menanam pokok KD KEDAH dan peletakan jambangan bunga oleh wakil PTL dan PM di *Flame Russian Pacific Heroes* yang berdekatan dengan Muzium Kapal Selam C56. Majlis menanam pokok KD KEDAH dan peletakan jambangan bunga ini dilakukan dengan penuh adat istiadat ketenteraan, kawasan tugu peringatan dihias cantik, perbarisan Kawalan Kehormat dari Tentera Laut Rusia dan diiringi oleh Pancaragam Pusat Pangkalan Tentera Laut Vladivostok. Ia merupakan satu penghormatan kepada pihak kapal.

Seterusnya wakil PTL dan PM telah dibawa melawat Muzium Kapal Selam C56 dan Muzium Memorial *Russian 7th Pacific Fleet*. Muzium Kapal Selam C56 adalah sebahagian daripada kompleks *Memorial Russian 7th Pacific Fleet* dan muzium ini lebih dikenali sebagai *Great Patriotic War*. Manakala Muzium Memorial *Russian 7th Pacific Fleet* pula menempatkan fakta serta catatan sejarah dan peralatan perang sejak dari perang dunia pertama, kedua sehinggalah sekarang.

Pada hari terakhir beberapa aktiviti terus dilakukan sebelum kapal belayar. Aktiviti pertama yang dilakukan oleh pihak kapal ialah projek jiwa murni di rumah anak-anak yatim iaitu di *Orphanage House of Vladivostok*. Rumah anak yatim ini dihuni oleh 80 anak-anak yang tiada ibubapa yang berumur di antara 2 bulan dan 4 tahun. Seramai 30 warga kapal telah terlibat dengan kerja-kerja amal di sini termasuklah melakukan kerja gotong royong membersihkan kawasan sekitar rumah anak yatim, membantu menguruskan

kanak-kanak, bermesra dan bermain dengan kanak-kanak serta menyampaikan sumbangan ikhlas kapal kepada rumah anak-anak yatim. Malah aktiviti ini telah mendapat liputan dari pihak Television Vladivostok dan akhbar tempatan iaitu *Vladivostok Journal Press* yang sama-sama menjayakan projek jiwa murni ini. Seterusnya rombongan kapal telah dibawa ke kapal penganjur, ADMIRAL VINOGRADOV, kapal pembina anti kapal selam (*Anti Submarine Destroyer*) dari jenis UDALOY yang mempunyai *full displacement* 8500 ton. Selesai lawatan, pegawai kapal telah dijamu dengan makanan tengahari ala Rusia yang cukup enak.

Kapal belayar keluar pelabuhan pada jam 7 petang dan upacara *sending off* telah dilakukan yang diketuai sendiri oleh Ketua Staf *Commander of Pacific Fleet, Rear Admiral Kian Yuri Vasilievick*. Dalam masa yang sama, jeti Pelabuhan Cxema Wbaptobkn dipenuhi oleh perbarisan warga Tentera Laut Rusia yang berbaris dan melambai KD KEDAH semasa kapal meninggalkan pelabuhan sambil diiringi oleh Pancaragam Pusat Pangkalan Tentera Laut Vladivostok. Pihak kapal berasa amat terharu dengan sambutan dan layanan yang telah diberikan sepanjang lawatan ulung ke Vladivostok ini oleh pihak Tentera Laut Rusia. Sebagai ucapan terima kasih dan selamat tinggal laungan 'Gempur Wira' telah diteriakkan oleh warga kapal dengan penuh semangat semasa kapal meninggalkan pelabuhan.

Kapal meneruskan pelayaran balik ke Pangkalan TLDM Kota Kinabalu di mana jaraknya adalah 3000 batu nautika. Misi pelayaran KD KEDAH telah tercapai dan seterusnya menjadi pemangkin bagi TLDM agar terus gemilang di masa akan datang. SEDIA BERKORBAN. **S**



Majlis menanam pokok KD KEDAH sempena memperingati Kunjungan Kapal Ke Vladivostok



THE TEAM NAVY







Kawasan samudera Malaysia merupakan sebahagian dari lanskap negara, sejajar dengan gantian 'tanahair' yang merujuk kepada negara kelahiran kita. Integriti kewilayahan sesebuah negara pesisir seperti Malaysia tidak akan ujud tanpa pertahanan laut yang perkasa. Tanpa tentera laut, akan terboloslah pertahanan tanahair dari pencabulan musuh.

Kepentingan pertahanan maritim ditekankan oleh Alfred Thayer Mahan, guru ilmu ketenteraan laut ternama, yang menyatakan bahawa sesiapa yang berkuasa di lautan juga berkuasa di daratan. Sejarah menunjukkan peranan penting tentera laut kepada pengembangan kuasa-kuasa besar seperti Portugis, Britain dan Belanda yang menjajah pelosok dunia dengan kekuatan tentera laut mereka pada zaman kegemilangan mereka. Tentunya lembaran sejarah akan jauh berbeza catatannya seandainya Kesultanan Melaka

mahupun kakitangan yang memberikan sokongan dari darat yang bekerja siang malam dan bergadai nyawa untuk memelihara keutuhan pertahanan laut biru negara. Pada ulangtahun ke 50 kemerdekaan negara kita, adalah wajar kita merenungkan pencapaian, halatuju dan cabaran yang dihadapi organisasi terbilang ini.

Malaysia dikelilingi oleh perairan strategik seperti Selat Melaka yang merupakan antara laluan dagangan maritim tersibuk dan terpenting di dunia serta Laut China Selatan yang menjadi tumpuan percaturan strategik kuasa-kuasa besar. Lokasi strategiknya ini menuntut tumpuan yang tidak berbelah bagi terhadap pertahanan maritim negara. Pertahanan *sea lines of communications* (SLOC) seperti Selat Melaka adalah sangat kritikal bagi memelihara kepentingan strategik serta integriti kewilayahan samudra negara. Kebergantungan Malaysia terhadap wilayah

Ada penganalisa yang gusar akan kemungkinan tercetusnya 'perlumbaan senjata' yang boleh menggugat keharmonian di lautan di rantau ini akibat arus pemodenan ini. Apatah lagi dengan kebangkitan China dan India sebagai satu kuasa tentera laut yang peningkatan ketenteraannya semakin menggamit perhatian serantau malah kuasa tentera lain seperti Amerika Syarikat. Trend pemodenan tentera laut ini merupakan satu proses evolusi lumrah pemodenan aset tentera laut yang telah lapuk, sejajar dengan peningkatan ekonomi negara-negara serantau dan tuntutan pendekatan doktrin ketenteraan laut abad ke 21 yang lebih dinamik.

Pelbagai perubahan telah, sedang dan akan mempengaruhi perkembangan ketenteraan laut bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Arus perubahan ini menuntut TLDM harus bijak mengemudi arah supaya tidak ditenggelami ombak

"SEMBOYAN TELAH BERBUNYI!"

TLDM DAN PERTAHANAN SAMUDERA MALAYSIA

Nazery Khalid

mempunyai kekuatan pertahanan samudera yang boleh mematahkan serangan armada Peringgi pada kurun ke 15 dulu.

Sebagai sebuah negara yang keluasan wilayah maritimnya melebihi wilayah daratannya, pertahanan samudra merupakan satu isu yang amat penting bagi Malaysia. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), sebagai institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan integriti wilayah maritim negara, telah memainkan peranan ini dengan jayanya. Pujian harus diberikan kepada para wirawan dan wirawati kita di lautan

samudernya serta sumber-sumber asli di dalamnya seperti ikan, minyak gas dan bahan mineral memerlukan Zon Eksklusif Ekonomi kita dikawal dengan rapi.

Semenjak berakhirnya era Perang Dingin, arus transformasi dan modernisasi tentera laut telah melanda rantau Asia Tenggara. Ini selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara-negara serantau terutamanya pada dekad 90an yang menjadikan Asia Tenggara salah satu kawasan ekonomi yang paling dinamik di dunia. Adalah menjadi lumrah negara yang kukuh ekonominya untuk menonjolkan kekuatan serta mempamirkan keyakinannya secara simbolik di samudera melalui peningkatan kapasiti tentera lautnya sebagai salah satu instrumen kekuasaan negara yang utama.

Tentera-tentera laut Asia diunjurkan bakal membelanjakan lebih RM350 bilion dalam dekad akan datang untuk mempertingkatkan inventori dan memodenkan pasukan mereka. Malaysia tidak terkecuali dari trend ini dan telah memperuntukkan belanjawan yang signifikan untuk menaiktarafkan aset tentera lautnya.

yang melanda. Organisasi yang tidak peka terhadap ruang lingkup operasinya tidak akan berupaya menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman baru yang timbul. Dalam bidang yang strategik dan kritikal seperti ketenteraan, kegagalan berbuat demikian akan membawa padah yang amat buruk kepada bukan sahaja organisasi terlibat tetapi juga kepada kepentingan negara.

Antara perubahan yang ketara ialah peningkatan fokus terhadap penggunaan teknologi maklumat dan teknologi tinggi di dalam bidang ketenteraan. Di dalam mana-mana organisasi sekalipun, tentunya ada pihak yang merasa terpinggir oleh penggunaan aset dan sistem yang semakin canggih. Malah kapal-kapal peronda generasi baru seperti dalam kelas NGPV memerlukan sejumlah kakitangan yang jauh lebih kecil dan lebih nyata kepakaran teknikalnya berbanding dengan kapal-kapal generasi terdahulu. Inilah realiti yang harus dihadapi TLDM di dalam lapangan operasinya.

Walaupun arus penggunaan teknologi yang semakin intensif tidak dapat dibendung, peralatan dan sistem canggih dan berharga tidak berguna tanpa sumber manusia yang menggerakkan operasi dan menguruskannya. Apatah lagi aset ketenteraan seperti kapal





selam dan sistem peluru berpandu yang menggunakan teknologi *state of the art* yang bakal menjadi tunggak pertahanan samudera negara. Pembelian aset sebegini harus diiringi dengan pembangunan sumber manusia yang cekap dan terlatih untuk mengendalikannya secara berkesan.

Interaksi manusia dan mesin yang lancar mejadi paksi kecemerlangan sebuah organisasi cenderung teknologi seperti TLDM. Kelancaran operasi dan kecekapan pengendalian aset sofistikated yang dimilikinya memerlukan pembangunan satu kumpulan kakitangan yang berkualiti melalui pendidikan dan latihan yang berterusan. Untuk menjadi sebuah organisasi yang sama dinamik dengan persekitaran di mana ia beroperasi, TLDM harus terus berusaha membudayakan falsafah *learning organization* bagi menjamin yang kakitangannya sentiasa peka dan siap siaga dengan perkembangan teknologi dan pendekatan ilmu ketenteraan terkini.

Dalam dunia teknologi maklumat dan

apa yang dipanggil sebagai *non-state actors* seperti kumpulan pengganas dalam matriks keselamatan maritim tambah merumitkan lagi senarionya. Kemungkinan berlakunya serangan pengganas ke atas kapal-kapal dagang di lautan tambah meruncingkan persepsi terhadap risiko keselamatan maritim. Orde baru keselamatan pasca 11 September mengehendaki agensi-agensi penguatkuasaan maritim seperti Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan TLDM sendiri untuk meningkatkan tahap persediaan untuk memantau persekitaran maritim negara dan menghadapi apa jua kemungkinan yang bakal timbul.

Perkembangan keselamatan maritim yang semakin rumit menuntut kerjasama teras-organisasi di kalangan agensi-agensi pertahanan. Sebagai contoh, inisiatif *Eyes in the Sky* yang melibatkan pemantauan udara kawasan Selat Melaka serta rondaan berkordinasi tiga negara, MALSINDO untuk memperkasakan tahap keselamatan

memenuhi tuntutan ini, aset yang sesuai seperti helikopter pelbagai fungsi serta kapal-kapal peronda bersaiz kecil diperlukan. Bagi mematahkan ancaman lanun dan pengganas yang mempunyai kapasiti operasi maritim, pasukan gerak khas seperti PASKAL pula diperlukan. Ini semua menuntut pucuk pimpinan serta pengurusan TLDM untuk menyediakan sumber yang secukupnya dan mengoptimalkan penggunaannya bagi menjayakan pelbagai peranannya sebagai sebuah pasukan tentera laut moden.

Bukti kepada evolusi dan pembangunan TLDM sebagai sebuah kuasa lautan yang disegani di rantau ini ialah penggunaan aset berteknologi tinggi seperti kapal selam Scorpene, kapal-kapal peronda pelbagai fungsi, kapal-kapal frigate baru serta sistem peluru berpandu yang canggih. Perkembangan ini melambangkan kematangan TLDM dan menggariskan keyakinannya yang semakin meningkat dalam mempertahankan kedaulatan perairan

Pembelian aset seperti kapal selam juga harus dilihat dalam konteks yang lebih luas dari memelihara kepentingan nasional semata-mata. Ia boleh menyumbang kepada peningkatan keselamatan serantau dan membolehkan ancaman maritim dihadapi dengan tegas dan berkesan. Aset seperti kapal selam juga berperanan sebagai penghalang kepada kuasa tentera serantau yang berkemungkinan mengambil sikap adventurous dan mencabar kepentingan kita. Nilai sebenar aset offensive platforms sebegini bukan sahaja terletak pada kebolehannya menewaskan tentera lawan tetapi juga pada deterrent value yang dimilikinya untuk mengelakkan musuh dari melancarkan serangan.

komunikasi canggih ini, tidak keterlaluan dikatakan yang bibit kejayaan di medan perang mula disemai melalui maklumat yang diperolehi di dewan-dewan kuliah di akademi latihan ketenteraan. Maklumat semakin menjadi faktor penentu di gelanggang percaturan ketenteraan dan menjadi pemisah di antara kemenangan dan kekalahan. Menekankan kepentingan maklumat dalam bidang ketenteraan, tumpuan semakin diberikan ke atas pengumpulan maklumat risikan dan strategi *cyber warfare* untuk mendapat kelebihan dalam pertempuran. Maka wajarlah sebuah pasukan yang bercita-cita tinggi serta berperanan besar seperti TLDM terus-menerus memupuk budaya kecemerlangan yang diamalkannya untuk membina pasukan wargakerja yang bermaklumat bagi memenuhi objektif organisasinya dalam persekitaran serba canggih kini.

Semenjak insiden 11 September yang melibatkan serangan ke atas kepentingan politik dan ekonomi Amerika Syarikat, persepsi duina terhadap keselamatan maritim telah berubah dengan mendadaknya. Penglibatan

perairan penting ini memerlukan penglibatan agensi-agensi pertahanan negara-negara pesisir secara *multilateral*. Operasi sebegini melibatkan komitmen tidak berbelah bagi tentera-tentera laut negara-negara yang terlibat bagi memastikan kejayaannya. Ini tentunya memerlukan satu pendekatan dan proses membuat keputusan yang dinamik serta kesanggupan berkongsi sumber dan maklumat dengan pihak-pihak yang tidak mustahil boleh mencetuskan konflik dengan kita satu masa nanti. Ancaman di lautan semakin bersifat bukan konvensional dan tidak mengenal sempadan, oleh itu pendekatan yang lebih responsif dan proaktif diperlukan bagi menanganinya.

Peranan tentera laut telah mengalami proses evolusi sejajar dengan perubahan drastik dunia yang bergerak pantas. Pertahanan laut biru bukan lagi satu-satunya pelantar yang menyokong kewujudan tentera laut. Kini mereka telah melebarkan skop aktiviti untuk merangkumi misi seperti mencari dan menyelamatkan (*search and rescue*), bantuan kemanusiaan malah mengiringi kapal-kapal dagang di waktu konflik. Untuk

negara.

Walaupun kritikan luar mengenai penggunaan aset yang di antaranya boleh ditakrifkan sebagai *offensive platforms* yang boleh menimbulkan keresahan di kalangan tentera-tentera laut jiran, ia adalah penting untuk mempertahankan integriti kewilayahan, aset luar pesisir dan sumber-sumber maritim negara. Pendekatan yang diambil oleh TLDM untuk memperkasakan pasukannya ini melambangkan komitmennya terhadap menjaga sempadan samudra negara dan menegaskan hak kewilayahannya yang adakalanya tidak dihormati oleh kuasa luar.

Masih segar dalam ingatan kita ugutan sebuah kuasa asing untuk memantau Selat Melaka dengan kapal perangnya sendiri sekiranya negara-negara pesisir termasuk Malaysia dianggapnya sebagai tidak berupaya untuk menjamin keselamatan perkapalan dagangan di perairan tersebut. Walaupun kita akur dengan kuasa hebat yang dimiliki kuasa besar ini, kita sekurang-kurangnya tegas menyuarakan pendirian kita. Isu kehadiran syarikat keselamatan persendirian yang mengiringi kapal-kapal dagangan di

Selat Melaka baru-baru ini juga memberikan tanggapan negatif terhadap kemampuan kita mengawal perairan kita. Namun, bangkangan sahaja tidak memadai tanpa disokong dengan kekuatan dan kapasiti.

Situasi sebegini menekankan betapa pentingnya untuk kita tidak berkompromi dalam menegakkan pendirian dalam isu pertahanan dan mengambil apa sahaja langkah yang dirasakan perlu untuk menjaga kepentingan kita tanpa mepedulikan kritikan luaran. Apatah lagi tohmahan yang datang dari mereka yang mempunyai agenda tersendiri untuk menjadi kuasa dominan di rantau ini dan pihak yang berkemungkinan menjadi seteru kita di gelanggang perang di lautan. Makin galaklah si pembuli untuk mengotakan ugutannya dan pihak-pihak berkepentingan mencabar kewibawaan kita di lautan sekiranya kita dilihat tidak mampu langsung untuk menjaga keselamatan perairan sendiri. Seharusnya kita tidak memberi peluang walau sekecil mana sekalipun untuk sesiapaun meragui kebolehan kita menjaga pertahanan negara, apatah lagi kepada pihak luar yang mempunyai kepentingan strategik dan sentiasa

sekalipun. Dunia kini jauh berbeza dengan zaman Churchill. Kemunculan pelbagai jenis ancaman baru di lautan yang bersifat bukan konvensional dan teras sempadan, penglibatan elemen bukan tentera seperti kumpulan pengganas, kemelut geo-strategik melibatkan pelbagai kuasa di samudera, tuntutan bertindan di perairan, sikap agresif sesetengah tentera laut di rantau ini dan pelbagai isu serta perkembangan maritim lain menuntut pendekatan yang komprehensif oleh agensi pertahanan seperti TLDM untuk menghadapinya.

Kepelbagaian dimensi ancaman di lautan masa kini mencabar TLDM untuk membuat anjakan sewajarnya kepada falsafah organisasi dan operasinya untuk menyesuaikan tatacara, prosedur, teknologi, aset dan wargakerjanya dengan tuntutan persekitarannya. Matriks baru lapangan ketenteraan laut dan keselamatan maritim pasca 11 September menuntut bukan sahaja keberanian dan ketangkasan TLDM di medan perang. Kualiti ini harus disertai dengan kebolehan berinteraksi dengan agensi-agensi lain, kematangan berdiplomasi,

kesanggupan bekerjasama dengan tentera laut

Dalam pemikiran kontemporari ketenteraan laut, pengolahan strategi di waktu aman menduduki tempat yang tidak kurang pentingnya dengan taktik di medan juang. Konsep kesedaran ruang lingkup maritim yang menyeluruh atau *Total Maritime Domain Awareness* yang semakin diterimapakai di dalam falsafah ketenteraan laut menuntut TLDM untuk mengoptimalkan sumber yang ada, mengolah strategi yang efektif dan mempertajamkan tahap kesediaannya untuk menghadapi apa jua kemungkinan dan ancaman di lautan. Tiada sebab TLDM tidak boleh menyahut cabaran ini dan memenuhi visinya untuk menjadi tentera laut yang terbaik berdasarkan asas kukuh organisasi dan kualiti sumber yang sedia ada.

Berhadapan dengan senario ini, kita yakin yang TLDM akan terus mengharungi ombak perubahan yang melanda untuk terus menjadi organisasi cemerlang, berwibawa dan "sedia berkorban" demi pertahanan ibu pertiwi. Atas ketangkasan dan pengorbanan para pahlawan kita di samudera raya, rakyat akan terus dapat menikmati keamanan dan kemakmuran serta mengecapi alunan ombak yang membuai pantai di sepanjang bumi merdeka yang kita cintai ini. **S**

(Nazery Khalid ialah Fellow Penyelidik di Institut Maritim Malaysia (MIMA) (www.mima.gov.my). Tulisannya merupakan pandangan peribadi beliau semata-mata dan tidak mewakili pandangan rasmi MIMA. Beliau boleh dihubungi di nazery@mima.gov.my).



mengambil peluang untuk menangguhkan di air keruh.

Bekas Perdana Menteri Britain sewaktu Perang Dunia Kedua, Winston Churchill berkata bahawa mereka yang mahukan keamanan harus bersedia untuk berjuang di medan perang. Walaupun ada benarnya ungkapan ini, konteks ketenteraan telah banyak berubah dan menuntut pendekatan baru dan perspektif berbeza terhadap ancaman perang dan keselamatan di mana-mana pentas perjuangan



antarabangsa dan penilaian berterusan terhadap keberkesanan operasi dan ketepatan halatuju berdasarkan misi institusi unggul ini.



KD SRI REJANG

“Tinggal Menjadi

Kenangan Siam”

Oleh : BM KNA Rosdi bin Muhammad
Foto : Sidang Redaksi

Ramai di kalangan anggota TLDM masa kini, terutama generasi baru tidak pernah mengetahui tentang sejarah kemunculan KD SRI REJANG yang berpangkalan di Sibu, Sarawak pada zaman konfrontasi bermula dan ramai juga di kalangan kita sudah melupakan pengorbanan anggota TLDM yang pernah bersama-sama berkhidmat dengan anggota *Rejang Area Security Command* (RASCOC) di sepanjang tahun 1960an bagi tujuan menyekat dan memberi tentangan serta menghapuskan kegiatan pengganas komunis dan membantu Tentera Darat membuat rondaan pengawasan keselamatan di sepanjang sungai tersebut.

KD SRI REJANG yang terletak di pinggir Sungai Batang Igan berhampiran dengan kawasan terminal feri sekarang ini, kini masih boleh di lihat bagaikan pusara lama yang tidak mempunyai nilai apa-apa bagi mereka yang tidak pernah hidup di zaman kegemilangannya.

Banyak kenangan yang sukar untuk dilupakan oleh anggota TLDM yang pernah berkhidmat di sini. Pangkalan ini pada awalnya dikendalikan bersama dengan RASCOC yang terdiri daripada seorang pegawai bersama 50 anggota lain-lain pangkat dengan kemudahan sebuah bangunan zink. Tugas utama yang dijalankan pada ketika itu adalah menjaga keselamatan perairan sungai yang bersempadanan dengan negara jiran daripada dicero bohi anasir komunis dan konfrantasi. Selepas berlalunya konfrantasi dan bagi mengatasi ancaman baru dari Parti Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) yang melancarkan keganasan, kerajaan sekali lagi menubuhkan RASCOC untuk membentasi dan menghapuskan kegiatan tersebut. TLDM telah ditugaskan untuk mengawal dan meronda di sepanjang sungai di bawah naungan RASCOC di samping membantu menghantar anggota ke kawasan operasi dan bantuan logistik (*Close Combat Support*).

Dalam masa perkhidmatannya bersama RASCOC, TLDM di Pangkalan KD SRI REJANG mengalami berbagai peristiwa pahit manis seperti kejadian tembak menembak dan sabotaj ke atas kapal-kapal dan aset-aset yang sedang menjalankan operasi. Operasi

ini diteruskan sehingga Pangkalan KD SRI REJANG ditubuhkan semula pada tahun 1974 dan ditauliahkan pada 28 Mac 1978. Setelah ditauliahkan selama dua tahun pangkalan ini telah dibuka dengan rasminya oleh Menteri Pertahanan, Datuk Amar Hj Abdul Taib bin Mahmud pada 18 Jun 1980.

Bot-bot dari jenis *Riverine Craft Personnel* (RCP), *Landing Craft Personnel* (LCP) dan *Landing Craft Mechanised* (LCM) digunakan di kawasan sungai yang genting dan cetek untuk mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan. Setelah ancaman komunis diisytiharkan secara rasminya tamat pada awal tahun 1990, RASCOC telah dibubarkan. Berikutan dengan itu KD SRI REJANG juga telah dibubarkan secara rasminya pada 31 Okt 91 dengan upacara penurunan panji-panji menjelang senja sebagai tanda tamatnya perkhidmatan KD SRI REJANG.

Hadir di majlis yang penuh bersejarah ini ialah Panglima Wilayah 2 Mej Jen Dato' Abdul Manaf bin Ibrahim, Panglima Tentera Laut Laksamana Madya Dato' Seri Mohd Shariff Ishak, Panglima Wilayah Laut 2 Laksamana Pertama Hj Ahmad bin Hj Haron dan Panglima RASCOC Jen S. Mahendran.

Segala kemudahan yang ditinggalkan semasa RASCOC bertapak di sini, kini diambil-alih oleh Rejimen 510 Askar Wartaniah (AW) Kem Sri Rejang, Sibu sehingga sekarang ini. S



PENEMBAKAN MISIL EXOCET MM38 CAPAI SASARAN

Oleh: Aboy PR FOC RMN Emai: shamelly@myjaring.net



dari jarak efektif maksimum misil ke atas sasaran 40-meter *Surface Target Barge*.

Ujian tersebut bertujuan untuk menentukan sistem persenjataan EXOCET paras permukaan (*surface to surface EXOCET weapon system*) beroperasi dengan baik.

Misil ini dengan berat keseluruhan 735 kilogram serta panjang 5.21 meter dan diameter 35 sentimeter mampu memusnahkan kapal pelbagai saiz kerana mempunyai *warhead* yang berat (165 kilogram) dan mampu berfungsi dalam semua keadaan cuaca.

Ujian penembakan ini

dilaksanakan secara taktikal dalam bentuk Peperangan Paras Permukaan telah mencapai objektif berikut:

1. Menguji keupayaan sistem persenjataan dan sistem pelancar Misil MM38.
2. Meningkatkan dan mengekalkan tahap kesediaan operasi kapal.
3. Meningkatkan kecekapan operator pengendali sistem dan Pasukan Pemerintah.

Bagi melancarkan pelaksanaan ujian penembakan ini, beberapa aset dan unit TLDM lain turut terlibat sebagai platform induk helikopter, kapal tinjau, menunda sasaran, menentukan keselamatan kawasan ujian, penyediaan misil dan tugas-tugas lain.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali dan Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz Jaafar turut hadir menyaksikan kejayaan penembakan tersebut. **S**

KEJAYAAN penembakan misil jenis EXOCET MM38 di Selat Melaka 19 Julai lalu membuktikan keupayaan kapal perang TLDM mengendalikan sistem senjata di kapal dengan berkesan.

Penembakan yang dilakukan oleh KD GEMPITA dari kelas Kapal Penyerang Laju (Misil) (*Fast Attack Craft Missile FAC (M)*) ini dilakukan



Penyertaan

KLD TUNAS SAMUDERA

Dalam "The Tall Ships Races 2007"
Di Laut Baltik

Oleh : KLD TUNAS SAMUDERA
Foto : KLD TUNAS SAMUDERA

KLD TUNAS SAMUDERA telah menyertai pertandingan berprestij *The Tall Ships' Races* (TSR) 2007 di Laut Baltik bermula pada 7 Jul sehingga 7 Ogos 07. Pertandingan ini dianjurkan setiap tahun oleh *Sail Training International* (STI) dengan misi utama memperkenalkan dan menerap aktiviti mencabar lagi menarik kepada generasi muda masa kini. Percambahan nilai kerjasama dan semangat ingin bertanding turut dipupuk dalam jiwa setiap peserta. Pertandingan pada kali ini disertai oleh 115 buah kapal daripada 18 buah negara. Salah satu daripada syarat-syarat pertandingan ini adalah setiap kapal yang mengambil bahagian mesti dianggotai oleh 50 peratus krew yang berumur antara 15 ke 25 tahun. KLD TUNAS SAMUDERA dan Kapal CUAUHEMOC dari Mexico merupakan kapal layar dari negara terjauh yang menyertai pertandingan. Acara rasmi pertandingan TSR dimulakan pada 5 Jul 07 sehingga 7 Ogos 07. Terdapat dua siri pertandingan yang terlibat, iaitu perlumbaan dari Aarhus Denmark ke Kotka Finland, diikuti perlumbaan dari Stockholm ke Szczecin. KLD TUNAS SAMUDERA telah menyertai perlumbaan di dari Stockholm ke Szczecin. KLD TUNAS SAMUDERA tiba di Stockholm pada 21 Jul 07 dari Brest, Perancis. Upacara rasmi TSR di Pelabuhan Stockholm bermula pada 27 sehingga 30 Jul 07. Ketibaan kapal awal dari acara rasmi digunakan untuk membuat persiapan dan juga senggaraan

kapal. Dalam masa ini juga KLD TUNAS SAMUDERA melaksanakan beberapa acara rasmi seperti Kunjungan Hormat ke atas Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Sweden dan lawatan ke *Royal Palace of Sweden*. Keistimewaan ketika berada di Pelabuhan Stockholm ialah semua krew kapal-kapal yang menyertai pertandingan ini dilayan dengan istimewa sekali. Kemudahan awam di sepanjang berada di sini adalah percuma kepada semua peserta TSR. Antara kemudahan tersebut adalah seperti pengangkutan bas, keretapi, feri (*sightseeing boat*), penggunaan internet, perkhidmatan dobi dan banyak lagi. Selain itu kemudahan pelabuhan seperti caj pelabuhan, malam, bot tunda, air, elektrik, tong sampah, sewage dan sludge juga dikecualikan. Setiap peserta TSR diberikan lencana yang perlu dipakai untuk membolehkan mereka menggunakan kemudahan percuma ini. TSR yang dianjurkan pada tahun ini merupakan perlumbaan kali yang ke-51 yang dianjurkan oleh STI. STI merupakan satu badan sukarela yang besar dan bergiat aktif dalam aktiviti penganjuran kapal layar pada setiap tahun. Badan ini mempunyai 21 wakil cawangan di serata dunia seperti di Australia, Belgium, Belanda, Sepanyol, Rusia, United Kingdom, Itali dan lain-lain. Setiap tahun lebih daripada dua penganjuran diaturkan



yang merangkumi kawasan seperti laut Mediterranean, Laut Baltik, Laut Utara dan Atlantik. Jumlah penyertaan juga meningkat pada setiap tahun dan ianya merupakan antara acara yang terbesar seperti American Cup oleh USA. STI amat mengalukan penglibatan Malaysia dalam organisasi ini sebagai wakil tunggal dari Asia. Penyertaan perlumbaan pada kali ini merupakan julung kalinya disertai oleh kapal TLDM dan Malaysia. KLD TUNAS SAMUDERA telah belayar sejauh lebih 8000 batu nautik untuk tiba dan menyertai pertandingan antarabangsa yang berprestij ini. Malaysia merupakan satu-satunya negara dari Asia yang menyertai pertandingan ini dan bertanding dengan 18 buah negara lain yang lebih berpengalaman dan berpengalaman di dalam perlumbaan ini. Namun begitu KLD TUNAS SAMUDERA mampu memberi saingan yang baik terhadap semua pencabar. KLD TUNAS SAMUDERA tidak menarik diri (*retire*) sepertimana yang berlaku pada beberapa buah kapal lain dan mendapat kedudukan ke 13 di dalam kumpulan A iaitu kumpulan kapal layar yang panjangnya melebihi 38 meter dan 67 tempat keseluruhan. Walaubagaimanapun, pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi sewaktu menyertai perlumbaan ini adalah amat berharga dan sukar diperolehi di mana-mana. Pada hari pertama perlumbaan, kesemua kapal telah dilepaskan dari Pelabuhan Stockholm ke *Starting Point* dimulai dengan kapal GLADAN dan FALKEN yang menerajui *Sail Parade*. Kapal-kapal besar telah dibahagikan kepada 14 kumpulan untuk menerajui sekumpulan kapal yang lebih kecil. KLD TUNAS SAMUDERA telah menerajui kumpulan yang terakhir. Semasa perlumbaan, KLD TUNAS SAMUDERA bermula dengan baik apabila kekal di hadapan bersama pesaing-pesaing yang lain.





KLDTUNAS SAMUDERA telah mencatatkan kelajuan 6 knots semasa memulakan perlumbaan. Setelah dua jam berlalu, KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi berada dalam kumpulan utama kapal-kapal kelas A dan kelajuan kapal telah mencecah 8 knots. Ketika ini KLD TUNAS SAMUDERA mengalami heeling sebanyak 20 darjah hingga menyebabkan air laut mencecah *waterway*. Menjelang petang, KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi bersaing dengan kapal-kapal yang lain dan telah memotong EUROPA dan LORD NELSON. KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi mengekalkan semua layar *fore and aft* dan layar empat segi. Hari ke dua perlumbaan, KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi bersaing dengan LORD NELSON yang berada dalam lingkungan 10 batu nautika dari kapal. Ketika ini keputusan awal memberitahu KLD TUNAS SAMUDERA berada di tangga yang ke 13 daripada 17 buah kapal di dalam kelas A dan 19 daripada jumlah keseluruhan daripada 115 penyertaan. KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi belayar menuju ke garisan penamat dan telah melepasi *check point* yang pertama di Pulau Oland. Menjelang petang, KLD TUNAS SAMUDERA berada 15 batu nautika dari Pulau Gotland. Menjelang tengahari, angin mula beralih arah dan bertuip semakin lemah. Keadaan ini memaksa kapal melakukan *tacking* untuk terus bergerak ke garisan penamat memandangkan angin sedang bertuip dari arah garisan penamat. KLD TUNAS SAMUDERA telah melakukan 2 kali *tacking* sehingga lewat malam dan kelajuan kapal telah berkurang kepada 3 knots sahaja. Hari ketiga perlumbaan menyaksikan kapal-kapal

dirancangkan menuju ke garisan penamat. Pada pukul 12 pagi, pihak juri telah mengumumkan perlumbaan telah ditamatkan dan meminta semua kapal memberitahu kedudukan terkini mereka. KLD TUNAS SAMUDERA telah mencatatkan kedudukan 13 dari 17 kapal kelas A dan 66 keseluruhan. Sewaktu kapal berada di Stockholm, penganjur yang dilakukan untuk TSR dilihat berjaya dan dapat menarik minat segenap lapisan masyarakat di sini. Jumlah pengunjung yang datang adalah melebihi 1.5 juta orang dalam tempoh 3 hari kapal-kapal TSR berlabuh di sini. Minat penduduk tempatan terhadap kapal layar adalah amat dalam sekali. Mereka akan ke setiap kapal untuk melawat dan bertanyakan berbagai-bagai soalan berkaitan kapal. Kekesewajahan terpencar jika hasrat untuk melawat dan naik ke kapal tidak diperolehi. KLD TUNAS SAMUDERA membuka kapal untuk lawatan para pelawat sewaktu di sini. Dalam tempoh tiga hari kapal dibuka untuk lawatan jumlah pelawat yang datang melawat adalah melebihi dari 6 ribu orang. Peluang sedemikian digunak oleh warga KLD TUNAS SAMUDERA bagi mempromosikan Malaysia kepada penduduk Sweden. Melalui pemerhatian yang dilakukan, diperhatikan setiap dari mereka amat menghormati Malaysia dan kagum dengan pencapaian KLD TUNAS SAMUDERA yang datang dari jauh untuk bertanding di dalam TSR. Jumlah pengunjung yang datang ke sini banyak disokong oleh promosi yang berkesan yang dilakukan oleh media dan juga perancangan rapi seawaktu tempatan. Di atas badan bukaan kerajaan dan badan kerajaan serta para peniaga di premis amat membantu dalam usaha ke arah ini. Dapat diperhatikan bahawa seluruh penduduk Stockholm peka terhadap apa yang sedang berlaku dan mereka amat memberi kerjasama yang baik di dalam penganjur ini. Untuk makluman, Pegawai Memerintah KLD TUNAS SAMUDERA telah ditemuramah sebanyak dua kali melalui media elektronik di sini dan siarannya telah disiarkan pada waktu perdana. Kesan daripada itu sewaktu beliau berjalan di bandar, ramai yang menegur dan ingin

berjabat salam dengan beliau. Selain itu, promosi kedatangan KLD TUNAS SAMUDERA di Stockholm yang merupakan peserta paling jauh telah disiarkan melalui media tempatan, pamflet dan buku cetak. Ini membuktikan pihak mereka amat fokus terhadap atur cara yang berlangsung dan bersama-sama berganding bahu antara agensi kerajaan dan swasta untuk memastikan TSR 2007 berjaya. Ramai di kalangan warga Sweden yang ingin melihat dengan lebih dekat lagi satu-satunya penyertaan kapal layar dari rantau Asia ini. Ini menunjukkan promosi dan minat rakyat tempatan terhadap kapal layar adalah baik sekali. Semasa di Szczecin Poland, sambutan yang diberikan oleh penduduk tempatan juga hebat. Bandar Szczecin yang biasanya lengang telah bertukar wajah dengan kedatangan kapal-kapal layar di pelabuhan ini. Sepanjang tiga hari kapal di pelabuhan ini bermacam acara dianjurkan untuk krew kapal serta pengunjung yang hadir. Antaranya adalah *funfair*, konsert oleh penyanyi terkenal seperti *Ace of Base* serta persembahan bunga api. Untuk krew kapal, antara pertandingan yang diadakan adalah bola sepak, *fight on the derrick* dan *tug of war*. Gerai-gerai jualan cenderahati dan makanan juga disediakan untuk kemudahan pengunjung. Acara yang berlangsung ini dilihat amat gemilang sekali dengan kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus dan begitu ramai seperti satu lautan manusia. Upacara penyampaian hadiah bagi pertandingan TSR 2007 diadakan di *Open Theatre Szczecin*, Poland lebih kurang 3 km perjalanan dari kedudukan kapal bertambat. Walaupun KLD TUNAS SAMUDERA tidak memenangi perlumbaan, kapal telah dianugerahkan hadiah khas oleh *Mayor of Szczecin* untuk kategori Penyertaan Paling Jauh iaitu *'Sailor Come From a Far'* bersama kapal dari Mexico. Selain dari itu, terdapat banyak hadiah lain yang diberikan khas dan diiktiraf sebagai amat istimewa kerana kecemerlangan, inovasi dan *outstanding performance* di sepanjang perlumbaan. Pihak penganjur juga diperhatikan bekerjasama rapat dengan kerajaan tempatan bagi menentukan acara yang berlangsung berjalan dengan berjaya dan lancar. Kerjasama ini dapat dirasai dalam perjalanan setiap atur cara yang berjalan dengan baik dan teratur. Maklumat banyak disampaikan melalui risalah, pamflet dan buku atur cara yang



mula menarik diri dan ketika ini, KLD TUNAS SAMUDERA masih lagi melakukan *tacking* menuju ke garisan penamat. Ketika ini, layar *drifter* telah terkoyak semasa kapal melakukan *tacking* dan krew kapal menukarkan layar tersebut kepada layar *jib*. Angin masih lagi bertuip lemah dan mengakibatkan kelajuan kapal sekitar 2 knots sahaja. Menjelang petang angin mula beralih arah dan membolehkan kapal mengembangkan layar empat segi. Kelajuan kapal dicatatkan bertambah kepada 6 knots. Kedudukan kapal pada hari ini adalah di tangga ke 11 daripada 17 buah kapal kelas A dan 30 daripada keseluruhan. Hari terakhir perlumbaan menyaksikan lebih banyak kapal mahu menarik diri dan pihak juri perlumbaan memberitahu mereka akan mengumumkan keputusan pihak juri menjelang jam 12 malam. KLD TUNAS SAMUDERA telah menerima angin *reaching* dan mampu belayar pada haluan yang telah



diedarkan dengan begitu banyak sekali. Pihak penganjur juga banyak mendapatkan bantuan daripada sukarelawan yang bertugas sejak acara bermula sehingga tamat. Terdapat banyak katagori sukarelawan di sini seperti tugas pentadbiran, *Liaison Officer* (LO), keselamatan dan bantuan perubatan. Kesemua mereka diperhatikan menjalankan tugas dengan baik dan profesional. Mereka merupakan sukarelawan yang menjalankan tugas kerana minat dan ada dikalangan mereka yang sanggup menggunakan kewangan sendiri untuk menyertai pasukan ini. Kapal-kapal yang menyertai TSR merupakan kapal milik persendirian, persatuan, swasta dan juga kerajaan seperti Tentera Laut. Kapal-kapal yang dimiliki oleh persatuan dan persendirian kebanyakannya dikendalikan oleh staf secara sukarela manakala krew pula adalah dari kalangan sukarelawan yang menawarkan diri untuk terlibat sama sebagai krew sementara. Apa yang menarik, ada dikalangan mereka yang menyertai kapal-kapal tersebut perlu membayar yuran kemasukan dengan sumber kewangan dari tabung persatuan. Ini kerana kapal-kapal ini beroperasi dari sumber tabung yang disumbangkan oleh orang ramai atau persatuan. Walaupun terpaksa untuk membayar bagi menyertai pelayaran, mereka ini amat komited sekali kerana minat dan cinta kepada aktiviti kapal layar. Perkara ini diperhatikan sewaktu pertandingan ini di mana pertukaran krew dilakukan oleh kapal-kapal apabila tiba di pelabuhan untuk memberi peluang kepada orang



bersaing di persada antarabangsa. Kejayaan KLD TUNAS SAMUDERA untuk tiba bagi menyertai pertandingan ini juga adalah satu bonus. Ini kerana, KLD TUNAS SAMUDERA tidak pernah belayar sejauh ini selain di ke Pulau Pinang, Langkawi, Medan dan Labuan. Di samping itu, kejayaan membawa KLD TUNAS SAMUDERA ke benua Eropah dan menyertai pertandingan TSR 2007 ini telah secara sendirinya memperkenalkan Malaysia dan meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju yang mengiktiraf aktiviti sukan kapal layar sebagai satu sukan yang berprestij. Jawatankuasa penganjur amat menyanjungi kehadiran Malaysia di dalam pertandingan ini dan telah melantik Pegawai Memerintah untuk memberi ucapan semasa *Captains' Dinner* yang telah dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Poland. Bahang semangat 'Malaysia Boleh' kini telah dapat dirasakan di negara Eropah apabila krew kapal layar negara lain dan penduduk tempatan di Szczecin juga turut serta melaungkannya 'Malaysia Boleh' bersama-sama dalam pelbagai acara yang disertai oleh krew KLD TUNAS SAMUDERA. Kata keramat 'Malaysia Boleh' sememangnya pencetus semangat dan pemangkin kepada krew KLD TUNAS SAMUDERA untuk bekerja dan juga menghadapi segala cabaran dan dugaan yang mendatang. Semangat ini diharap menjadi pemangkin kepada setiap warga dan anak-anak Malaysia amnya untuk bergerak dengan lebih bersemangat, maju dan jika boleh melahirkan rakyat yang berjaya peneroka. Negara Malaysia kini lebih dikenali oleh penggemar kapal layar dari Eropah khususnya dan penduduk Eropah amnya melalui *active participation* oleh setiap krew kapal KLD TUNAS SAMUDERA mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2007 dan melalui penerangan mengapa penduduk Eropah harus menjadikan Malaysia destinasi baru pelancongan mereka dan berpeluang mengenali Malaysia yang unik dan *Truly Asia*. Kesempatan yang diambil oleh kapal dengan mengadakan "Ships Open to Visitor" sepanjang kejohanan berlangsung sewaktu kapal berlabuh membolehkan maklumat mengenai Malaysia disalurkan dan dipromosikan,

Promosi seperti ini dilihat amat berkesan dan lanya meninggalkan kesan yang mendalam kepada setiap pengunjung yang datang. Tambahan pula warga kapal sebagai duta kecil negara melayan setiap pengunjung dengan penuh sopan, tertib dan mesra. Semua ini akan menjadikan Malaysia lebih dikenali dengan lebih dekat dan amat berbaloi pulangan yang diperolehi hasil dari pelaburan yang dibuat melalui penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA dalam pertandingan ini. Satu pertandingan perlumbaan kapal layar yang serupa dengan TSR dicadangkan diadakan di Malaysia. Melalui pemerhatian yang diperolehi, acara seperti ini merupakan sesuatu yang menguntungkan dari segi menjana ekonomi negara dalam jangka masa panjang. Selain dari sumbangan kepada sumber ekonomi negara yang dijana melalui kedatangan para pelancong dan juga tukaran wang asing, nama Malaysia akan lebih dikenali sebagai satu destinasi percutian perkapalan antarabangsa. Rakyat Eropah amat tertarik dan berminat dengan aktiviti seperti ini dan mereka juga sering meninjau negara-negara seperti di Asia untuk menganjurkannya. Peluang yang sedemikian perlulah direbut dan digunakan sebaik mungkin, sukan air negara juga dapat dimajukan selepas ini kerana lanya amat berkait rapat dengan pembangunan sukan air yang lain seperti kejohanan *power boat*, regata bot layar dan sebagainya. Kejohanan Perlumbaan Kapal Layar boleh dijadikan acara kemuncak atau *main event* bagi jadual kejohanan yang dianjurkan. Konsep penganjurannya boleh dibuat bersama-sama acara besar yang lain untuk tujuan menjimatkan kos dan mengumpulkan lebih ramai pengunjung. Penyertaan KLD TUNAS SAMUDERA dalam TSR 2007 buat julung kalinya ini bukan sahaja dapat memberi pengalaman dan menimba ilmu dalam perlumbaan kapal layar peringkat dunia malah lanya juga dapat membuka mata masyarakat Eropah tentang kebolehan rakyat Malaysia dalam arena kapal layar. Segala pengalaman yang diperolehi sewaktu mengikuti acara ini amat berguna sebagai panduan bagi menganjurkan acara yang serupa di rantau ini nanti. Beberapa aspek penting untuk penganjuran acara besar seperti ini perlulah diberikan perhatian lanjut seperti promosi, *sponsorship* dan pengembelangan tenaga kesemua pihak amat perlu dititik beratkan. Oleh yang demikian penubuhan jawatan kuasa awal bagi menilai dan menentukan hala tuju untuk penganjuran ini perlulah dibuat secepat mungkin. Kita masih mempunyai masa jika penganjuran acara ini dirancang sewaktu penganjuran LIMA 2009 diadakan nanti. Pengalaman dalam pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA mengelilingi dunia dan menyertai TRS 2007 adalah untuk dikongsi bersama dengan seluruh rakyat Malaysia. Dengan adanya kesinambungan aktiviti pelayaran atau perlumbaan kapal layar selepas ini sudah pasti Malaysia akan memasuki era baru dalam sukan air dan layak untuk berdiri sama taraf dengan negara-negara barat yang telah terlebih dahulu terkenal dalam sukan ini. Tambahan pula merupakan satu kerugian jika ilmu dan pengalaman yang diperolehi ini ditinggalkan hanya untuk menjadi kenangan. **S**



KLD Tunas Samudera merapat ke jeti

lain menyertai pelayaran dan menimba pengalaman peribadi. Menyertai TSR 2007 di Laut Baltik ini merupakan satu pencapaian KLD TUNAS SAMUDERA yang besar. Misi utama KLD TUNAS SAMUDERA adalah untuk mengelilingi dunia, antara objektif yang digariskan untuk misi ini adalah untuk menyertai TSR 2007. Kehadiran KLD TUNAS SAMUDERA untuk bertanding di dalam perlumbaan yang berprestij ini merupakan satu pencapaian yang besar. Di sini KLD TUNAS SAMUDERA bersaing dengan kumpulan kapal-kapal layar yang lebih berpengalaman dan besar. Walaupun begitu, saingan yang diberikan terhadap para pesaing ini telah membuktikan kepada mereka bahawa Malaysia juga mampu

PERBARISAN





TLDM TERIMA LOCENG ASAL HMS MALAYA

Oleh : Lt Masliza Maaris TLDM Foto : PR MK-TL

TLDM telah menempa satu sejarah yang tersendiri pada 28 Ogos lalu apabila menerima loceng asal kapal HMS MALAYA yang disampaikan oleh pengetua Sekolah Menengah Victoria Kuala Lumpur, Puan Azizah binti Othman. TLDM telah diwakili oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar untuk majlis penerimaan tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibrni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj merupakan tunjang di sebalik penemuan loceng tersebut. Baginda telah menjumpai *ensign* (bendera) asal HMS MALAYA sewaktu Baginda singgah di United Kingdom dalam misi pelayaran solo mengelilingi dunia. Baginda telah membeli *ensign* tersebut dan menyerahkan kepada TLDM. Kini, *ensign* HMS MALAYA berada di KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, salah sebuah pangkalan TLDM di Pelabuhan Klang. Baginda jugalah yang telah membuat penyelidikan dan mengenalpasti lokasi loceng HMS MALAYA yang berada Sekolah Menengah Victoria Kuala Lumpur.

Atas titah DYMM Sultan Selangor, loceng HMS MALAYA, yang selama ini berada di dalam pegangan Sekolah Menengah Victoria, diserahkan kepada TLDM untuk disimpan bersama *ensign* HMS MALAYA di KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH.

Dari sudut sejarah, HMS MALAYA merupakan salah sebuah kapal perang Royal Navy dari kelas Queen Elizabeth yang telah dibina oleh Sir W.G. Armstrong Whitworth & Company di *High Walker* pada tahun 1915. HMS MALAYA telah dilancarkan pada 18 Mac 1915 dan ditauliahkan pada 1 Febuari 1916. Pembiayaan pembinaan kapal tersebut telah mendapat sumbangan dari Negeri-negeri Bersekutu pada ketika itu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Atas sumbangan yang bernilai \$25,000,000 (£2,945,709), maka pihak British telah menamakan kapal tersebut dengan nama HMS MALAYA.

HMS MALAYA mempunyai sejarah perkhidmatan yang menarik kerana terlibat dalam beberapa pertempuran semasa Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Antaranya termasuk pertempuran

Battle of Jutland pada tahun 1916 di antara United Kingdom dan Jerman. Pada tahun 1921 HMS MALAYA telah berlayar ke Tanah Melayu dan melawat Port Swettenham, Singapura, Melaka, Port Dickson dan Pulau Pinang.

Semasa Perang Dunia Kedua, HMS MALAYA telah ditugaskan di Laut Mediteranean dan Lautan Atlantik bagi menghadapi ancaman Tentera Laut Jerman dan Itali serta terlibat di dalam *Normandy Landing*. HMS MALAYA telah mengalami kerosakan yang teruk akibat dari serangan torpedo oleh U -106 pada 20 Mac 1941. Walaupun begitu, HMS MALAYA telah mempamerkan keberanian dan kecermerlangan dalam perkhidmatannya. HMS MALAYA telah dilucutkan tauliah daripada perkhidmatan Royal Navy pada tahun 1944.



Loceng HMS MALAYA

Memandangkan wujudnya hubungan yang rapat antara rakyat di Tanah Melayu dan nama kapal tersebut, loceng asal HMS MALAYA kemudiannya telah diserahkan kepada negeri Perak dan loceng tersebut telah digantung di Dewan Persidangan (*Council Chamber*). *The First Lord of The Admiralty* telah memutuskan untuk menawarkan loceng tersebut sebagai cenderahati kepada *Victoria Institution*. Penyampaian loceng tersebut telah diadakan bagi pihak *Lords*



Penyerahan loceng H.M.S. Malaya dari Pengetua Sekolah Menengah Victoria Puan Azizah binti Othman kepada Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar

Commissioners of the Admiralty oleh the *Flag Officer, Malayan Area, Rear Admiral H.J. Egerton* semasa Hari *Malayan Victory* iaitu pada 12 Sep 47, yang juga merupakan hari ulang tahun kedua upacara menandatangani penyerahan Jepun yang diadakan di dewan *Victoria Institution*.

Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar, di dalam ucapannya berkata, " Pihak TLDM sedar bahawa pihak sekolah agak berat hati untuk melepaskan loceng HMS MALAYA yang mempunyai kenangan dan sejarah yang tersendiri kepada sekolah ini. Keputusan dan persetujuan pihak sekolah untuk menyerahkan loceng tersebut kepada TLDM adalah satu keputusan yang kami sanjung dan hormati."

"Pada hari ini, sejarah loceng HMS MALAYA berubah lagi. Saya mewakili Panglima Tentera Laut ingin merakamkan



Sekolah Menengah Victoria

penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Azizah binti Othman dan juga pihak Sekolah Menengah Victoria atas jagaan yang baik ke atas loceng HMS MALAYA selama ini, yang merupakan khazanah dan sejarah yang tinggi nilainya, bukan sahaja kepada TLDM malahan kepada Negara." ujar beliau lagi. S

COOPERATION BETWEEN STATES IN THE STRAITS OF MALACCA :

A Strategic And Innovative Partnership

By: **Cdr Chan Peng Cheong RMN**
MBA(UM) BBA(Hons)(UKM) PG Dip SDS(UM)
CO KD KEDAH & Squadron Leader

INTRODUCTION

The Straits of Malacca is a vital and strategic waterway in the global trading system. It is estimated that one-third of the world's trade and half of the world's oil supply carried by some 80,000 vessels pass through the Straits every year. Any disruption to vessel traffic through the Straits will have massive repercussions on the world economy. In order to ensure that the Straits remain safe, secure and open to international shipping and trade at all times, it is therefore imperative and timely to have close cooperation between the littoral and user states in a strategic and innovative partnership approach. In doing so, consideration must be given both to the sovereign right of the littoral states and the needs of the beneficiaries, who in turn, should bear appropriate shares of burden. There have been several excellent examples of international cooperation which provide a good foundation for future cooperative efforts.

COOPERATIVE APPROACHES

The three littoral states of Malaysia, Singapore and Indonesia have enjoyed a long and successful history of cooperation to improve navigational safety and environmental protection in the form of the Tripartite Technical Experts Group (TTEG). One of the most significant achievements of this partnership has been the fruitful and effective collaboration with the International Maritime Organisation (IMO) on initiatives for the Straits. A positive example of multilateral cooperation is the Malacca Straits Coordinated Patrols which were initiated by the littoral states of Malaysia, Indonesia and Singapore in July 2004. In September 2005, the "Eyes in the Sky" (EIS) initiative was launched. It is a component of the Straits Security Initiative aimed at attaining maritime domain awareness over the Straits of Malacca. It was initially be undertaken by the three littoral states – Malaysia, Indonesia and Singapore – together with Thailand.

On a broader level, there have also been successful multilateral undertakings. The ASEAN Regional Forum (ARF) has organised several maritime security seminars, and remains the only security forum in the Asia Pacific where regional cooperation on maritime security can be

forged among its 24 member countries, many of whom are key user states and stakeholders in the Straits. There is also the Five Power Defence Arrangements (FPDA) agreement to expand the scope of the FPDA's activities to include non-conventional security threats, such as maritime terrorism.

Some of the other countries have also expressed interest in helping out. One very useful initiative was the Regional Cooperation Agreement on Combating Piracy and Armed Robbery against Ships in Asia (ReCAAP). This involves the ASEAN countries, as well as countries such as Japan, China, India, Bangladesh, Korea, among others. That is a very positive step forward to have an information centre which can collate, collect the information and present it in a reliable way.

COOPERATIVE PRINCIPLE

A broad consensus was formed around 3 principles of maritime cooperation in this region. The first principle states that the primary responsibility for the security of Straits of Malacca lies with the littoral states: Malaysia, Indonesia and Singapore. The second principle is that user states and the other international community, including international agencies like the IMO can play useful roles and can make useful contributions in the security of the Straits. The third principle indicates that when users of the Straits work together with the littoral states to ensure the safety of the waterway, they must consider the territorial integrity and sovereignty of Malaysia, Indonesia and Singapore and must be carried out in accordance with international law.

COOPERATIVE MECHANISM

A Cooperative Mechanism was proposed on enhancing the safety, security and environmental protection of the Straits of Malacca organised by the IMO and the three littoral states of Malaysia, Singapore and Indonesia which was held in Kuala Lumpur from 18 – 20 September 2006. This Cooperative Mechanism is built on the strong foundation of cooperation among the littoral states, respect for national sovereignty, and adherence to the principles enshrined in international law. It will facilitate cooperation



Crucial waterway Half the world's oil passes through the narrow strait of Malacca bypassing a longer journey around Indonesia.

and promote burden-sharing among the littoral states, user states and other key stakeholders. The framework has three components:

- A Forum for Dialogue.
- A Panel to Coordinate Projects.
- A Special Fund for Voluntary Contributions.

The success of the Cooperative Mechanism and the proposed projects will pave the way for the future of international cooperation and promote shared responsibility for the Straits of Malacca.

BURDEN SHARING

The cost of maintaining the Straits has become a burden to the littoral states. The issue of burden sharing between the littoral states and the international users of the Straits for the enhancement of security in the waterway need to be tackled accordingly. All ships enjoy the right to use the Straits of Malacca, as provided for in Article 38 in Part III of the UNCLOS 1982 pertaining to transit passage through straits used for international navigation. Although this provision guarantees the right of international users to traverse the Straits, the burden of maintaining and securing the waterway has always been shouldered by the littoral states. The littoral states are dismayed that international users have thus far not matched their extensive usage of the Straits with proportionate contribution to the costs of maintaining and securing it.

MALACCA STRAITS

CHALLENGES

The increase in traffic density through narrow channels and the challenges of managing the Strait is a daunting one given the myriad of issues affecting the State and its significant to the littoral and user States. Besides issues such as navigational safety, environmental protection and security, there is also the challenge of bridging the differing viewpoints and perceptions between littoral and user States particularly in matters such as maritime security.

It is important for the littoral States to continue "flying-the-flag" where joint or national patrols are concerned. This would have the benefit of deterring mischief makers, presenting a physical presence to vessels in the Straits, thus creating a sense of security to the users and building the confidence of other countries as to the capability of the littoral states in ensuring security in the Straits.

FUTURE OUTLOOK

The cooperation and the expertise of the IMO have been invaluable in ensuring safe and unimpeded passage through critical waterways such as the Straits. More recently, the IMO

Council has shown concerns in keeping shipping lanes of strategic importance safe and open to international maritime traffic and has begun to undertake some work in this area. This is another useful approach which would be beneficial towards the promotion of unimpeded passage and provides an avenue through which interested stakeholders can contribute.

An important component of the littoral States' response to the issues faced in managing the Straits of Malacca should be putting out a strong political message of their commitment to address the multitude of problems in the Strait specifically where maritime security is concerned. Perhaps the time is now ripe for a repackaging the issues in the Straits of Malacca into a single 'package' to be discussed comprehensively instead of disparately.

CONCLUSION

The cooperation between littoral and user states in the Straits of Malacca needs a holistic approach with a strategic and innovative partnership. The key to success to any venture is not a matter of planning but rather the ability to adapt to the changing situations. The way forward is to bring about and realize a new

concept on cooperative management for the safety, security and environmental protection of this important maritime lifeline.

The Malacca Straits Patrol arrangement demonstrates the political resolve of the respective countries in meeting the security challenges in a holistic, cooperative and committed manner consistent with the principles of international law, with due regard to the sovereignty of respective littoral states.

Interests within the Straits are significant and multifaceted. The new challenges of the day require creative and innovative responses. Progress can be made in developing the various modalities for cooperation and look for creative ways in which the various interests can be amalgamated towards the achievement of a common goal for the Straits. The process would no doubt be a long one but not impossible. It is therefore important to build on the success of the existing cooperation programmes and frameworks towards a strategic and innovative partnership approach to cooperate and work together in order to put in place a strong infrastructure which will ensure safe, secure and environmentally friendly navigation through the Straits of Malacca. **S**



EKSESAIS THALAY LAUT

16/2007 Uji Kemampuan TLDM

Oleh: Lt Kdr Noorlida Rahaman TLDM
Foto: BK STN (L) M. Nor/ LK 11 KNG Ayub

Eksesais THALAY LAUT 16/2007, eksesais Bilateral di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Royal Thai Navy (RTN) telah dilaksanakan dengan jayanya bermula dari 30 Julai hingga 8 Ogos 2007. Eksesais bersama ini dilaksanakan setiap dua tahun sekali di mana kedua-dua Tentera Laut sebagai tuan rumah secara bergilir-gilir. Kali ini, eksesais dijalankan di Pangkalan TLDM Lumut dan kawasan eksesais meliputi Perairan Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan.



Pertukaran cenderamata antara Laksamana Pertama Nasaruddin dengan Rear Admiral Durrongsak



Eksesais kali ini dibuka secara rasminya pada 30 Jul 07 oleh Ketua Staf Markas Armada TLDM, Laksamana Pertama Nasaruddin bin Othman. Majlis yang berlangsung di PUSTAKMAR, turut dihadiri oleh Komander Skuadron Ronda RTN, Rear Admiral Durrongsak Haochareon serta pegawai dan staf dari kedua-dua Tentera Laut yang terlibat. Taklimat awal mengenai eksesais secara keseluruhan telah diberikan oleh Kapten Abdul Ghani bin Othman TLDM sebelum upacara perasmian dijalankan.

Secara dasarnya, eksesais ini mensasarkan objektif yang jelas antaranya, untuk meningkatkan kerjasama dan kesefahaman di antara kedua-dua buah negara. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melaksanakan perancangan operasi bersama dalam usaha menjaga kedaulatan perairan kedua-dua negara yang terlibat.

Eksesais ini melibatkan 2 kapal TLDM iaitu KD LEKIR dan KD LAKSAMANA HANG NADIM dan 3 kapal RTN iaitu HTMS NARATHIWAT, HTMS RATCHARIT dan HTMS WITTHAYAKHOM serta lain-lain unit sokongan dari TLDM dan RTN. Kekuatan keseluruhan pegawai dan anggota yang terlibat dalam menjayakan eksesais ini dianggarkan seramai 950 orang.

Eksesais yang berlangsung selama 10 hari ini dilaksanakan dalam lima fasa iaitu:

- 1) Fasa 1 - Fasa Pelabuhan - meliputi upacara pembukaan, perbincangan dan taklimat Pegawai Operasi, majlis resepsi, latihan simulator di WASPADA, TANGKAS dan PUSTAKMAR serta pertandingan sukan dan aktiviti sosial.
- 2) Fasa 2 - Force Integration Training (FIT) yang meliputi latihan laut.
- 3) Fasa 3 - Re-Supply, Hot Wash-up dan Passage Exercise (PASSEX).
- 4) Fasa 4 - Tactical.
- 5) Fasa 5 - Post Exercise Debrief dan Upacara Penutup.

Secara keseluruhan, Eksesais THALAY LAUT 16/2007, memberi ruang kepada semua unit yang terlibat untuk mempraktik dan mengasah ilmu dan kemahiran peperangan secara taktikal. Eksesais ini juga boleh dijadikan sebagai penanda aras wujudnya kesefahaman, perkongsian dan kerjasama serantau di antara kedua-dua negara khususnya dalam aspek pertahanan. **S**

TLDM RAI 10 KAPAL

TENTERA LAUT ASING

SEMPENA KEMERDEKAAN

Oleh : Lt Muda Siti Salina Johari PSSTLDM

Foto : BK KNA Amir Hamzah bin Ismail
BK STN M.Noor bin Suradi



FNS NIVOSE



FNS VAR



USS COWPENS



USS KITTY HAWK



PTL bergambar bersama Pegawai Tertinggi dan Pegawai Memerintah Kapal Tentera Laut asing sebagai simbol kerjasama erat semua negara terlibat

sahabat di samping menunjukkan satu usaha dalam meningkatkan diplomasi nasional. TLDM telah menganjurkan majlis 'rumah terbuka' sempena sambutan Kemerdekaan Negara ke 50 di mana seramai 300 orang tetamu yang terdiri dari kalangan pegawai dan anggota tentera laut asing serta warga TLDM hadir dalam majlis tersebut.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Abdul Aziz bin Haji Jaafar, *Joint Commander of French Forces in Indian Ocean*, Laksamana Madya Jacques Launay, *Commander Training Squadron of Japan Maritime Self Defense Force*, Laksamana Muda Yasushi Matsushita, *Commander Task Force 70/75 and Commander Of United State Carrier Strike Group Five*, Laksamana Muda Richard B. Wren serta kesemua Pegawai Memerintah kapal-kapal asing tersebut.

Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali di dalam ucapannya berkata, "Tidak pernah berlaku di dalam sejarah negara, sebegitu banyak kapal perang tentera laut asing berlabuh dalam dalam jangka masa yang sama bagi menghormati sambutan Hari Kemerdekaan dan ini merupakan satu penghormatan kepada Negara" **S**



HMNZS TE KAHU



JDS SHIMAYUKI



JDS KASHIMA


Seramai 100 warga tentera laut asing mewakili 10 buah kapal perang dari empat buah negara iaitu Perancis, Amerika Syarikat, Jepun dan New Zealand telah diraikan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali dalam satu majlis 'rumah terbuka' di KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, Pulau Indah, Pelabuhan Klang pada 30 Ogos lalu. Kapal-kapal perang tersebut berlabuh di Pelabuhan Klang sempena Sambutan ke-50 Kemerdekaan Negara, bermula dari 28 Ogos 2007 sehingga 3 September 2007. Dianggarkan seramai 7543 orang pegawai dan anggota tentera laut asing berada di Pelabuhan Klang sepanjang tempoh berkenaan.

Lawatan rasmi kapal-kapal dari negara-negara asing itu dilihat sebagai satu jalinan kerjasama dalam menguatkan hubungan bilateral di antara TLDM dengan negara-negara

Keupayaan TEMPUR CB90

Oleh : **BM KNA Rosdi bin Muhammad**
Foto : **BK KNA Amir Hamzah bin Ismail**

Negeri Sabah berkongsi sempadan perairan dengan Filipina di sebelah timur, manakala di bahagian selatan pula bersempadan dengan perairan Indonesia. Panjang keseluruhan perairan pantai Sabah ialah kira-kira 1,603 km dengan jumlah kepulauan sebanyak 397 buah mengelilingi perairan ini. Kawasan Operasi Maritim (KOM) di perairan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) TLDM dikawal ketat dengan menggunakan aset-aset kapal TLDM dengan dibantu oleh bot-bot CB 90H versi C. Lima buah bot tersebut diperolehi secara kontrak berasingan iaitu, dua unit melalui pembekalan terus daripada N Sundin Dockstavarvet AB, Sweden pada tahun 1999 iaitu Tempur 11 dan 12 manakala dua unit melalui pembekalan daripada PSC Naval Dockyard Sdn Bhd pada tahun 1999 iaitu Tempur 13 dan 14 serta satu unit terpakai



melalui rundingan terus pada tahun 2000 iaitu Tempur 15. KOM OP PASIR LAUT yang dikawal dengan menggunakan aset-aset kapal TLDM yang sedia ada mulai 18 Sep 2000 dan telah dibantu dengan kewujudan dan kehadiran bot-bot CB 90HEX yang diperolehi secara berperingkat mulai Ogos hingga Dis 01.

Pada 23 Ogos 01 di Sandakan, Sabah telah menyaksikan penerimaan Tempur 21, Tempur 22, Tempur 23, Tempur 24 dan Tempur 32 bagi Fasa pertama. Penerimaan kedua pula pada 4 Okt 01 di Pelabuhan Klang, Selangor TLDM menerima penyerahan Tempur 33 dan Tempur 34 dan penerima Tempur 41, Tempur 42, Tempur 43 serta Tempur 44 mengakhiri fasa ke tiga penerimaan pada 15 Dis 01 yang di Sandakan, Sabah. Kesemua bot jenis CB 90H dan CB 90HEX diberikan nama TEMPUR dengan persetujuan Panglima Tentera Laut dan nombor pennant mengikut urutan dalam Skuadron Pertama terdiri dari Tempur 11 hingga 15, Skuadron Ke-2 terdiri dari Tempur 21 hingga 24, Skuadron Ke-3 terdiri dari Tempur 32 hingga 34 dan yang terakhir sekali Skuadron Ke-4 terdiri dari Tempur 41 hingga 44. Sebanyak lima buah bot CB 90H ditempatkan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu untuk penugasan di GSP iaitu Tempur 11, Tempur 12, Tempur 13, Tempur 14 dan Tempur 15.

Tujuh buah bot CB 90HEX telah ditempatkan di KD SRI SANDAKAN iaitu Tempur 21, Tempur 22, Tempur 23, Tempur 32, Tempur 33, Tempur 34 dan Tempur 42. Tempur 44 telah diserahkan kepada Markas Armada pada 23 Nov 02 untuk ditempatkan di Pangkalan TLDM Lumut, Tempur 24 diserahkan kepada KD SULTAN ISMAIL Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih pada 22 Mei 04 manakala Tempur 41 dan Tempur 43 telah diserahkan kepada Markas Armada pada 24 Jul 04.

Ciri-ciri utama bot CB 90H Versi C dan CB 90HEX adalah seperti berikut; panjang keseluruhan (*length overall*) 16.1 m, panjang badan (*body overall*) 14.9 m, Panjang paras (*water line*) 13 m, Lebar 3.8 m, Lebar sehingga paras *water line* 0.98 m, ketinggian dari *baseline* ke menara utama 5 m, dasar menara utama 3.8 m, *Top Of Wheelhouse* 3.5 m. Kedua-dua versi ini mempunyai kelajuan maksim 45 batu nautika sejam dan kelajuan dengan penumpang 35 batu nautika sejam. Jentera utama dan alatan sokongan bagi CB 90 Versi C terdiri daripada dua buah enjin jenis Scania, dua sistem *waterjet*



jenis 410mm Impeller serta dua janakuasa 588kw, manakala CB 90HEX terdiri daripada buah enjin Caterpillar, dua sistem *waterjet* jenis 410mm Impeller dan dua janakuasa 588kw. Keupayaan pengoperasian tempur adalah dari segi kuasa pecutan mencapai kelajuan sehingga 45 batu nautika sejam. Masa purata yang diambil oleh tempur dalam keadaan ringan untuk memecut dari kelajuan 0 hingga 40 batu nautika sejam adalah sekitar tidak melebihi 40 saat sahaja. Tempur dapat memindahkan anggota atau barang-barang melalui haluan dan merapat (*touch*) antara haluan bot dengan haluan bot lain ataupun haluan dengan *ship side* kapal. Ianya mudah dilakukan dan lebih efektif untuk pemindahan dalam masa yang singkat. Selain daripada itu, keupayaan berundur dan mendarat dengan tatacara dan kelajuan yang ditetapkan pada purata kelajuan maksimum 6 hingga 7 batu nautika sejam. Berupaya mendarat di persisiran pantai dengan cara melepaskan sauh ke belakang sejauh 20 meter dari pantai dan mengelunurkan haluan bot ke tepi pantai dan apabila bot berlepas dari pantai, sauh di belakang ditarik dengan menggunakan tenaga manusia sebelum menggunakan enjin.

Tempur berupaya melakukan pusingan 360 darjah semasa kelajuan maksimum dan masa yang diambil adalah sekitar 30 hingga 35 saat manakala jejari pusingan adalah sekitar 25 meter. Walau bagaimanapun masa dan jejari pusingan dapat dikurangkan dengan cara menarik salah satu *bucket* kepada kedudukan *stern* mengikut arah

pusingan yang dikehendaki. Bot CB90 berkeupayaan untuk memintas bot-bot laju ataupun kapal musuh dengan berkesan dengan kelajuan yang dimiliki sekitar 42 hingga 45 batu nautika sejam dan dapat melakukan pusingan 360 darjah yang cukup tajam yang memudahkannya untuk mengejar musuh. Tempur juga berupaya berhenti apabila berlaku kecemasan dengan cara menarik *bucket* dan diletakkan kepada kedudukan mengundur. Masa purata yang diambil bagi bot berhenti dari kelajuan maksimum adalah antara 6 hingga 7 saat. Manakala jarak lajukan adalah antara 20

hingga 25 meter. Tempur berupaya memberi bantuan kepada pasukan mendarat kerana ia berupaya merapat persisiran pantai, dengan pantas ia dilengkapi dengan senjata 12.7mm bagi jenis CB 90H dan GPMG bagi jenis CB90HEX yang mampu memberikan perlindungan kepada pasukan mendarat dengan membuat serangan terhadap pihak musuh dengan berkesan. Reka bentuknya yang kecil dan rendah memberi kelebihan kepada bot CB90 untuk berlindung di celah atau di sebalik pulau. Bunyi enjinnya minima dan kelajuan yang tinggi membolehkan serangan mengejutkan.



Tempur berupaya melakukan rondaan di kawasan yang luas dalam masa yang singkat merangkumi kawasan perairan yang cetek sehingga kedalaman air 1.5 meter pada kelajuan maksimum selama 10 jam. Jarak rondaan yang dapat dilakukan adalah sekitar 300 hingga 400 batu nautika. Bot CB90 mampu melakukan penugasan khusus seperti, memberi bantuan MEDEVAC / CASEVAC, melakukan pemintasan dan siasatan, membawa team penyelam dan bantuan teknikal, memberi bantuan pengangkutan laut kepada Tentera Darat semasa atur gerak trup dan ulang bekal, melaksanakan kerja-kerja pengintipan, membawa pasukan mengeledah dan mendarat, melaksanakan tugas mencari dan menyelamatkan (*Search and Rescue*), memberi perlindungan pasukan mendarat, melaksanakan tugas penyusupan dan sebagai platform penugasan khas orang kenamaan. **S**





MEE MK III - ILHAM SONAR BANGKIT SELERA !

Oleh: Aboy PR FOC RMN
Email: sharnelly@myjaring.net
Foto: LRP Hamizan

BAHAN-BAHAN MEE MK III

Mee Sanggol (dicerut)
Ayam (dibakar-untuk hiasan)
Kepah (direbus dan dibuang kulit)
Udang (digoreng dan dibuang kulit)
Tomato Puree
Rempah Kari
Capsicum (cili belanda)
3 Warna (dipotong dadu)
Bawang Putih
Bawang Merah
Bahan Perasa
Cili Sos



CARA-CARA MEMASAK

1. Tumiskan bawang putih dan bawang merah yang telah dikisar sehingga naik bau.
2. Masukkan tomato puree dan rempah kari dan kacau sehingga masak
3. Apabila sudah terbit minyak, masukkan kepah dan udang.
4. Masukkan bahan perasa dan mee.
5. Taburkan capsicum yang dipotong dadu kemudian angkat untuk dihidang.



PENULIS berasa teruja bila mendapat tugas menemuramah raja dapur di kapal kecil ini. Mana tidaknya. Menu yang diberi agak pelik, namun melangkah ke *gangway* KD MAHAMIRU, deria bau penulis sudah menangkap sesuatu yang luar biasa...enak!

"Jangan terkejut. Menu kami memang special!" Ujar LK 1 BDI Wan Syahrudin Wan Junus, 26, sambil mempersilakan penulis ke ruang galley yang kecil itu.

"Nampak macam char kuey teow, tapi rasanya lebih kaw...", katanya lagi sambil mengopek kulit udang yang baru digoreng.

Mee MK III, tidak asing lagi bagi warga kapal KD MAHAMIRU. Mungkin ramai tertanya-tanya apakah rahsia yang tersirat di sebalik nama yang agak unik itu.

"Idea Pegawai Memerintah, Komander Shamsudin Ludin TLDM selepas kapal mendapat Sistem Sonar TSM MK III Oktober tahun lalu.

"Dulu KD MAHAMIRU menggunakan Sistem Sonar MK II, tapi kini sonar versi baru dan termoden untuk peperangan periuk api dalam pelbagai jarak dan frekuensi," jelas Wan Syarudin.

Idea itu, kata anak kelahiran Pendang Kedah ini, mencetus ilham untuk beliau mencipta satu

resepi baru. Wan Syarudin yang memang minat memasak cuba memikirkan sesuatu yang menarik dan membuka selera, kebetulan perolehan sistem sonar baru menjadi kebanggaan warga kapal ketika itu.

"Saya terus mencipta Mee MK III yang mudah dan cepat untuk disediakan ini, sesuai untuk minum petang dan bagi mereka yang sibuk atau malas memasak," katanya sambil ketawa.

Wan Syarudin merupakan anak pertama daripada tiga beradik, dua lelaki dan seorang perempuan. Sebagai anak sulung, beliau menjadi tulang belakang keluarga dan tidak hairanlah, beliau cekap menguruskan kerja-kerja rumah lebih-lebih lagi urusan di dapur.

"Saya memang minat memasak. Sebelum memasuki TLDM, saya pernah bekerja di Hotel Sheraton Perdana, Langkawi selama 1 tahun, tugas saya masa tu hanya buat Air Batu Campur tapi sepanjang duduk di dapur saya sentiasa memerhati aksi tukang masak.

"Jauh di sudut hati saya timbul azam untuk menjadi tukang masak seperti mereka," katanya lagi.

Rupanya Wan Syarudin seorang yang berjiwa kental. Beliau yang berkepakaran Penyelam

setamat rekrut terpaksa akur apabila gagal semasa ujian chamber. Tidak patah semangat, beliau terus memohon untuk mencuba bidang masakan dan sehingga kini, Wan seronok digelar Tukang Masak! Apabila ditanya cabaran sebagai tukang masak di kapal kecil, Wan Syarudin memberitahu, setakat ini dua cabaran paling hebat pernah dilaluinya.

"Biasalah kapal kecil akan goyang apabila ombak besar atau dalam keadaan cuaca yang tidak menentu. Susah nak masak dalam keadaan ni. Kadang-kadang minyak panas terpercik ke muka dan macam-macam lagi.

"Ini satu lagi cabaran di kapal kecil. Bak kata orang, biar tiada elektrik jangan tiada air. Apabila kapal belayar, air terpaksa dicatu. Penggunaan air terhad. Kalau belayar lama, terpaksa makan ala kadar dan kadang-kadang tidak dapat membasuh dengan sempurna.

"Mabuk usah ceritalah tapi dah lali. Sebagai tukang masak, tugas tetap diutamakan. Saya mesti lawan semua tu sebab hanya ada dua orang tukang masak di kapal ni. Kalau saya tak masak, bagaimana anak-anak kapal nak makan." Ujarnya tersenyum sambil menghadirkan Mee MK III untuk penulis. **S**

KD KEDAH DIBUKA UNTUK

PELAWAT DI PELABUHAN AWAM KOTA KINABALU

Sempena Hari Kemerdekaan Ke - 50


Oleh : **PM & Pegawai Kanan KD KEDAH**
Foto : **Lt Wan Mohd Aizat bin Wan Ariffin**
TLDM

KD KEDAH telah menerima tugas untuk dibuka kepada lawatan orang ramai khususnya penduduk Sabah sempena Hari Kemerdekaan yang ke-50 di Pelabuhan Awam Kota Kinabalu. Secara keseluruhannya program kapal dibuka untuk lawatan telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh penduduk tempatan. Seramai 1261 orang pelawat telah datang melawat kapal bermula dari jam 0900H hingga 1700H. Rata-rata para pelawat berpuas hati dan berbangga terhadap layanan dan maklumat yang telah diberikan oleh warga kapal.

Program kapal dibuka untuk lawatan pada Hari Kemerdekaan Ke-50 ini merupakan satu kejayaan terbaik oleh pihak kapal. Kerja keras seluruh anggota yang terlibat telah banyak menyumbang kepada kejayaan pada program lawatan kali ini. Diharap program kapal dibuka untuk lawatan akan datang dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung di samping mengadakan aktiviti yang lebih padat dan menarik untuk para pengunjung.

Pihak kapal bercadang untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bersama penduduk tempatan dan beramah mesra bagi mengeratkan hubungan serta memperkenalkan TLDM kepada masyarakat awam.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga kapal di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan aktiviti ini. "SEDIA BERKORBAN". **S**



Tahukah Anda?



1. Kenapakah para pembesar dikehendaki mengikat hulu keris pada sarungnya dengan tali berwarna terang ketika menghadap sultan? Ia bertujuan untuk mengelakkan pembesar yang menghadap sultan dari mencabut keris dan menikam baginda. Ia juga menjadi simbol ketaatan kepada sultan.



4. Sesebuah pangkalan tentera laut dikenali sebagai *stone frigate* dalam istilah kepelautan. Ini adalah kerana sesebuah pangkalan biasanya ditauliahkan sama seperti sebuah kapal dan memberi bantuan sokongan kepada kapal-kapal di laut.



2. Kenapakah lambung kanan kapal dipanggil *starboard* dan lambung kiri kapal dipanggil *port*? Sejarah penggunaan istilah tersebut bermula dari zaman Viking di mana *steur* dalam bahasa Saxon bermaksud kemudi kapal dan lazimnya kemudi yang berbentuk dayung panjang tersebut terletak di bahagian buritan kanan kapal. Orang Viking memanggil lambung kanan kapal sebagai *steurbord* bermaksud bahagian kemudi kapal. Untuk menjaga keselamatan kemudi, kapal hanya boleh merapat ke pelabuhan di lambung kiri dan bahagian ini dipanggil *backbord* yang bermaksud bahagian pelabuhan dan pemunggaan barangan. Orang Inggeris memanggil lambung kanan sebagai *starboard* kerana Pegawai Bertugas Anjungan akan berada di lambung tersebut untuk membuat cerapan falak.



5. Dobi berasal dari perkataan India *dhobey* yang bermaksud tukang cuci pakaian.



3. Perkahwinan di dalam beberapa perkhidmatan tentera laut dunia dikenali sebagai *reefknot* (*to tie a reefknot*). Ini adalah kerana *reefknot* adalah sejenis ikatan tali yang kuat tetapi mudah dilelai seperti sebuah ikatan perkahwinan.



6. *Cut and run*. Frasa ini bermaksud menyelamatkan diri atau berhenti dari melakukan sesuatu. Ia berasal dari kebiasaan di zaman kapal layar di mana tali sauh atau tali penggulung layar dipotong untuk mempercepatkan kapal belayar semasa kecemasan.

• Anugerah Olahragawan/Olahragawati TLDM



PW 1 KMR Sapiah binti Pilus dinobatkan sebagai olahragawati TLDM 2006



Olahragawan dan Olahragawati TLDM bergambar kenangan dengan PTL dan Timbalan PTL

• Ceramah Agama di Masjid An-Nur



Dato' Jamil Khir, Pengarah KAGAT disambut oleh Panglima Armada di perkarangan Masjid An-Nur Pengkalan TLDM Lumut



Ceramah agama sempena Hari TLDM di Masjid An-Nur Pengkalan TLDM Lumut

• Hari Terbuka ARMADA



Pengunjung melawat kapal TLDM Pengkalan TLDM Lumut sempena Hari TLDM Ke-72

• Sambutan Hari Pahlawan 2007



Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badwi mengambil tabik hormat Perbarisan Kawalan Utama



Perdana Menteri dan Ketua-Ketua Perkhidmatan ATM dan PDRM memberi penghormatan di Tugu Kebangsaan

• Pertandingan Penamaan dan Mencipta Logo Kapal Selam



Panglima Tentera Laut menyampaikan replika cek kepada En. Mohd Nurizem Tumirim yang telah menamakan Kapal Selam KD TUNKU ABDUL RAHMAN



Panglima Tentera Laut, Timbalan Panglima Tentera Laut dan Panglima Armada di sidang media sempena Majlis Penyampaian Hadiah dan Pelancaran Pertandingan Mencipta Logo Kapal Selam

• Kempen Derma Darah Hari Pahlawan



Seorang anggota TLDM menjalani pemeriksaan sebelum menderma darah



BM TMK Salim menunjukkan kad pemderma yang telah penuh

• Freedom of Entry to the City - Kota Kinabalu



Orang ramai menyaksikan pertunjukan *manuvra* Bot CB90 TLDM



Ucapara Penurunan Panji-panji (*Sunset Ceremony*) dipertontonkan kepada orang ramai

• Lawatan BAKAT (L) MTL ke Rumah Orang Kurang Upaya Cheras



Ibu BAKAT (L), Puan Sri Noor Asmah menyampaikan sumbangan kepada penghuni rumah OKU Cheras



• Sembah Hormat ke Atas DYMM Sultan Selangor



DYMM Sultan Selangor diperkenalkan kepada Pegawai Tertinggi tentera laut negara asing



DYMM Sultan Selangor menerangkan sesuatu kepada AKS RANOP sambil diperhatikan oleh Tan Sri Anwar

• Pasukan Ronda Berbasikal PROTELA Lumut



PTL berkenalan dengan anggota Pasukan Ronda Berbasikal PROTELA Lumut



PTL merasmikan Pasukan Ronda Berbasikal

• Pertandingan Koir Piala Meryam 2007



TPTL menyerahkan Piala Pusingan Meryam kepada wakil Markas Sistem Armada



Kumpulan Koir MAWILLA 1 bergambar bersama Dato' Jamil

• Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah KD KEDAH



Kept Mohd Aliyas dan Kdr Chan menandatangani dokumen Serah Terima PM KD KEDAH



Pangwilla 2, Laksamana Muda Dato' Ahmad Kamaruzaman meletakkan Lencana Pegawai Memerintah kepada Kdr Chan Peng Cheong TLDM



31 ogos datang lagi....

Pagi itu,
31 Ogos datang lagi....
Semua orang menuju ke satu destinasi,
Berhimpun bersama berbilang bangsa,
Bersatu menyambut negara ku merdeka,

Malaysia Negara ku bertuah,
Melahirkan ramai perwira yang gagah,
Melawan musuh menegakkan maruah,
Menjadi ingatan terpahat sejarah

31 Ogos datang lagi...
Semangat kemerdekaan jelas terbukti,
Tak kira yang tua mahupun muda,
Mengorak langkah, berkorban masa dan tenaga,
Melaungkan ungkapan merdeka, merdeka, merdeka,

Kini 31 Ogos datang lagi...
Ketenangannya dapat ku rasai,
Negeraku makmur aman sentosa,
Hasil bakti pejuang negara,
Mempertahankan kedaulatan Malaysia tercinta.

Nukilan Iswardi 178

Kehidupan dan perjuangan

Ibu...
Waktu kecilku...
Pengorbananmu amat tinggi dan tidak ternilai
Dakapan rindu di angin lalu
Membawa aku mengenal erti kehidupan
Sentuhan dan belaian kasihmu
Memberi penuh erti kasih sayang dan pengorbananmu

Ibu...
Setelah meningkat remaja
Kau curahkan segala ilmu
Sebagai sandaran perjuangan
Kehidupan penuh liku dan tandus
Harus aku tempuhi

Ibu...
Kini, aku teruskan kesinambungan harapanmu
Namunjuanganku nyata tidak putus di sini
Kerana...
Rintangan masih menanti di hadapan
Dengan penuh kesetiaan dan harapan
Memimpin aku erti kehidupan dan perjuangan
Walau ke titisan darah terakhir

Nukilan Zarith Sofea

2985 7512
9086
7086
7000

01 35083113
012 4345480

Bangsa ku...

Kemerdekaan....
laungan keramat
laungan sakti
perjuangan pewira ku....
banyak meninggalkan sejarah.....

Kemerdekaan ini bukan mudah
bangsa ku....
tanah ini telah meratap
tanah ini telah menangis
tanah ini pernah meraung,

Kini tiba masanya....
Perjuang baru bangkit menjaga
Keamanan negara yang tercinta
dan memikul amanah negara,

budi dan jasa terpahat kukuh
di dinding kedamaian....
kini masyhur harum menjulang nama
lautan berduri telah ku redah
kini berjaya jua akhirnya.....

Bangsa ku....
coraklah warna warni kehidupan mu
dengan warna warni darah pejuang
dengan warna warni semangat kemerdekaan
kerana ia bukan seketika....

Kazumiboy_hpRempit on9....

Perjuanganku bermula

Kehadiran mu perjuanganku
Membuat aku tersedar dari igauan
Yang ketika ini ku anggap realiti
Aku pun terpegum tentang realiti
Yang seusia ini ku tidak fahami

Kehadiran mu perjuanganku
Membuatku teguh meneliti prioriti
Yang hingga kini tidak pernah ku peduli
Aku pun gerum untuk bersama hadapi
Hari depan mu nanti kalau ku terus disini

Kehadiran mu perjuanganku
Adalah pembawa rahmat
Yang memancar menyalur suria
Kearah satu destinasi dalam hidupku dan perjuanganku

Nukilan Rosdi 07

ROYAL MALAYSIAN NAVY BARRACK
K. D. MALAYA





Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. 199302-K
(A member of Boustead Group)

MOVING FORWARD



- **PEMBINAAN KAPAL**
- **BAIKPULIH KAPAL**
- **KEJURUTERAAN NAVAL
& MARITIM**
- **PETROLEUM & GAS**

"A TRADITION OF STRENGTH AND STABILITY. A VISION OF GROWTH AND EXCELLENCE"

17th Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: +603-2078 7779 Fax: +603-2078 7768 Website: www.boustead.com.my
Pangkalan TLDM, 32100 Lumut, Perak, Malaysia Tel: +605-683 5701 Fax: +605-683 8552



STRENGTH AT SEA

DCNS

Now hear this. New force on all seas

DCN becomes DCNS. Integrated teams. New force. New identity. A European leader in naval defence with proven mastery of the complexity of integrated warships. Globally recognised expertise in naval architecture, systems engineering, shipyard management, through-life support and mission-critical systems and equipment. Our strategic vision, flair for innovation and shared passion ensure customer satisfaction and mission success on all seas.

www.dcn.fr